

Jurnal Pengurusan JAWHAR

Vol. 4, No. 2, 2010

LEMBAGA EDITOR

Ketua Editor

Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh
*Ketua Pengarah,
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri*

Editor Perujuk Luar

Dr. Ramli Hasan
*Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Pengajian Tinggi*

Dr. Hj. Muhamad Rahimi Osman
Pengarah Institut Kajian Zakat, UiTM

Editor Perujuk Dalaman

En. Khalid Mohamed
Timbalan Ketua Pengarah, JAWHAR

Dr. Norazman Ismail
Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasan, JAWHAR

Penyelia

En. Mizhar Hj. Mazlan
*Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasan, JAWHAR*

Editor

Pn. Rosmawati Yas

Penerbitan

Cik Kamariah Nor Mohd Nong

Jurnal Pengurusan JAWHAR

Vol. 4, No. 2, 2010

KANDUNGAN

Kata-kata Ketua Editor	<i>iii</i>
1. Kedudukan Petugas Haji Yang Bertugas Di Makkah Madinah Dan Madinatul Hujjaj (Jeddah): Garis Panduan Niat Ihram Di Miqat Dato' Hj. Hassan Hj. Ahmad & Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi	1
2. Kesan Akaun Hutang Dan Inventori Ke Atas Nilai Taksiran Zakat Perniagaan Korporat Di Malaysia Sanep Ahmad & Ahmad Othman	25
3. Harta Wakaf Dan Keusahawanan: Suatu Analisis Konseptual Ahmad Rafli Che Omar	43
4. Larangan Dalam Ihram: Isu Pemakaian Selipar Atau Kasut Yang Menampakkan Semua Jari Kaki Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi & Dr. Hj. Zulkifli Mohamed Al-Bakri	65
5. Peningkatan Kutipan Zakat Di Malaysia: Analisa Faktor Prof. Madya Dr. Amir Husin Mohd Nor	79
6. Kepemimpinan Beretika Berteraskan Sirah Nabi Muhammad S.A.W. Dr. Suraiya Ishak & Ahmad Munir Ishak	95
7. Implikasi Perundangan Terhadap Pendaftaran Tanah Wakaf Di Malaysia: Satu Kajian Dari Aspek Akta Pengambilan Tanah 1960 Dr. Mohd Afendi Mat Rani & Sayuti Abd. Ghani	113
8. Serahkan Zakat Anda Kepada Pemerintah: Satu Sorotan Dari Perspektif Sejarah Dan Hukum Syarak Mursalin Daeng Maggangka	147

KATA-KATA KETUA EDITOR

Pertama sekali, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Pengurusan JAWHAR ini. Penerbitan jurnal ini adalah sebahagian daripada usaha memantapkan fahaman masyarakat terhadap bidang-bidang teras seliaan JAWHAR. Jurnal Pengurusan JAWHAR ini mengandungi lapar penulisan terpilih yang mengupas pelbagai sudut kajian berkaitan institusi wakaf, zakat, mal dan haji serta pengurusan.

Artikel pertama merupakan hasil nukilan bersama Dato' Hj. Hassan Hj. Ahmad dan Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi. Artikel ini mengupas isu niat ihram di Miqat yang sering dihadapi oleh petugas-petugas haji yang bertugas di Makkah, Madinah dan Madinatul Hujjaj (Jeddah) ketika musim haji di Tanah Suci Makkah. Artikel kedua pula membincangkan kaedah taksiran zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia. Artikel ini ditulis oleh Prof. Madya Dr. Sanep Ahmad dan Pelajar PhD, Graduate School of Business (GSB), Ahmad Othman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Artikel seterusnya adalah sumbangan Ahmad Rafli Che Omar yang merupakan Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM. Artikel beliau ini mengupas potensi pembangunan harta wakaf menerusi aktiviti keusahawanan yang selaras dengan usaha menyubur, menambah nilai dan menjana hasil berkekalan untuk membolehkan manfaatnya dinikmati oleh masyarakat Islam buat selama-lamanya.

Artikel keempat adalah hasil tulisan kedua Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi, penulis bersama ialah Dr. Hj. Zulkifli Mohamed Al-Bakri yang menerang dan menjelaskan kekeliruan yang berlaku dalam kalangan jemaah haji dan petugas haji berkaitan hukum pemakaian selipar atau kasut di dalam ihram bagi jemaah haji lelaki semasa menunaikan ibadat haji. Artikel kelima pula menganalisa faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia awal tahun 2000. Artikel ini ditulis oleh Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu Prof. Madya Dr. Amir Husin Mohd Nor.

Jurnal ini turut dimuatkan dengan artikel berkaitan pengurusan yang membincangkan konsep kepemimpinan organisasi berteraskan kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai model dan contoh terbaik. Artikel ini adalah hasil tulisan Dr. Suraiya Ishak dan Ahmad Munir Ishak. Artikel ketujuh iaitu sumbangan Dr. Mohd Afendi Mat Rani dan Sayuti Abd. Ghani yang membincangkan implikasi perundangan terhadap tanah-tanah wakaf di Malaysia yang sebahagian besarnya belum didaftarkan kepada MAIN sebagai pemegang amanah hartanah wakaf di Malaysia. Artikel ini fokus kepada kepentingan pendaftaran dan implikasinya hasil daripada pelaksanaan Akta Pengambilan Tanah 1960.

Seterusnya artikel terakhir adalah sumbangan Penasihat Syariah Mu'amalat Atarek Kamil Ibrahim Islamic Accounting & Co. Wangsa Maju, Kuala Lumpur iaitu Ustaz Mursalin Daeng Maggangka. Artikel ini mengupas isu pembayaran zakat persendirian yang masih lagi wujud, di mana mereka cuba mengagihkan zakat secara sendiri-sendiri langsung kepada asnaf-asnaf yang mereka pilih atau kenali, padahal syarak tidak memberi mereka kuasa untuk mengagihkannya dengan cara tersebut.

Kesemua penulisan yang terkandung di dalam Jurnal ini telah dipilih berdasarkan kajian dan penemuan yang mampu memberikan impak praktikal di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji khususnya dan pengurusan amnya. Pihak editorial Jurnal Pengurusan JAWHAR mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada perujuk luar dan dalam serta penulis-penulis yang telah menyumbangkan penulisan untuk jurnal ini. Semoga setiap pandangan, cadangan, ulasan dan kritikan yang dihasilkan dikira sebagai amalan soleh yang mendapat ganjaran di sisi Allah S.W.T. jua hendaknya.

KEDUDUKAN PETUGAS HAJI YANG BERTUGAS DI MAKKAH, MADINAH DAN MADINATUL HUJJAJ (JEDDAH): GARIS PANDUAN NIAT IHRAM DI MIQAT¹

Oleh:

Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi²

Dato' Hj. Hassan Hj. Ahmad³

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menerang dan menjelaskan garis panduan niat ihram di Miqat bagi kedudukan petugas haji yang bertugas di Makkah, Madinah dan Madinatul Hujjaj (Jeddah) ketika musim haji di Tanah Suci Makkah. Isu niat ihram di Miqat ini sering sahaja dihadapi oleh petugas-petugas haji yang bertugas di Makkah, Madinah dan Madinatul Hujjaj (Jeddah) pada setiap kali musim haji tiba. Ini jelas apabila ada diantara mereka yang terpaksa membayar dam akibat kekeliruan berniat ihram di Miqat ketika ingin melaksanakan ibadah haji. Artikel ini akan memperincikan empat bahagian garis panduan niat ihram di Miqat iaitu petugas haji yang datang dari Malaysia masuk ke Makkah dan melakukan umrah dahulu kemudian terus bertugas di Madinatul Hujjaj (Jeddah) bagi yang kena bermukim, Madinatul Hujjaj (Jeddah) bagi yang tidak bermukim kerana menetap di Makkah, di kota Suci Madinah dan petugas haji yang datang dari Malaysia terus bertugas di kota Madinah. Diharapkan, perbincangan yang disampaikan dalam artikel ini akan menjadi satu panduan dan bimbingan kepada jemaah haji yang lain di dalam menghadapi isu permasalahan dan persoalan hukum hakam berkaitan ibadah haji demi mencapai keredhaan Allah S.W.T. seterusnya mencapai haji mabrur.

Perkataan Teras : Niat Ihram, Petugas Haji, Miqat, Ibadah Haji

Klasifikasi JEL : D83, L50, Z12

¹ Artikel ini telah dinilai dan dibentangkan di *4th National Seminar On Hajj Best Practices*, Kluster Haji, Universiti Sains Malaysia (USM) pada 27-29 Julai 2010.

² Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia merangkap Ketua Penyelidik Bimbingan Haji, Lembaga Tabung Haji dan Penyelaras Seminar dan Wacana, Unit Politik Dan Masyarakat, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).

³ Mufti Kerajaan Pulau Pinang merangkap Pengerusi Pakar Rujuk Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji Lembaga Tabung Haji dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

PENDAHULUAN

Ihram ialah permulaan ibadah haji. Ia juga merupakan laluan masuk segala ibadat tersebut serta pelbagai rukun dan wajibnya. Manakala berniat ihram di Miqat bermaksud berniat ihram untuk mengerjakan haji. Niat tersebut hendaklah dilakukan di Miqat. Ianya merupakan salah satu daripada wajib haji. Wajib haji ialah pekerjaan yang wajib dilakukan ketika mengerjakan haji. Jika tidak dikerjakan salah satu daripadanya, haji tersebut tetap sah, tetapi dikenakan dam menurut syarat-syaratnya. Dia juga menanggung dosa jika meninggalkan perkara tersebut dengan sengaja. Niat tersebut hendaklah dilakukan di Miqat.

Wajib haji tersebut ialah:

- i. Berniat ihram di Miqat
- ii. Meninggalkan larangan ihram
- iii. Mabit di Mudzalifah
- iv. Melontar anak batu di Jamrah Kubra
- v. Mabit di Mina
- vi. Melontar anak batu di tiga Jamrah (Jamrah Sughra, Jamrah Wusta dan Jamrah Kubra).

DEFINISI MIQAT

- a. Al-Mawaqit adalah *jama* dari kata “mi-qat”. Miqat itu bererti batas dan waktu untuk beribadah yang meliputi waktu dan tempat. Sedangkan: “At-Tauqit” bererti pembatasan waktu. Inilah sebabnya dijelaskan tempat-tempat khusus untuk berhram di dalam Miqat yang ditetapkan. (Terjemahan Subulus Salam, hlm. 725)
- b. Miqat ialah ketentuan tempat atau masa untuk berniat ihram haji. (Panduan Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah, hlm. 55)
- c. Ia terbahagi kepada dua, iaitu Miqat Zamani yang bermakna tempoh yang sah berhram haji dan Miqat Makani yang bermaksud sempadan sesuatu tempat yang tidak harus dilampaui oleh seseorang yang mengerjakan haji kecuali setelah berhram. (Al-Fiqh Al-Manhaji, hlm. 37)

- d. Ianya suatu ketentuan waktu dan tempat, yang mana jika mengerjakan ibadah haji sebelum waktu atau selepas waktunya maka tidak sah. Dan ianya juga berkaitan dengan tempat berniat ihram ketika memulakan ibadah haji. Miqat terbahagai kepada dua: Miqat Zamani dan Makani. (Mausu'ah Al-Hajj Wal-Umrah, hlm. 478)

DALIL MIQAT

Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T.:

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَةٌ

Maksudnya:

“(Masa untuk mengerjakan ibadah) haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum.”

(Surah Al-Baqarah: Ayat 197)

Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W.:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : وَقَّتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
لِلْأَهْلِ الْمَدِينَةِ ذَا الْحُلَيْفَةِ , وَلِلْأَهْلِ الشَّامِ النَّجْدُ حَفَةَ , وَلِلْأَهْلِ نَجْدِ قَرْنٍ , وَلِلْأَهْلِ
الْيَمَنِ يَلْمَلَمَ . وَقَالَ هُنَّ لُهُنَّ , وَلِمَنْ أَتَى عَلَيْهِنَّ مِنْ غَيْرِ أَهْلِهِنَّ مِمَّنْ أَرَادَ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ ,
فَمَنْ كَانَ دُونَ ذَلِكَ فَمِنْ حَيْثُ أَنْشَأَ , حَتَّى أَهْلِ مَكَّةَ مِنْ مَكَّةَ (منفق عليه)

Maksudnya:

Daripada Ibnu 'Abbas R.A. katanya, “Rasulullah S.A.W. menetapkan Zulhulaifah sebagai Miqat bagi penduduk Madinah, Juhfah bagi penduduk Syam, Qarnu bagi penduduk Najad, Yalamlam bagi penduduk Yaman. Baginda bersabda, kesemua Miqat tersebut adalah bagi penduduk negeri-negeri berkenaan dan penduduk negeri yang lain yang melaluinya untuk mengerjakan haji dan umrah. Sesiapa yang tinggal di kawasan selepas Miqat tersebut berihramlah di tempat dia memulakan perjalanannya sebagaimana penduduk Makkah berihram di Makkah itu sendiri.” Muttafaq 'Alaih.

(Sahih Al-Bukhari & Sahih Al-Muslim: Ayat 1429 & 2022)

JENIS-JENIS MIQAT

Miqat terbahagi kepada dua, iaitu Miqat Zamani dan Miqat Makani.

a. **Miqat Zamani bagi haji**

Miqat Zamani haji ialah masa bagi seseorang berniat ihram haji. Ia bermula dari 1 Syawal hingga seketika sebelum terbit fajar (masuk waktu Subuh) pada hari 10 Zulhijjah. Tempoh inilah yang dinamakan sebagai bulan-bulan haji. Apabila seseorang itu berniat ihram haji dalam bulan-bulan tersebut maka niatnya itu adalah sah. Jika dia berniat ihram haji di luar masa tersebut, maka dengan sendirinya niat ihramnya itu bertukar menjadi niat ihram umrah.

Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T.:

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ

Maksudnya:

“(Masa untuk mengerjakan ibadat) haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum.”

(Surah Al-Baqarah: Ayat 197)

b. **Miqat Makani haji**

Miqat Makani haji ialah tempat bagi seseorang berniat ihram haji. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W. daripada Ibnu ‘Abbas R.A. seperti dinyatakan sebelum ini. Terdapat lima Miqat Makani haji. Bagi jemaah haji Malaysia hanya dua Miqat sahaja yang dilalui ketika ini:

i. **Qarn Al-Manazil (Al-Sayl):**

Miqat Qarn Al-Manazil merupakan Miqat bagi jemaah haji Malaysia yang dijadualkan terus masuk ke Makkah dari Tanah Air. Miqat ini juga merupakan Miqat bagi penduduk Najd dan orang-orang yang datang dari arahnya. Jaraknya lebih kurang 94 kilometer dari Makkah.

ii. Zulhulaifah (Abyar Ali/Bir Ali):

Miqat Zulhulaifah merupakan Miqat bagi jemaah haji Malaysia yang dijadualkan menziarahi Madinah terlebih dahulu, kemudian barulah mereka masuk ke Makkah. Miqat ini juga merupakan Miqat bagi penduduk Madinah dan orang-orang yang datang dari arahnya. Jaraknya lebih kurang 425 kilometer dari Makkah dan lebih kurang 10 kilometer dari Masjid Nabawi.

Manakala 3 Miqat yang lain:

i. Yalamlam (al-Sa'diyyah):

Miqat bagi penduduk-penduduk Yaman dan Tihamah dan orang-orang yang datang dari arahnya. Yalamlam ialah nama sebuah bukit yang terletak berhampiran Laut Merah di semenanjung Tanah Arab. Jaraknya lebih kurang 89 kilometer dari Makkah.

ii. Al-Juhfah:

Miqat bagi penduduk-penduduk Syam (Jordan, Lubnan, Palestin, Syria dan Maghrib) dan orang-orang yang datang dari arahnya. Jaraknya lebih kurang 187 kilometer dari Makkah. Pada masa sekarang, tempat berhram bagi Miqat ini ialah di kawasan yang dikenali sebagai Al-Rabigh.

iii. Zatu 'Irqin (Al-Daribah):

Miqat bagi penduduk-penduduk sebelah timur seperti Iraq, Teluk Arab dan orang-orang yang datang dari arahnya. Jaraknya lebih kurang 94 kilometer dari Makkah.

Kertas kerja garis panduan niat ihram di Miqat bagi kedudukan petugas haji yang bertugas di Makkah, Madinatul Hujjaj (Jeddah) dan Madinah ini terbahagi kepada 2 bahagian:

1. Petugas haji dari Tanah Air Malaysia yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah di bawa ke Tanah Suci Makkah untuk melakukan umrah kemudian bertugas di Makkah, Madinatul Hujjaj (Jeddah) dan Madinah.

2. Petugas haji dari Tanah Air Malaysia yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Madinah atau Jeddah kemudian bertugas di Madinah.


BAHAGIAN 1

Petugas haji dari Tanah Air Malaysia yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah di bawa ke Tanah Suci Makkah untuk melakukan umrah kemudian bertugas di Makkah, Madinatul Hujjaj (Jeddah) dan Madinah.

Pergerakan Permulaan Petugas Haji dari Tanah Air Malaysia ke Tanah Suci Makkah

Secara umumnya petugas haji Malaysia yang terpilih untuk bertugas di Tanah Suci Makkah pada musim haji akan menunaikan Haji Tamattu' dan ini adalah kerana mereka akan pergi dan bertolak lebih awal daripada Jemaah Haji Malaysia yang lain bagi membuat persiapan dan persediaan untuk menyambut ketibaan Jemaah Haji Malaysia di samping peluang menunaikan ibadat umrah yang terhidang dan pemilihan Haji Tamattu' yang memudahkan pergerakan petugas haji untuk bertugas di Tanah Suci Makkah. Mereka yang terpilih ini akan berkumpul dan mendaftar diri di Kompleks Tabung Haji seperti yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Tabung Haji, kemudian mereka akan berlepas ke Tanah Suci Makkah melalui Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA, Bayan Lepas Pulau Pinang, Johor Bahru, Johor, Kuching, Sarawak, Kota Kinabalu, Sabah dan Kuala Terengganu, Terengganu.

Apabila memilih mengerjakan Haji Tamattu', maka kebiasaannya petugas haji akan berihram umrah ketika berlepas dari Tanah Air Malaysia. Kemudian mereka akan berniat mengerjakan Haji Tamattu' di Qarnu Manazil iaitu sebelum pesawat melintasi garisan Qarnu Manazil (masa diumumkan di dalam kapal terbang). Setelah mengharungi perjalanan lebih kurang lapan jam, maka petugas-petugas haji akan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah. Daripada Jeddah, mereka akan dibawa ke kota suci Makkah untuk melakukan umrah terlebih dahulu. Apabila telah selesai kesemua rukun dan wajib umrah, kesemua petugas haji ini akan dibahagi dan ditempatkan dipelbagai tempat untuk bertugas iaitu:



Bertugas dan bermukim di Madinatul Hujjaj (Jeddah)

Petugas Haji dari Tanah Air Malaysia yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah dibawa ke Tanah Suci Makkah untuk melakukan umrah kemudian bertugas di Madinatul Hujjaj (Jeddah) dan bermukim (menetap bagi menguruskan ketibaan dan perjalanan pulang jemaah haji Malaysia).

Bagi petugas haji yang bertugas di Madinatul Hujjaj (Jeddah) dan perlu bermukim (berada 4 hari selain daripada hari sampai dan keluar). Selepas sahaja menunaikan umrah wajib dan ingin keluar daripada Tanah Suci Makkah untuk pergi ke Madinatul Hujjaj (Jeddah), petugas haji tersebut perlulah melakukan tawaf Wida terlebih dahulu. Ini adalah kerana petugas haji tersebut akan bermukim di Madinatul Hujjaj (Jeddah) walaupun ianya tidak sampai 2 marhalah.

Apabila sampai di Madinatul Hujjaj (Jeddah), petugas haji akan menetap atau bermukim di samping menjalankan tugas-tugas operasi haji seperti biasa sehinggalah tiba musim haji.

Apabila kesemua jemaah haji Malaysia telah selamat sampai di Tanah Suci Makkah dan hampir musim haji, petugas haji di Madinatul Hujjaj (Jeddah) akan berangkat masuk ke Makkatul Mukarramah dengan niat ihram haji di Madinatul Hujjaj (penempatan jemaah haji Malaysia di Jeddah iaitu 20 km daripada Jeddah) tanpa memakai pakaian ihram.

Apabila sampai di Makkatul Mukarramah, barulah petugas haji memakai ihram. (Mengapa?) Ini adalah kerana petugas haji perlu melepasi check point (pemeriksaan Polis Makkah di pintu masuk Makkah) kerana petugas haji bervisa petugas (Masyaaqqah) dan ditakuti petugas haji akan ditahan. Selepas melepasi halangan tersebut, petugas haji wajib memakai ihram sehinggalah berakhir ibadat hajinya.

Namun begitu, bagi permasalahan ini ada dua (2) dam dikenakan:

- i. Dam Haji Tamattu' iaitu Dam Tertib dan Taqdir.
- ii. Dam Takhyir dan Taqdir.

Dam Haji Tamattu' iaitu Dam Tertib dan Taqdir.

Dikenakan Dam Tertib dan Taqdir adalah kerana petugas haji tidak berniat ihram di Miqat.

Dam Takhyir dan Taqdir.

Dikenakan Dam Takhyir dan Taqdir adalah kerana petugas haji tersebut tidak memakai pakaian ihram semasa niat Ihram haji di Madinatul Hujjaj tetapi sebaliknya petugas haji memakai pakaian bersarung atau bercantum (bagi petugas haji lelaki sahaja).

Langkah Untuk Mengelakkan Dikenakan Dam Tamattu'

Untuk mengelakkan petugas haji dikenakan Dam Tamattu' kerana tidak berniat Ihram di Miqat, petugas haji boleh memilih dengan berniat ihram di tempat yang jarak jauhnya dua marhalah daripada Makkah seperti di Masjid Terapung (Miqat) yang mana jaraknya 103 km daripada Makkah.

Bertugas dan tidak bermukim di Madinatul Hujjaj (Jeddah) kerana menetap di ibu pejabat Tabung Haji Makkah atau sekitarnya

Petugas Haji dari Tanah Air Malaysia yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah dibawa ke Tanah Suci Makkah untuk melakukan umrah, kemudian bertugas di Makkah tetapi kerap ke Madinatul Hujjaj (Jeddah) dan tidak bermukim kerana menetap di ibu pejabat Tabung Haji Makkah atau sekitarnya (bekerja balik hari atau menetap 1 atau 2 hari sahaja untuk memantau, melawat dan menyelia kerja-kerja di Madinatul Hujjaj).

Bagi petugas haji yang bertugas di Makkah tetapi kerap ke Madinatul Hujjaj (Jeddah) dan tidak bermukim kerana menetap di ibu pejabat Tabung Haji Makkah atau sekitarnya (bekerja balik hari atau menetap 1 atau 2 hari sahaja di Madinatul Hujjaj untuk memantau, melawat dan menyelia kerja-kerja operasi haji di Madinatul Hujjaj). Selepas sahaja menunaikan umrah wajib, petugas haji tersebut akan bertugas dan menetap di Makkah.

Namun dalam masa yang sama, adakalanya petugas haji tersebut perlu ke Madinatul Hujjaj untuk bertugas. Dalam perkara ini, apabila petugas haji ingin keluar daripada Tanah Suci Makkah untuk pergi ke Madinatul Hujjaj (Jeddah), Petugas Haji tersebut tidak perlu melakukan tawaf Wida. Ini adalah kerana petugas haji tersebut tidak bermukim di Madinatul Hujjaj, tetapi sebaliknya hanya bekerja balik hari atau menetap 1 atau 2 hari sahaja di Madinatul Hujjaj untuk memantau, melawat dan menyelia kerja-kerja operasi haji di Madinatul Hujjaj, di samping tempat yang dituju (Madinatul Hujjaj) tidak sampai 2 marhalah.

Apabila sampai musim haji, dan ingin menunaikan ibadat haji, petugas haji tersebut hanya perlu berniat ihram haji di Makkah (pejabat atau rumah) sebagai Miqat niat ihram.

Namun begitu, petugas haji tersebut dikenakan Dam Haji Tamattu' iaitu Dam Tertib dan Taqdir kerana tidak berniat ihram di Miqat.



Langkah Untuk Mengelakkan Dikenakan Dam Tamattu'

Untuk mengelakkan petugas haji dikenakan Dam Tamattu', petugas haji bolehlah pergi ke tempat jarak jauhnya dua marhalah ke atas daripada Makkah yang mana niat ihram hajinya mestilah di sana.

Bertugas dan Bermukim di Madinah al-Munawwarah

Petugas haji dari Tanah Air Malaysia yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah dibawa ke Tanah Suci Makkah untuk melakukan umrah kemudian bertugas di Madinatul Munawwarah bagi menguruskan ibadat ziarah, ketibaan dan perjalanan pulang jemaah haji Malaysia.


Bagi petugas haji yang bertugas di Madinatul Munawwarah dan perlu bermukim (berada 4 hari selain daripada hari sampai dan keluar). Selepas sahaja menunaikan umrah wajib dan ingin keluar daripada Tanah Suci Makkah untuk pergi ke Madinah kerana bertugas bagi menguruskan ibadat ziarah, ketibaan dan perjalanan pulang jemaah haji Malaysia. Petugas haji tersebut perlulah melakukan Tawaf Wida terlebih dahulu. Ini adalah kerana petugas haji tersebut akan bermukim di Madinah di samping tempat yang dituju (Madinah) melebihi 2 marhalah.

Apabila sampai di Madinah, petugas haji akan menetap atau bermukim di samping menjalankan tugas-tugas operasi haji seperti biasa sehinggalah tiba musim haji.

Apabila kesemua jemaah haji Malaysia telah selamat sampai di Tanah Suci Makkah dan hampir musim haji, petugas haji di Madinah akan berangkat masuk ke Makkatul Mukarramah dengan niat ihram haji di Miqat Zulhulaifah (Abyar Ali/Bir Ali) di samping memakai ihram. Petugas haji yang mengerjakan Haji Iفراد tidak dikenakan dam kerana mereka berniat ihram Haji di Miqat.

Apabila sampai di Makkatul Mukarramah dan musim haji bermula, petugas haji tersebut akan menyempurnakan rukun dan wajib haji serta umrah di samping tugas hakiki mereka sehinggalah musim haji berakhir.

Setelah sempurna atau selesai rukun dan wajib haji/umrah dan berakhir musim haji di Tanah Suci Makkah. Petugas haji akan membuat pilihan atau ditugaskan sama ada akan:



(a) Pulang ke Malaysia.

Setelah sempurna atau selesai rukun dan wajib haji/umrah dan berakhir musim haji di Tanah Suci Makkah, sebahagian Petugas Haji akan pulang ke tanah air Malaysia setelah selesai bertugas atau pulang untuk membuat persiapan menyambut kepulangan jemaah haji Malaysia ke tanah air. Di dalam perkara ini, petugas haji tersebut perlu melakukan Tawaf Wida mengikut waktu dan masa yang ditetapkan oleh Pengurusan Tabung Haji kerana mereka akan pulang ke Malaysia.

(a)(1) Setelah melakukan Tawaf Wida, petugas haji akan dibawa ke Madinatul Hujjaj, Jeddah dan seterusnya berlepas pulang ke Malaysia melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah.

(b) Pulang ke Madinah semula:

Setelah sempurna atau selesai rukun dan wajib haji/umrah dan berakhir musim haji di Tanah Suci Makkah. Sebahagian petugas haji akan pulang ke Madinah semula sama ada disebabkan bertugas dan menyelesaikan kerja-kerja di Madinah atau melakukan ibadat ziarah atau pulang melalui Lapangan Terbang Madinah. Di dalam perkara ini, Petugas haji tersebut perlu melakukan Tawaf Wida mengikut waktu dan masa yang ditetapkan oleh Pengurusan Tabung Haji kerana mereka akan meninggalkan Makkah seterusnya menuju ke Madinah dan bermukim, di samping melebihi 2 marhalah.

(b)(1) Apabila sampai di Madinah, petugas haji akan menetap atau bermukim di samping menjalankan tugas-tugas operasi haji seperti biasa sehinggalah tamat musim haji.

(b)(2) Apabila berakhir musim haji, petugas haji akan pulang ke tanah air Malaysia melalui lapangan terbang di Madinah.

(b)(3) Petugas haji tersebut tidak perlu pulang ke Makkah dan melakukan Tawaf Wida. Ini adalah kerana petugas haji tersebut telah pun melakukannya ketika meninggalkan Makkah menuju ke Madinah.

(c) Pulang ke Jeddah dan bermukim

Setelah sempurna atau selesai rukun dan wajib haji/umrah dan berakhir musim haji di Tanah Suci Makkah, sebahagian petugas haji akan pulang bertugas di Madinatul Hujjaj, Jeddah dan seterusnya bermukim (berada 4 hari selain daripada hari sampai dan keluar). Di dalam perkara ini, petugas haji tersebut perlulah melakukan Tawaf Wida mengikut waktu dan masa yang ditetapkan oleh Pengurusan Tabung Haji kerana mereka akan meninggalkan Makkah seterusnya bermukim di Madinatul Hujjaj, Jeddah walaupun tidak sampai 2 marhalah daripada Makkah.

(c)(1) Apabila telah selesai dan berakhirnya kerja-kerja operasi haji di Madinatul Hujjaj, petugas haji tersebut akan pulang ke tanah air Malaysia.

(c)(2) Petugas haji tersebut tidak perlu pulang ke Makkah dan melakukan Tawaf Wida. Ini adalah kerana petugas haji tersebut telah pun melakukannya ketika meninggalkan Makkah menuju ke Madinatul Hujjaj, Jeddah.

(d) Pulang ke Jeddah dan tidak bermukim.

Setelah sempurna atau selesai rukun dan wajib haji/umrah dan berakhir musim haji di Tanah Suci Makkah, sebahagian petugas haji akan terus menetap dan bertugas di Makkah seperti di ibu pejabat Lembaga Tabung Haji (Janariah) atau sekitarnya. Namun begitu adakalanya, petugas haji perlu pergi ke Madinatul Hujjaj (Jeddah) dan tidak bermukim (bekerja balik hari atau menetap 1 atau 2 hari sahaja di Madinatul Hujjaj untuk memantau, melawat dan menyelia kerja-kerja operasi haji di Madinatul Hujjaj).

(d)(1) Di dalam perkara ini, petugas haji tersebut tidak perlu melakukan Tawaf Wida kerana mereka meninggalkan Makkah tidak sampai 2 marhalah dan tidak bermukim di Madinatul Hujjaj, Jeddah.

(d)(2) Apabila telah selesai kerja-kerja memantau, melawat dan menyelia kerja-kerja operasi haji di Madinatul Hujjaj, petugas haji tersebut akan pulang semula ke Makkah.

(d)(3) Apabila berakhirnya kerja-kerja operasi haji di Tanah Suci Makkah, petugas-petugas haji akan pulang ke tanah air Malaysia. Petugas haji tersebut perlu melakukan Tawaf Wida mengikut waktu dan masa yang ditetapkan oleh Pengurusan Tabung Haji kerana mereka akan pulang ke Malaysia.

BAHAGIAN 2
Petugas Haji dari tanah air Malaysia yang tiba di Lapangan
Terbang Antarabangsa Madinah atau Jeddah kemudian
bertugas di Madinah.

Pergerakan Permulaan Petugas Haji dari Tanah Air Malaysia ke Tanah Suci Madinah

Secara umumnya seperti mana yang disebutkan sebelum ini, bagi petugas haji Malaysia yang terpilih untuk bertugas di Tanah Suci Makkah dan Madinah pada musim haji akan menunaikan Haji Tamattu' atau Haji Ifrad. Ini adalah kerana mereka akan pergi dan bertolak lebih awal daripada jemaah haji Malaysia yang lain bagi membuat persiapan dan persediaan untuk menyambut ketibaan jemaah haji Malaysia di samping peluang menunaikan ibadat umrah yang terhidang dan pemilihan Haji Tamattu' yang memudahkan pergerakan petugas haji untuk bertugas di Tanah Suci Makkah dan Madinah, namun begitu pemilihan Haji Tamattu dikenakan dam, manakala pemilihan Haji Ifrad tidak dikenakan dam kerana berniat ihram haji di Miqat. Mereka yang terpilih ini akan berkumpul dan mendaftar diri di Kompleks Tabung Haji seperti yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Tabung Haji, kemudian mereka akan berlepas ke Tanah Suci Madinah melalui Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA, Bayan Lepas Pulau Pinang, Johor Bahru, Johor, Kuching, Sarawak, Kota Kinabalu, Sabah dan Kuala Terengganu, Terengganu.


Setelah mengharungi perjalanan lebih kurang lapan jam, maka petugas-petugas haji akan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Madinah atau Jeddah. Daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Madinah atau Jeddah, petugas haji akan terus ke penempatan petugas haji di Madinah tanpa perlu memasuki Makkah.

Apabila sampai di Madinah, petugas haji akan menetap atau bermukim di samping menjalankan tugas-tugas operasi haji seperti biasa sehinggalah tiba musim haji.(petugas haji menguruskan ibadat ziarah dan ketibaan jemaah haji Malaysia).

Apabila kesemua jemaah haji Malaysia telah selamat sampai di Tanah Suci Makkah dan hampir musim haji, petugas haji di Madinah akan berangkat masuk ke Makkatul Mukarramah dengan niat ihram haji di Miqat Zulhulaifah (Abyar Ali/Bir Ali) di samping memakai ihram. Petugas haji yang mengerjakan Haji Ifrad tidak dikenakan dam kerana mereka berniat ihram haji di Miqat.

Apabila sampai di Makkatul Mukarramah, bagi petugas haji yang mengerjakan Haji Tamattu', mereka akan mengerjakan rukun dan wajib umrah terlebih dahulu. Manakala apabila musim haji bermula, petugas haji tersebut (Haji Tamattu') akan berniat ihram haji di Makkah (pejabat atau penginapan) kemudian kedua-dua petugas haji tersebut (Haji Tamattu' dan Ifrad) akan menyempurnakan rukun dan wajib haji serta umrah iaitu bagi Haji Ifrad, di samping tugas hakiki mereka.

Setelah sempurna atau selesai rukun dan Wajib Haji serta Umrah dan berakhir musim haji di Tanah Suci Makkah. Petugas Haji akan membuat pilihan atau ditugaskan sama ada akan:



(a) Pulang ke Malaysia

Setelah sempurna atau selesai rukun dan wajib haji/umrah dan berakhir musim haji di Tanah Suci Makkah, sebahagian Petugas Haji akan pulang ke tanah air Malaysia setelah selesai bertugas atau pulang untuk membuat persiapan menyambut kepulangan jemaah haji Malaysia ke tanah air. Di dalam perkara ini, petugas haji tersebut perlu melakukan Tawaf Wida mengikut waktu dan masa yang ditetapkan oleh Pengurusan Tabung Haji kerana mereka akan pulang ke Malaysia.

(a)(1) Setelah melakukan Tawaf Wida, petugas haji akan dibawa ke Madinatul Hujjaj, Jeddah dan seterusnya berlepas pulang ke Malaysia melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah.

(b) Pulang ke Madinah semula

Setelah sempurna atau selesai rukun dan wajib haji/umrah dan berakhir musim haji di Tanah Suci Makkah, sebahagian petugas haji akan pulang ke Madinah semula sama ada disebabkan bertugas dan menyelesaikan kerja-kerja di Madinah atau melakukan ibadat ziarah atau pulang melalui Lapangan Terbang Madinah. Di dalam perkara ini, petugas haji tersebut perlu melakukan Tawaf Wida mengikut waktu dan masa yang ditetapkan oleh Pengurusan Tabung Haji kerana mereka akan meninggalkan Makkah seterusnya menuju ke Madinah dan bermukim, di samping melebihi 2 marhalah.

(b)(1) Apabila sampai di Madinah, petugas haji akan menetap atau bermukim di samping menjalankan tugas-tugas operasi haji seperti biasa sehinggalah tamat musim haji.

(b)(2) Apabila berakhir musim haji, petugas haji akan pulang ke tanah air Malaysia melalui lapangan terbang di Madinah.

(b)(3) Petugas haji tersebut tidak perlu pulang ke Makkah dan melakukan Tawaf Wida. Ini adalah kerana petugas haji tersebut telah pun melakukannya ketika meninggalkan Makkah menuju ke Madinah.

(c) Pulang ke Jeddah dan bermukim

Setelah sempurna atau selesai rukun dan wajib haji/umrah dan berakhir musim haji di Tanah Suci Makkah, sebahagian petugas haji akan pulang bertugas di Madinatul Hujjaj, Jeddah dan seterusnya bermukim (Berada 4 hari selain daripada hari sampai dan keluar). Di dalam perkara ini, petugas haji tersebut perlulah melakukan Tawaf Wida mengikut waktu dan masa yang ditetapkan oleh Pengurusan Tabung Haji kerana mereka akan meninggalkan Makkah seterusnya bermukim di Madinatul Hujjaj, Jeddah walaupun tidak sampai 2 marhalah daripada Makkah.

(c)(1) Apabila telah selesai dan berakhirnya kerja-kerja operasi haji di Madinatul Hujjaj, petugas haji tersebut akan pulang ke tanah air Malaysia.

(c)(2) Petugas haji tersebut tidak perlu pulang ke Makkah dan melakukan Tawaf Wida. Ini adalah kerana petugas haji tersebut telah pun melakukannya ketika meninggalkan Makkah menuju ke Madinatul Hujjaj, Jeddah.

(d) Pulang ke Jeddah dan tidak bermukim

Setelah sempurna atau selesai rukun dan wajib haji/umrah dan berakhir musim haji di Tanah Suci Makkah, sebahagian petugas haji akan terus menetap dan bertugas di Makkah seperti di ibu pejabat Lembaga Tabung Haji (Janariah) atau sekitarnya. Namun begitu adakalanya, petugas haji perlu pergi ke Madinatul Hujjaj (Jeddah) dan tidak bermukim (bekerja balik hari atau menetap 1 atau 2 hari sahaja di Madinatul Hujjaj untuk memantau, melawat dan menyelia kerja-kerja operasi haji di Madinatul Hujjaj).

(d)(1) Di dalam perkara ini, petugas haji tersebut tidak perlu melakukan Tawaf Wida kerana mereka meninggalkan Makkah tidak sampai 2 marhalah dan tidak bermukim di Madinatul Hujjaj, Jeddah.

(d)(2) Apabila telah selesai kerja-kerja memantau, melawat dan menyelia kerja-kerja operasi haji di Madinatul Hujjaj, petugas haji tersebut akan pulang semula ke Makkah.

(d)(3) Apabila berakhirnya kerja-kerja operasi haji di Tanah Suci Makkah, petugas-petugas haji akan pulang ke tanah air Malaysia. Petugas haji tersebut perlu melakukan Tawaf Wida mengikut waktu dan masa yang ditetapkan oleh Pengurusan Tabung Haji kerana mereka akan pulang ke Malaysia.

PENUTUP

Garis panduan niat ihram di Miqat bagi petugas haji yang bertugas di Makkah, Madinah dan Madinatul Hujjaj (Jeddah) pada musim haji adalah sesuatu yang sangat penting. Ianya akan menjadi panduan bagi petugas haji atau Lembaga Tabung Haji apabila khidmat mereka diperlukan untuk bertugas di Tanah Suci.

Selain daripada panduan, ianya juga boleh membantu menjelaskan kekeliruan yang berlaku dalam kalangan petugas haji ketika sedang bertugas di Tanah Suci terutamanya dalam beberapa permasalahan seperti isu bila hendak berniat? Kena pakai ihram atau tidak? Nak berniat di mana? Bila nak Tawaf Wida? Perlu Tawaf Wida atau tidak untuk ke Madinatul Hujjaj? Boleh tak sampai dua marhalah? Dalam buku cakap macam ini? Ini kena dam atau tidak? dan lain-lain permasalahan.

Bukan semua petugas haji yang berkhidmat di Tanah Suci Makkah dan Madinah serta di Madinatul Hujjaj (Jeddah) *faqih* di dalam hukum hakam haji. Ini adalah kerana petugas haji yang bertugas di Tanah Suci terdiri daripada pelbagai latar belakang. Sebagai contoh, ada di antara mereka yang memang sudah arif lagi *faqih* tentang selok-belok bertugas dan mengerjakan ibadat haji, ada yang masih baru lagi, ada yang kurang pengalaman, ada yang baru kali pertama, kedua atau kali ketiga bertugas di Tanah Suci dan ada yang tidak mempunyai keyakinan yang tetap apabila ditanya berkaitan perkara-perkara yang dinyatakan sebelum ini.

Dengan garis panduan ini, InsyaAllah segala permasalahan dan kekeliruan akan terjawab malah akan lebih memberi keyakinan kepada petugas haji untuk menjawab persoalan tersebut bukan sahaja untuk dirinya malah persoalan dari petugas-petugas haji yang lain khususnya dan dari jemaah haji amnya.

RUJUKAN

Al-Quranul Qarim.

Al-Fiqh Al-Manhaji Al-Madzhab Imam Al-Shafie, Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Al-Syarbaji, Terjemahan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Cetakan Pertama. 2004.

Bahru Al-Madzi syarah Mukhtashar Shahih At-Tirmidzi, Muhammad Idris Al-Marbawi, Juzuk 6, Cetakan Pertama 2006.

Mausu'ah Al-Haj Wal-Umrah, Dr. Sano Qutub Mustafa, Dar Tajdid, Cetakan Kedua 2002.

Panduan Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah, Lembaga Tabung Haji, Cetakan Pertama 2007.

Sahih Al-Bukhari, Al-Bukhari, Muhammad Ismail Abu Abdullah, Dar Ibnu Kathir, Beirut, Cetakan Kedua 1987.

Sahih Al-Muslim, Muslim Al-Hujjaj Abu Hussain Al-Qusyari, Dar Ihya Al-Turas, Beirut.

Subulus Salam (Terjemahan), Drs. H. Abu Bakar Muhammad, Al-Ikhlis 1991.

KESAN AKAUN HUTANG DAN INVENTORI KE ATAS NILAI TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN KORPORAT DI MALAYSIA

Oleh:
Sanep Ahmad¹
Ahmad Othman²

ABSTRAK

Kaedah taksiran zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia adalah berbagai. Namun persoalan yang sering ditimbulkan ialah berkenaan dengan perbezaan nilai taksiran zakat walaupun dalam kaedah taksiran yang sama. Persoalannya ialah bagaimana perbezaan nilai taksiran boleh terjadi dan sejauh manakah saiz perbezaan nilai tersebut. Sehubungan itu kajian ini cuba meneliti apakah punca kewujudan perbezaan nilai taksiran dan seterusnya menilai sejauh mana saiz perbezaan nilai taksiran tersebut. Kajian mendapati prinsip berbeza yang diamalkan dalam memperhitungkan akaun hutang dan inventori dalam penaksiran zakat telah dikenalpasti menjadi punca berlakunya perbezaan nilai taksiran. Hutang wang dan hutang barang serta inventori bahan mentah dan inventori barang siap tidak dipertimbangkan secara konsisten dalam penolakan atau tiada penolakan dalam taksiran zakat. Hutang wang tidak diberi tolakan sedangkan hutang barang diberi tolakan. Begitu juga dengan kes inventori barang siap dan inventori barang separa siap. Bagi mengatasi persoalan ini maka prinsip perakaunan dalam taksiran zakat yang melibatkan akaun hutang dan inventori perlu dinilai semula. Satu prinsip tolakan atau tiada tolakan yang tepat perlu dikenalpasti dan digunakan secara konsisten.

Perkataan Teras : Perakaunan Zakat, Taksiran Zakat Perniagaan, Hutang Kewangan, Hutang Barang, Inventori Barang Mentah, Inventori Barang Siap.

Klasifikasi JEL : N35, M41, M00, Z12

¹ Profesor Madya Dr, Pensyarah, Pusat Pengajian Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi.

² Pelajar PhD, Graduate School of Business (GSB), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi.

PENGENALAN

Zakat perniagaan ialah zakat yang dikenakan keatas aset perniagaan iaitu 'U'rud Al-Tijarah'³. Umumnya ia merujuk kepada kesemua barang yang diperniagakan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan dikalangan ulama' dalam penentuan zakat perniagaan kerana terdapat perbezaan pandangan dalam hal nisab, haul dan pentafsiran istilah 'U'rud Al-Tijarah'. Perbezaan pendapat juga berlaku diantara pusat zakat di Malaysia terutamanya dalam mentaksirkan maksud barang-barang perniagaan (*U'rud Al-Tijarah*). Antara definisi yang diberi oleh ulama Islam ialah 'U'rud Al-Tijarah' ditakrifkan sebagai aset yang diperolehi daripada urusniaga perniagaan⁴. Pusat zakat Perak, Kedah, Wilayah Persekutuan dan lain-lain negeri melihat barang-barang perniagaan meliputi aset semasa iaitu tunai di tangan, tunai di bank, penghutang yang mampu bayar dan inventori yang dinilai pada harga kos⁵. Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Bahagian Zakat, MAIP memberi definisi barang perniagaan sebagai barang yang diperniagakan termasuk aset semasa dan keuntungan atas pelaburan⁶. Bank Islam pula mengambil aset semasa bersih (aset semasa ditolak tanggungan semasa) dan keuntungan bersih setahun sebagai definisi barang perniagaan⁷.

Pada dasarnya perbezaan antara barang perniagaan yang kena zakat dan tak kena zakat adalah dilihat kepada tujuan penggunaan aset itu. Sekiranya pemilik menyediakan sesuatu aset (sama ada aset alih atau tidak alih) untuk

³ Al-Qardawi (1996:298) mengulas pandangan ulama berkenaan definisi *U'rud At-Tijarah*. Antaranya pandangan Jumhur ulama Syafie yang mengatakan semua yang diniatkan untuk diniagakan adalah barang perniagaan. Niat memainkan peranan penting untuk menentukan samada sesuatu barang itu barang niaga atau tidak. Namun begitu ada ulama yang mensyaratkan berlakunya transaksi jual beli sebagai syarat tambahan bagi menentukan barang itu barang perniagaan.

⁴ Mohamed b. Abdul Wahab, Syed Abdul Hamid Al-Junid, Mohd. Azmi b. Omar, Aidit b. Ghazali Jamil b. Osman dan Muhammad Arif (1995), *Case Study in Malaysia - Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications, Seminar Proceeding No. 23*, Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank. hlm. 352.

⁵ Ahmad Othman (2003:110). Penilaian Aset Dalam Taksiran Zakat Perniagaan: Amalan di Malaysia. Tesis Sarjana, UKM.

⁶ Zahri Hamat. 2000. Taksiran Zakat Perniagaan - Perlukah diseragamkan? *Harakah*, 16 Jamadilawal – 01 Jamadilakhir. Hlm. 9.

⁷ Ahmad Othman (2003:123). Penilaian Aset Dalam Taksiran Zakat Perniagaan: Amalan di Malaysia. Tesis Sarjana, UKM.

dijual beli maka aset itu dianggap barang perniagaan dan akan dikenakan zakat. Sebaliknya sekiranya sesuatu aset itu (sama ada aset alih atau tidak alih) dijadikan tempat tinggal, tempat letak barang perniagaan atau tempat perusahaan maka aset itu tidak dikenakan zakat. Pandangan 4 mazhab utama Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu pandangan ulama Hambali, ulama Hanafi, ulama Maliki dan ulama' Syafie telah dirumuskan oleh Al-Zuhaili dengan menyatakan secara khusus syarat yang perlu dipenuhi. Syarat barang perniagaan mengikut mazhab-mazhab tersebut telah dirumuskan seperti berikut⁸:

Ulama Hambali memberikan dua syarat iaitu barang perniagaan mestilah dimiliki melalui hasil usahanya iaitu dengan cara membeli dan wujud niat berniaga ketika memiliki aset berkenaan. Ulama Hanafi pula meletakkan empat syarat barang perniagaan iaitu cukup nisab, genap haul, niat perniagaan disertai dengan usaha perniagaan (niat tanpa perbuatan tidak memadai). Ulama Maliki memberikan lima syarat barang perniagaan iaitu barang niaga itu tidak bergantung pada zakatnya sendiri (seperti emas, perak yang bergantung kepada zakat emas perak dan lembu/kerbau yang bergantung kepada zakat binatang ternakan), barang niaga dimiliki dengan cara jual beli (bukan cara pusaka atau pemberian), niat perniagaan wujud ketika membeli, harga (nilai) yang digunakan untuk membeli barang perniagaan itu dimiliki dengan cara jual beli (tukaran) bukan dengan cara pusaka atau pemberian dan membezakan peniaga diantara peniaga muhtakir dan peniaga mudir (bukan muhtakir).

Ulama Syafie pula meletakkan enam syarat barang perniagaan iaitu barang perniagaan dimiliki dengan cara tukaran (jual beli) bukan dengan cara lain, niat menjadi wang sedangkan aset itu tidak cukup nisab dan nilai barang-barang perniagaan itu mencapai nisab pada penghujung haul.

Walaupun terdapat banyak syarat bagi memenuhi kategori sebagai barang perniagaan, namun terdapat 3 syarat yang dipersetujui oleh semua ulama iaitu cukup nisab, genap haul, dan niat perniagaan. Syarat-syarat lain jika ada sesetengahnya merupakan syarat tambahan mengikut sesetengah mazhab. Walaupun pemilihan untuk mengikut mana-mana mazhab dibenarkan dalam Islam, tetapi ikutan mazhab yang mudah dan menyenangkan perkiraan

⁸ Al-Zuhaili (1999:876-879) Fiqh & Perundangan Islam Jilid II, Terjemahan Md Akhir Haji Yaacob. et. al.

terutamanya bagi pihak pemunggut zakat dan usahawan dalam situasi perniagaan sekarang adalah lebih praktikal dan memberi keadilan kepada semua pihak adalah wajar.

Persoalan dan Objektif Kajian

Fuqaha Islam telah mengariskan secara umum tentang aset yang diwajibkan zakat dan aset yang tidak diwajibkan zakat dengan merujuk kepada realiti aset perniagaan pada zaman mereka. Sejak lebih 20 abad yang lalu, para ulama' telah membincangkan tentang isu-isu fekah dan perakaunan zakat. Perkembangan ini akan terus berlaku berikutan berlakunya perubahan dalam kaedah memperolehi kekayaan-kekayaan baru. Oleh itu masih terdapat isu yang harus ditangani dari masa ke semasa berhubung dengan zakat walaupun ada pembaharuan yang dilakukan. Berkaitan zakat perniagaan di Malaysia⁹, satu persoalan yang dikenalpasti secara khusus ialah berlakunya perbezaan nilai dalam taksiran zakat. Tetapi apa yang lebih mengelirukan ialah perbezaan nilai taksiran berlaku dalam kaedah taksiran yang sama dan dalam kategori kaedah yang sama.

Walaupun kaedah yang sama digunakan dalam menaksir zakat seseorang peniaga tetapi ia masih boleh menghasilkan nilai taksiran yang berbeza. Keadaan ini berlaku khususnya dalam kes melibatkan persoalan akaun hutang dan inventori perniagaan. Masalah ini timbul kerana terdapat ketidak konsistenan dalam prinsip tolakan yang diberikan. Persoalannya ialah bagaimana perkara ini berlaku, dan sejauh manakah kesannya ke atas nilai taksiran.

Sehubungan itu, kajian ini akan cuba meneliti dan membahaskan isu berkaitan taksiran zakat perniagaan khususnya berkaitan syarat-syarat kebolehzakatan yang melibatkan item akaun hutang dan inventori perniagaan. Kajian juga akan menilai apakah perbezaan prinsip yang diamalkan di Malaysia dan menilai kesannya ke atas nilai taksiran zakat. Bagi memudahkan penerangan, kajian ini akan menggunakan contoh data hipotetikal.

⁹ Abu Al-Hasan Sadeq. (1994:32). *A Survey of The Institution of Zakah: Issues, Theories and Administration*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute. Mek Wok Mahmud dan Sayed Sikandar Shah Haneef, (2008:122). *Debatable Issues In Fiqh Al-Zakat: A Jurisprudential Appraisal*. *Jurnal Fiqh* 5.

KAEDAH TAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA

Kajian mendapati terdapat 3 kaedah pengiraan zakat yang diamalkan di Malaysia dan kaedah tersebut diamalkan secara berbeza di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia¹⁰. Kaedah-kaedah tersebut itu ialah:

1. **Perakaunan Zakat Berasaskan Aset Semasa**

Kaedah ini diamalkan oleh Baitulmal Negeri Perak, Kedah, Wilayah Persekutuan, dan Terengganu. Antara elemen aset semasa yang diambilkira untuk tujuan zakat ialah tunai di tangan, tunai di bank, akaun penghutang bersih (setelah ditolak hutang lapok dan hutang ragu) dan inventori. Inventori akan dinilai pada harga kos.

2. **Perakaunan Zakat Berasaskan Aset Semasa dan Keuntungan daripada Pelaburan**

Kaedah ini diamalkan oleh Baitulmal Perlis dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LTH). Kaedah ini hampir sama dengan kaedah pertama di atas, tetapi ditambah dengan keuntungan daripada pelaburan dan inventori dinilai pada harga semasa.

3. **Perakaunan Zakat Berasaskan Modal Kerja Bersih dan Keuntungan Perniagaan**

Kaedah ini diamalkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad. Jumlah kena zakat diperolehi dengan cara mencampurkan semua jumlah aset semasa ditolak jumlah tanggungan semasa dan dicampur dengan keuntungan bersih bank.

Namun demikian mekanisme pelaksanaan dalam taksiran zakat sebenar mempunyai beberapa item teknikal. Terdapat beberapa kaedah pengiraan zakat yang diamalkan di pusat-pusat zakat di Malaysia berdasarkan kepada kaedah umum tersebut¹¹. Perakaunan zakat berasaskan aset semasa terbahagi kepada dua bergantung kepada pertimbangan yang diberi kepada pelaburan dan tanggungan semasa manakala perakaunan zakat berasaskan modal kerja melibatkan pertimbangan keatas tanggungan semasa dan pelarasan. Kaedah-kaedah tersebut dapat diperincikan seperti berikut:

¹⁰ Mohamed bin Abdul Wahab, Syed Abdul Hamid Al-Junid, Mohd Azmi b. Omar, Aidit b. Ghazali, Jamil b. Osman dan Muhammad Arif (1995), *Case Study in Malaysia - Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications, Seminar Proceeding No. 23*, Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank (hlm. 352).

¹¹ Kajian tinjauan oleh Ahmad Othman (2003). *Penilaian Aset Dalam Penaksiran Zakat Perniagaan: Amalan di Malaysia*. Tesis Sarjana. UKM. Hlm. 100-102.

KAEDAH ASET SEMASA

1. Aset Semasa + Pelaburan

Kaedah ini menaksirkan zakat berasaskan aset semasa. Walaupun asas aset semasa digunakan, namun beberapa pelarasan terhadap aset juga dilakukan. Namun begitu semua bentuk pelaburan diambilkira dalam pengiraan zakat. Pelaburan itu termasuklah pelaburan dalam saham biasa, saham keutamaan, bon, nota hutang, hak dan waran, pelaburan dalam anak syarikat, pelaburan dalam syarikat bersekutu, hutang perdagangan melebihi 1 tahun perbelanjaan di bawa ke hadapan dan lain-lain bentuk pelaburan. Antara pelarasan yang dibuat ialah tolakan terhadap faedah atau wang haram yang diterima, hutang lapok/ragu, inventori usang/lapok dan dana kebajikan. Inventori perniagaan yang diambilkira hanyalah inventori barang siap. Inventori barang separuh siap dan inventori bahan mentah atau bekalan ditolak daripada aset semasa. Semua jenis hutang termasuk deposit letrik, air dan api, pendahuluan dan pinjaman kakitangan, apa-apa bayaran pendahuluan, terhutang oleh pengarah, terhutang oleh anak syarikat tertakluk kepada zakat. Wang tunai di bank sama ada di bank Islam atau bank konvensional diambilkira kecuali faedah bank. Kaedah ini digunakan oleh pusat zakat Johor, Kedah dan Kelantan.

2. Aset Semasa + Pelaburan – Tanggungan Semasa

Kaedah ini juga menaksirkan zakat berasaskan aset semasa. Berbeza dengan kaedah pertama, kaedah ini mengambil kita aset semasa dan pelaburan jangka pendek dan membenarkan tolakan bagi liabiliti-liabiliti tertentu. Jenis pelaburan yang diambilkira termasuklah pelaburan dalam saham biasa, pelaburan dalam saham keutamaan, pelaburan dalam bon manakala lain-lain pelaburan walaupun bersifat jangka panjang juga diambilkira. Sebaliknya pelaburan dalam nota hutang, hak, waran, anak syarikat, syarikat bersekutu tidak diambilkira. Semua jenis inventori termasuk inventori barang siap, inventori barang separuh siap dan inventori bahan mentah atau bekalan diambilkira sebagai aset tertakluk zakat.

Semua jenis hutang juga diambilkira termasuklah penghutang perdagangan, nota hutang, penghutang kakitangan, pinjaman kakitangan, semua jenis pendahuluan, terhutang oleh pengarah dan anak syarikat, penghutang lain-lain dan bayaran deposit air, elektrik, dan telefon. Semua jenis simpanan tunai termasuk tunai di bank dan di tangan tertakluk kepada zakat. Namun begitu semua bentuk faedah dan wang haram ditolak daripada aset semasa. Antara liabiliti semasa yang dibenarkan tolakan termasuklah pemiutang perdagangan, pemiutang operasi dan lain-lain pemiutang, terhutang kepada syarikat berkaitan, terhutang kepada pengarah, dan semua bentuk pinjaman jangka pendek termasuklah overdraf, liabiliti jangka pendek secara Islam atau konvensional, liabiliti jangka panjang Islam atau konvensional yang akan matang dalam tempoh 12 bulan. Cadangan cukai dan cadangan dividen tidak diberi tolakan. Kaedah ini digunakan oleh pusat zakat Wilayah Persekutuan, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan.

KAEDAH MODAL KERJA

Kaedah ini merupakan satu kaedah yang baru diperkenalkan oleh JAKIM (2001)¹² dan telah mula digunakan oleh beberapa negeri termasuklah Selangor, Pahang, Terengganu dan Perlis. Kaedah ini menggunakan konsep pelarasan dalam taksiran dan mencadangkan Kaedah Modal Kerja¹³ dan Kaedah Modal Berkembang¹⁴ dalam buku Panduan Zakat Di Malaysia terbitan tahun 2001¹⁵. Mengikut buku panduan ini, Kaedah Modal Kerja (juga disebut Kaedah Syariyah) dan Kaedah Modal Berkembang (juga disebut Kaedah Uruffiyah) adalah sama dan akan menghasilkan aset zakat sebelum pelarasan dalam nilai yang sama. Pelarasan meliputi item-item yang dibenarkan dan item-item yang tidak dibenarkan. Antara item yang dikenakan pelarasan ialah hutang/liabiliti kewangan, inventori bahan mentah dan inventori barang separuh siap.

¹² Rujuk buku Panduan Zakat di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2001. M/S 28-29.

¹³ Kaedah Modal Kerja: Aset Semasa – Liabiliti Semasa +- Pelarasan.

¹⁴ Kaedah modal berkembang: Modal dan Liabiliti Jangka Panjang – Aset Tetap dan Aset Bukan Semasa +- Pelarasan.

¹⁵ Buku ini merupakan buku Panduan Zakat untuk kegunaan pusat-pusat zakat dan orang awam dengan hasrat untuk menyeragamkan kaedah taksiran zakat di Malaysia.

ITEM PELARASAN DAN KESANNYA KEATAS NILAI TAKSIRAN ZAKAT

Pada masa kini kaedah yang digunakan di Malaysia bagi menaksir zakat adalah kaedah Modal Kerja. Persoalan yang timbul dalam menggunakan kaedah ini ialah berkaitan dengan item pelarasan yang terdiri daripada item hutang dan inventori. Ketidak seragaman wujud dalam item tersebut berhubung dengan pemberian tolakan atau tiada tolakan dalam taksiran yang boleh mengakibatkan kepada perbezaan nilai taksiran. Persoalan berkenaan item hutang dan inventori serta kesannya diperincikan seperti dibawah.

AKAUN HUTANG DAN KESANNYA

Akaun hutang secara umumnya terdiri dalam dua bentuk iaitu:

1. Hutang Kewangan

Dalam amalan perakaunan semasa, liabiliti kewangan meliputi hutang kewangan jangka panjang dan liabiliti kewangan jangka pendek. Liabiliti kewangan jangka panjang wujud apabila peniaga meminjam daripada bank untuk membiayai pembelian atau pembinaan aset tetap. Antara contoh liabiliti kewangan ini ialah Pinjaman Tetap dan Pinjaman Bon. MASB (2005)¹⁶ melalui FRS 101 mendefinisikan liabiliti semasa sebagai obligasi yang perlu diselesaikan dalam satu pusingan kendalian atau perlu dijelaskan pada masa satu tahun. Lain-lain daripada sifat diatas dikategorikan sebagai liabiliti tak semasa. Item seperti pemiutang perniagaan dan kos-kos operasi terakru juga dikelaskan sebagai liabiliti semasa walaupun ianya akan dijelaskan lebih daripada 12 bulan daripada tarikh kunci kira-kira lalu.

Kaedah taksiran zakat perniagaan yang dicadangkan oleh JAKIM tidak mengiktiraf liabiliti kewangan sebagai liabiliti yang dibenarkan tolakan dalam pengiraan zakat perniagaan. Alasan yang diberikan ialah hutang kewangan adalah aset milik sempurna bagi penerima hutang (peniaga), maka penerima hutang kewangan bertanggungjawab membayar zakat bagi hutang itu. Oleh itu, pemberi hutang kewangan

¹⁶ Malaysian Accounting Standards Board. 2005. *Financial Reporting Standard* 101.hlm, 25.

tidak dipertanggungjawab membayar zakat kerana penerima hutang kewangan sudah membayar zakat¹⁷.

2. Hutang Bukan Kewangan

Liabiliti bukan kewangan ialah liabiliti dalam bentuk barang iaitu pembelian barang secara hutang. Berbeza dengan hutang kewangan, liabiliti barang (direkodkan sebagai pemiutang perniagaan) dan dibenarkan tolakan dengan alasan pemberi yang membayar zakat berpandukan kaedah zakat yang yang dicadangkan oleh tabien Maimun bin Mirhan¹⁸.

3. Kesan Akaun Hutang Keatas Nilai Taksiran

Kesan daripada layanan berbeza ini, kajian mendapati peniaga yang mendapatkan pembiayaan hutang kewangan jangka pendek khususnya daipada pihak bank dan peniaga yang mendapatkan pembiayaan daripada pembekal melalui hutang barang diberi layanan zakat secara berbeza. Kesan layanan berbeza ini ialah ia akan menghasilkan nilai taksiran zakat yang berbeza. Sila lihat contoh kes 1 dalam **Jadual 1**, yang menunjukkan pengiraan zakat bagi dua peniaga yang berbeza.

Didalam kes 1 ini, selain daripada modal sendiri, peniaga A diandaikan mendapat pembiayaan perniagaannya daripada sumber kewangan bank iaitu kemudahan Overdraf dari bank. Peniaga B pula mendapat pembiayaan kredit daripada pembekal selain daripada modalnya sendiri. Jumlah keseluruhan aset perdagangan masing-masing ialah RM100,000.00. Berdasarkan kaedah taksiran zakat JAKIM, didapati peniaga A akan dikenakan bayaran zakat sebanyak RM2,500 sedangkan peniaga B pula dikenakan zakat sebanyak RM750 sahaja. Ini bermakna peniaga yang mendapatkan pembiayaan kredit daripada bank berpotensi dikenakan zakat lebih tinggi berbanding dengan

¹⁷ Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2006). Hlmn. 294, Kajian Perbandingan Syarat-Syarat Penaksiran Zakat Perniagaan Malaysia dengan FASAAOIFI dalam Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan, disunting oleh Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir.

¹⁸ Al-Qaradawi, Yusof. 1996. *Hukum Zakat*. Ter. Salman Harun. Didin Hafidhuddin dan Hasanuddin. Bandung: Litera AntarNusa dan Mizan hlm. 316.

peniaga yang mendapat kemudahan kredit daripada pembekal barang. Perbezaan nilai taksiran juga didapati tinggi iaitu RM2,500 berbanding RM750. Bagaimana perkara ini dibenarkan berlaku sedangkan kedua-duanya adalah kredit (hutang). Ini memberi gambaran bahawa kaedah penaksiran zakat yang digunakan tidak konsisten dan tidak adil keatas sesetengah peniaga. Perbezaan nilai taksiran amat ketara iaitu RM1,750.

Antara alasan kenapa hutang kewangan dicampur balik dalam pengiraan zakat mengikut kaedah taksiran zakat ini ialah hutang kewangan itu menjadi sumber kepada peniaga.¹⁹ Oleh itu ia dikenakan zakat. Ini bermakna sumber juga merupakan syarat kepada zakat perniagaan. Selain itu hutang barang inventori dikatakan sebagai milik tidak sempurna dan kerana itu ia tidak dikenakan zakat²⁰. Namun begitu, alasan ini masih tidak kukuh dan memerlukan semakan semula. Menurut Abdullah Ibrahim²¹, kontrak hutang sama ada hutang kewangan atau hutang barang perniagaan, akan menyebabkan berlaku pindah milik diantara pemberi hutang dengan penerima hutang.

Oleh itu, penerima hutang kewangan atau penerima hutang barang perniagaan memiliki aset (sama ada wang atau barang perniagaan) secara sempurna dan bertanggungjawab membayar balik hutangnya sebagaimana dipersetujui dalam kontrak. Berdasarkan kepada perbincangan diatas, sepatutnya liabiliti kewangan juga dibenarkan tolakan kerana ianya memiliki sifat yang sama sebagaimana liabiliti perniagaan (barang). Kesan layanan yang sama ini akan menyebabkan kedua-dua peniaga dalam kes 1 ini akan membayar zakat pada jumlah yang sama iaitu RM750 bagi tahun kewangan berkenaan atau sebaliknya jika tidak diberikan tolakan maka zakat bagi kedua-dua peniaga ialah RM2,500.

¹⁹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (JAKIM) (2001) hlm. 37. Panduan Zakat di Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

²⁰ Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2006) hlm. 295, Kajian Perbandingan Syarat-Syarat Penaksiran Zakat Perniagaan Malaysia Dengan FASAAOIFI Dalam Zakat: Pensyariatan, Perekonomian Dan Perundangan, disunting oleh Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir.

²¹ Abdullah Ibrahim (1997) hlm.177. Zakat: Beberapa Masalah Semasa Dan Penyelesaiannya. Kubang Kerian: Pustaka Reka.

Jadual 1: Peniagaan dengan Pembiayaan Hutang (Kes 1)**Peniaga A (Pembiayaan Hutang Kewangan)**

(Bagi tahun hijrah berakhir 29 Zulhijjah 1314H)

	RM		RM
Tunai	40,000	Modal	30,000
Inventori Barang Siap	60,000	Overderaf	70,000
Jumlah Aset	100,000	Jumlah Aset	100,000

Peniaga B (Pembiayaan Hutang Barang dari Pembekal)

Bagi tahun hijrah berakhir 29 Zulhijjah 1314

	RM		RM
Tunai	40,000	Modal	30,000
Inventori Barang Siap	60,000	Pemiutang Perniagaan	70,000
Jumlah Aset	100,000	Jumlah Aset	100,000

Pengiraan Zakat Perniagaan

Aset Semasa - Liabiliti Semasa = Aset Semasa bersih +/- pelarasan = Jumlah kena Zakat

Peniaga A	RM	Peniaga B	RM
Tunai	40,000	Tunai	40,000
Inventori Barang Siap	60,000	Inventori Barang Siap	60,000
	100,000	Tolak: Pemiutang	100,000
Tolak: Oberderaf	70,000	Perniagaan	70,000
Aset Semasa Bersih	30,000	Aset Semasa Bersih	30,000
Campur/Tolak		Campur/Tolak	
Perlarasan		Perlarasan	
Campur Oberderaf	70,000	Tiada Perlarasan	
Jumlah Aset kena Zakat	100,000	Jumlah Aset Kena Zakat	30,000
Zakat kena bayar 2.5%	2,500	Zakat kena bayar 2.5%	750

Pendapat ini selaras dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Akademi Perundangan Islam di Jeddah (tanpa tarikh) tentang zakat atas hutang. Fatwa berkenaan membenarkan zakat atas hutang dibayar oleh pemberi hutang (bank) apabila peminjam mampu dan kaya. Ini bermakna peminjam (peniaga) dibenarkan tolakan dalam taksiran zakat perniagaan hutangnya kepada pihak bank. Di Pakistan,²² liabiliti kewangan yang wujud akibat membiayai aset-aset kena zakat dibenarkan tolakan dari aset zakat. Oleh itu adalah wajar hutang/liabiliti kewangan (*financial debts*) khususnya berkaitan pembiayaan operasi seperti overdraf, nota belum bayar dan lain-lain instrument hutang jangka pendek dibenarkan tolakan daripada aset zakat sebagaimana liabiliti perdagangan (*trade creditors*). Prinsip pemberian tolakan atau tidak tolakan ini perlu jelas dan konsisten supaya nilai taksiran yang dihasilkan juga konsisten.

INVENTORI PERNIAGAAN DAN KESANNYA

Dalam amalan perakaunan semasa, terdapat pelbagai jenis inventori perniagaan mengikut jenis perniagaan. Bagi peniaga barang dagangan (trading), inventori perniagaannya adalah terdiri daripada barang siap sahaja. Inventori ini sedia untuk dijual pada bila-bila masa. Namun begitu timbul persoalan dalam beberapa kes seperti pengusaha pengilangan dan pemaju perumahan. Inventori perniagaan mereka terdiri daripada inventori barang siap, inventori barang separuh siap dan inventori bahan mentah.

Bagi pengusaha kilang khususnya terdapat layanan perakaunan zakat yang agak pelik dan sedikit mengelirukan. Kaedah taksiran zakat perniagaan JAKIM mengiktiraf inventori barang siap sahaja yang bagi memenuhi syarat kena zakat. Alasannya inventori ini sedia untuk dijual. Bagaimanapun, inventori bahan mentah dan barang separuh siap tidak diiktiraf sebagai aset yang cukup syarat kerana inventori ini masih belum sedia untuk dijual. Namun begitu, pada masa yang sama kaedah taksiran ini juga membenarkan tolakan bagi liabiliti daripada pembekal. Bagi pengusaha perkilangan, liabiliti perniagaan mereka adalah berkaitan hutang bahan mentah. Maka timbul persoalan disini, inventori bahan mentah dan inventori bahan mentah dan separuh siap tidak diambilkira dalam taksiran sedangkan liabiliti berkaitan bahan mentah dibenarkan tolakan.

²² Maulana Taqi Usmani 2005. Questions and Answers. *The Pakistan Accountants*. 38(4): 5. Julai-Ogos

Berdasarkan **Jadual 2**, dengan menggunakan kaedah taksiran zakat JAKIM, didapati peniaga borong akan dikenakan bayaran zakat sebanyak RM1,750.00 sedangkan peniaga pengusaha kilang pula dikenakan zakat sebanyak RM1,250.00 sahaja. Ini bermakna peniaga borong yang memiliki inventori barang siap berpotensi dikenakan zakat lebih tinggi berbanding dengan pengusaha kilang yang mempunyai inventori barang mentah dan separuh siap. Dalam kes in perbezaan nilai taksiran ialah sebanyak RM500. Bagaimana perkara ini dibenarkan berlaku sedangkan kedua-duanya adalah inventori. Ini memberi gambaran bahawa kaedah penaksiran zakat yang digunakan dalam kes melibatkan inventori tidak konsisten dan tidak adil kepada sesetengah peniaga.

Alasan yang diberikan mengapa tolakan diberikan kepada inventori bahan mentah dan separuh siap ialah ia tidak produktif, tidak berkembang dan belum diperdagangkan.²³ Keadaan ini berbeza dengan inventori barang siap yang telah sedia ada untuk diperdagangkan dan dianggap produktif serta boleh berkembang. Aset tetap sebenarnya mempunyai sifat berkembang dan produktif dalam jangka masa panjang²⁴. Oleh itu, inventori bahan mentah dan separuh siap tetap dianggap produktif dan boleh berkembang serta akan segera diperdagangkan. Lantaran itu, alasan inventori bahan mentah dan inventori bahan separuh siap tidak berkembang dan tidak produktif adalah tidak dapat diterima kerana tempoh aset ini tidaklah panjang sebagaimana aset tetap yang rata-rata hayatnya melebihi satu tahun.

Malah, inventori barang mentah ini mungkin mempunyai hayat yang singkat dan hanya menunggu bertukar menjadi barang siap. Kadang-kadang tempoh pertukaran (conversion period) mengambil masa kurang daripada 6 bulan bergantung kepada jenis produk. Namun begitu, kadang-kadang inventori barang siap juga memerlukan masa yang sama sebagaimana tempoh pertukaran untuk berpindah tangan daripada pembekal kepada pembeli. Oleh itu tempoh barang-barang sedia untuk dijual dan tempoh bahan mentah sedia untuk dikilangkan dalam banyak keadaan adalah sama. Maka wajar kedua-dua inventori ini diambilkira dalam taksiran zakat perniagaan secara konsisten.

²³ Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (2006) hlm. 295, Kajian Perbandingan Syarat-Syarat Penaksiran Zakat Perniagaan Malaysia dengan FASAAOIFI dalam Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan, disunting oleh Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir.

²⁴ Kahf, Monzer. 1991. Zakat: Unresolved Issues in Contemporary Fiqh. *Journal of Islamic Economics*. Aug-Sept. hlm. 20.

Jadual 2: Perniagaan dengan Inventori (Kes 2)**Peniaga Borong (Barang Siap)**

(Bagi tahun hijrah berakhir 29 Zulhijjah 1314H)

	RM		RM
Tunai	50,000	Modal	70,000
Inventori Barang Siap	50,000	Pemiutang Perniagaan	30,000
Jumlah Aset	100,000	Jumlah Aset	100,000

Pengusaha Kilang

(Bagi tahun hijrah berakhir 29 Zulhijjah 1314H)

	RM		RM
Tunai	50,000	Modal	70,000
Inventori Barang Siap	30,000	Pemiutang Perniagaan	30,000
Inventori Bahan Mentah & Separuh siap	20,000		
Jumlah Aset	100,000	Jumlah Aset	100,000

Pengiraan Zakat Perniagaan

Aset Semasa - Liabiliti Semasa = Aset Semasa bersih +- pelarasan = Jumlah kena Zakat

Peniaga Borong	RM	Pengusaha Kilang	RM
Tunai	50,000	Tunai	50,000
Inventori Barang Siap	50,000	Inventori Barang Siap	30,000
		Inventori Bahan Mentah & Separuh siap	20,000
	100,000	Tolak: Pemiutang Perniagaan	100,000
Tolak: Overdraf	30,000	Aset Semasa Bersih	30,000
Aset Semasa Bersih	70,000	Aset Semasa Bersih	70,000
Campur/Tolak Perlarasan		Campur/Tolak Perlarasan	
Tiada Perlarasan		Tolak Inventori Bahan Mentah & Separuh Siap	20,000
Jumlah Aset kena Zakat	70,000	Jumlah Aset Kena Zakat	50,000
Zakat kena bayar 2.5%	1,750	Zakat kena bayar 2.5%	1,250

Oleh yang demikian, inventori barang separuh siap dan inventori bahan mentah tidak diambilkira dalam pengiraan zakat perniagaan memerlukan semakan semula. Dalam taksiran zakat perniagaan di Pakistan, selain inventori barang siap, inventori bahan mentah dan inventori barang separuh siap juga diambilkira dalam pengiraan zakat perniagaan dan membenarkan tolakan bagi liabiliti perniagaan berkaitan bekalan bahan mentah tersebut²⁵. Mereka mengkategorikan inventori bahan mentah dan inventori barang separuh siap sebagai aset dikenakan zakat kerana masing-masing disediakan untuk tujuan perdagangan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini bertujuan meneliti sebab berlakunya perbezaan nilai taksiran zakat perniagaan korporat dan seterusnya menilai saiz perbezaan nilai taksiran tersebut. Kajian mendapati bahawa pertimbangan yang tidak konsisten terhadap hutang wang dan hutang barang serta inventori barang siap dan inventori barang separa siap didapati menjadi sebab berlakunya perbezaan nilai taksiran dan boleh mengakibatkan perbezaan nilai taksiran yang agak ketara. Bagi mengatasi persoalan ini maka dicadangkan beberapa perkara:

1. Penilaian Semula Hutang dan Inventori dalam Taksiran Zakat Perniagaan

Hutang kewangan (Liabiliti kewangan) merupakan isu yang memberi kesan besar kepada hasil zakat perniagaan. Namun begitu mengikut kaedah taksiran zakat perniagaan oleh JAKIM, peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaannya dengan bantuan kewangan daripada bank akan dikenakan zakat lebih tinggi berbanding peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan mereka dengan bantuan pembiayaan kredit daripada pembekal. Nilai taksiran zakat yang dikenakan berbeza sedangkan hutang kewangan dan hutang barang merupakan liabiliti yang mempunyai sifat yang sama. Ini boleh menimbulkan keraguan dikalangan peniaga dan akan memberi kesan kepada peniaga yang akhirnya menyebabkan kemungkinan berlaku keengganan peniaga

²⁵ Maulana Taqi Usmani 2005. Questions and Answers. *The Pakistan Accountants*. 38(4):5. Julai-Ogos.

untuk membayar zakat dimasa akan datang. Oleh itu, layanan dalam taksiran zakat terhadap hutang kewangan perlulah dipertimbangkan dan dinilai semula supaya para peniaga diberikan layan yang adil dalam taksiran zakat perniagaan mereka.

2. Prinsip yang Kosisten

Kajian mendapati kaedah perakaunan zakat semasa mempunyai prinsip yang tidak konsisten. Hutang kewangan dan hutang bukan kewangan serta inventori barang siap dan inventori separuh siap diberi layanan yang berbeza sedangkan sifatnya adalah sama. Ketidak konsistenan ini telah menghasilkan nilai taksiran zakat yang berbeza. Penilaian semula perlu dilakukan khususnya dalam kes hutang dan inventori dalam kaedah penaksiran dan perakaunan zakat bagi menghasilkan nilai taksiran yang konsisten. Apa yang penting ialah prinsip yang digunakan perlu konsisten sama ada akan diberi tolakan atau tidak diberi tolakan. Amalan perakaunan zakat perniagaan negara lain seperti Pakistan mungkin boleh digunakan sebagai contoh dan perbandingan.

RUJUKAN

Abdullah Ibrahim. 1997. *Zakat: Beberapa Masalah Semasa dan Penyelesaiannya*. Kubang Kerian: Pustaka Reka.

Abu Al-Hasan Sadeq. 1994. *A Survey of The Institution of Zakah: Issues, Theories and Administration*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute.

Ahmad Othman 2003. Penilaian Aset Dalam Taksiran Zakat Perniagaan: Amalan di Malaysia. Tesis Sarjana, UKM.

Al-Qaradawi, Yusof. 1996. *Hukum Zakat*. Ter. Salman Harun. Didin Hafidhuddin Dan Hasanuddin. Bandung: Litera Antarnusa Dan Mizan.

Al-Quran. 1995. *Terjemahan Pimpinan Rahman*. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur.

Al-Zuhaili, Wahbah 1999. *Fiqh & Perundangan Islam*. Jld IV. Terj. Md. Akhir Hj. Yaacob et. al. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Al-Zuhaili, Wahbah. 1995. *Zakat:Kajian Berbagai Mazhab*. Terj. Agus Effendi Dan Bahruddin Fannany. Bandung : P.T. Remaja Rosdakarya.

Al-Zuhaili, Wahbah. 1999. *Fiqh & Perundangan Islam*. Jld II. Terj. Md.Akhir Haji Yaacob et. al. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Fiqh Al- Zakat: A Jurisprudential Appraisal. *Jurnal Fiqh* 5.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2001. *Panduan Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Kahf, Monzer. 1991. Zakat: Unresolved Issues in Contemporary Fiqh. *Journal of Islamic Economics*. Aug-Sept.

Malaysian Accounting Standards Board. 2005. *FRS Standard No. 1*.

Maulana Taqi Usmani 2005. Questions and Answers. *The Pakistan Accountants*.

Mek Wok Mahmud dan Sayed Sikandar Shah Haneef, 2008. Debatable Issues In.

Mohamed bin Abdul Wahab, Syed Abdul Hamid Al-Junid, Mohd. Azmi bin Omar, Aidit bin Ghazali, Jamil bin Osman dan Muhammad Arif (1995), Case Study in Malaysia-Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications, *Seminar Proceeding No. 23*, Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank. hlm. 352.

Mujaini Tarimin. 1990. Zakat Pertanian, Sistem dan Perlaksanaannya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mujaini Tarimin. 2000. *Zakat pendapatan (Al-Mal Al-Mustafad) Hukum dan Persoalannya*. Kuala Lumpur: Khaisha Services.

Nik Mustapha b. Hj. Nik Hassan. 1987. *Zakat in Malaysia-Present and Future Status*, *Journal of Islamic Economics*. Aug-Sept.

The Islamic Digital Library. (tanpa tarikh). The fatwas delivered by the Islamic Jurisprudence Academy in Jeddah (Organization of Islamic Conferences). (atastalian)<http://zakat.islamicdigitallibrary.com/def/default.asp?1=eng&filename=Quest/desc/item6/i....>(23 Jan. 2002).

Zahri Hamat. 2000. Taksiran Zakat Perniagaan-Perlukah diseragamkan? *Harakah*, 16 Jamadilawal-01Jamadilakhir. Hlm. 9.

HARTA WAKAF DAN KEUSAHAWANAN: SUATU ANALISIS KONSEPTUAL

Oleh:
Ahmad Raflis Che Omar¹

ABSTRAK

Wakaf dan keusahawanan merupakan mekanisme pembangunan ekonomi ummah yang disyariatkan sebagai strategi untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Sungguhpun demikian, hubung-jalin di antara keduanya kurang menyerlah dalam konteks kemajuan harta wakaf di Malaysia. Selaras itu, artikel ini bermatlamat untuk meneroka potensi pembangunan harta wakaf menerusi aktiviti keusahawanan yang selaras dengan usaha menyubur, menambah nilai dan menjana hasil berkekalan untuk membolehkan manfaatnya dinikmati oleh masyarakat Islam buat selama-lamanya. Berteraskan penelitian konseptual, cadangan khusus berkaitan aktiviti keusahawanan yang berpotensi untuk diteroka oleh institusi pentadbiran wakaf telah dikemukakan. Pada masa sama, pertimbangan risiko dan keperluan inovasi proaktif turut diberi perhatian bagi memastikan pengkomersilan harta (modal) daripada sumber wakaf terhindar daripada kemusnahan atau kehilangan harta berkenaan.

Perkataan Teras : Wakaf, Harta Wakaf, Keusahawanan, Perniagaan

Klasifikasi JEL : M10, M20, R14, Z12

¹ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM.

PENGENALAN

Wakaf merupakan suatu sumber ekonomi Islam yang menekankan kepada konsep pengabdian diri kepada Allah S.W.T. serta pembangunan material masyarakat dan negara. Walau bagaimanapun, keupayaan pentadbir wakaf dalam menjana nilai bagi harta wakaf yang ada di seluruh negara masih berada pada tahap sederhana. Harta wakaf yang ada belum dibangunkan sepenuhnya untuk meneguhkan ekonomi ummah. Ianya berbeza dengan pengurusan wakaf di negara-negara timur tengah seperti Arab Saudi, Mesir dan Kuwait yang berjaya membangunkan sektor ekonomi berteraskan wakaf sebagaimana berdirinya Universiti Al-Azhar di atas kekuatan pentadbiran dan penjanaaan nilai harta wakaf sejak ratusan tahun lampau.

Dua perkara asas yang perlu ditekankan dalam menjayakan pembangunan ekonomi ialah keupayaan harta menjana perolehan berterusan bagi membiayai keperluan kos kebajikan ummah serta pengekalan nilai ekonomi dan fizikal aset yang diwakafkan agar kekal selama-lamanya. Dalam konteks ini, walaupun para pengkaji terdahulu telah banyak membincangkan persoalan pengurusan dan pemajuan harta wakaf, namun kerangka teoritikal yang menghubungkan jalin institusi pentadbiran wakaf dengan pembangunan ekonomi harta wakaf masih tidak diketengahkan secara spesifik atas beberapa kelemahan yang wujud.

Kelemahan-kelemahan berkaitan kegagalan pengurusan wakaf menambah nilai terhadap harta wakaf telah dikenalpasti oleh beberapa orang pengkaji (Mohamad Salleh, 2009; Mohd Saharudin, *et. al.*, 2003; Nasution, 2001). Masalah pertama ialah pentafsiran penggunaan harta wakaf yang sempit dalam konteks kegunaan kepada tujuan ibadat khusus (fardhu 'ain) seperti penggunaan tanah wakaf yang khusus untuk pembinaan masjid, tanah perkuburan, sekolah agama dan seumpamanya. Juga halangan dari sudut perundangan berkaitan hartanah yang menyekat usaha pembangunan tanah wakaf serta ketidakcekapan pihak pengawalselia harta wakaf di peringkat negeri. Oleh itu, harta wakaf tidak dapat dikembangkan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi ummah menerusi kaedah pengurusan yang inovatif, berskala ekonomi dan berperolehan tinggi (Shatzmiller, 2001).

Islam menuntut umatnya agar berkecimpung dalam keusahawanan sebagai suatu kaedah pengembangan harta, pemerolehan hasil (rezeki) dan penjanaaan

harta kekayaan. Keusahawanan dan perniagaan merupakan tuntutan fardhu kifayah yang dituntut atas umat Islam. Dalam sebuah hadis yang masyhur, Rasulullah S.A.W. bersabda: *“Sembilan persepuluh daripada rezeki adalah datangnya daripada perniagaan”*. Berdasarkan hadis ini, seharusnya umat Islam memberikan sepenuh perhatian terhadap usaha dan komitmen ke arah merealisasikan keusahawanan dan perniagaan sebagai sumber kekuatan diri, keluarga, ummah dan negara. Menerusi perniagaan, rezeki atau hasil pendapatan dapat dijana bagi meneruskan kehidupan dan membantu meningkatkan harta kekayaan para usahawan serta negara. Kekayaan akan mandekatkan diri manusia dengan Allah S.W.T. sekiranya kekayaan itu di pergunakan ke jalan yang mulia dan diredhai. Kekayaan juga membolehkan lebih banyak penyaluran jariah dapat dilakukan kepada golongan yang layak, lebih ramai tenaga pekerja dapat diambil bekerja, lebih banyak kutipan zakat dapat dijana dan lebih kukuh ekonomi sesebuah negara.

Harta wakaf merupakan suatu sumber keusahawanan. Sebaliknya, dalam proses pengurusan harta wakaf, keusahawanan adalah terpinggir. Ia tidak dijadikan sebagai suatu wadah khusus bagi menjana pertumbuhan (*growth*) harta wakaf untuk menjana manfaat berterusan. Selaras itu, objektif artikel ini adalah untuk meneroka potensi pembangunan harta wakaf menerusi aktiviti keusahawanan untuk menyuburkan harta wakaf di Malaysia. Penekanan khusus diberikan terhadap wakaf umum, wakaf wang tunai, wakaf korporat dan wakaf saham yang mana ianya melibatkan aspek penggunaan harta wakaf yang lebih terbuka dan fleksibel. Perbincangan yang dikemukakan dalam artikel ini adalah bersifat konseptual dengan berteraskan analisis ke atas kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji dalam bidang pengurusan wakaf.

Bagi mencapai matlamatnya, artikel ini disusun mengikut turutan perbincangan bermula dengan pentakrifan wakaf dan pengelasan harta wakaf. Diikuti dengan bahagian kedua yang membincangkan konsep pemajuan harta wakaf. Bahagian ketiga menekankan konsep dan peranan keusahawanan dan kekayaan. Seterusnya pada bahagian keempat, dijelaskan bentuk kontrak perniagaan yang boleh dilaksanakan serta saranan berkaitan aktiviti keusahawanan yang sesuai diceburi oleh institusi pentadbir wakaf. Bahagian terakhir membincangkan beberapa cabaran penting yang perlu ditangani bagi merealisasikan konsep penyuburan harta wakaf menerusi keusahawanan.

TAKRIFAN WAKAF DAN KLASIFIKASI HARTA WAKAF

Wakaf diistilahkan sebagai menahan harta benda yang kekal zatnya tetapi boleh diambil atau digunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan dan diserahkan kepada tempat atau pihak yang ditentukan serta terhalang daripada digunakan secara berleluasa terhadap harta yang diwakafkan itu dengan harapan ia dapat mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Harta wakaf sama ada dalam bentuk harta tak alih atau harta boleh alih adalah bersifat harta kekal yang diserahkan kepada Allah S.W.T. oleh pewakaf. Namun ia perlu memberikan manfaat berterusan kepada ummah untuk membolehkan pewakaf menerima ganjaran pahala jariah yang berkekalan.

Konsep dan tujuan wakaf dapat dilihat menerusi sebuah hadis Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari yang bermaksud:

“...bahawa Saidina Umar R.A. pernah berkata: Wahai Rasulullah, saya telah memperolehi harta yang saya tidak pernah perolehi sebelum ini dan saya ingin menghampirkan diri kepada Allah S.W.T. menerusinya. Lalu dijawab oleh Rasulullah S.A.W.: Tahankan (wakaf) asal harta itu dan sedekahkan hasilnya. Lalu Saidina Umar R.A. menjadikan hartanya itu (tanah perolehan di Khaibar) sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual, dibeli dan diwarisi...”

Hadis ini dengan jelas mengiktiraf peranan harta wakaf sebagai instrumen menjana dan mengagihkan kekayaan kepada umat Islam.

Pentakrifan harta wakaf juga dapat dirujuk berdasarkan takrifan oleh empat Imam muktabar Islam seperti di **Jadual 1**. Daripada definisi yang diberi, dapat disimpulkan bahawa harta wakaf adalah harta yang diserahkan miliknya kepada Allah S.W.T. oleh pewakaf yang mana manfaat atau hasil daripada harta berkenaan akan digunakan untuk tujuan kebajikan selama-lamanya. Selaras dengan konteks ekonomi, harta wakaf perlu diurustadbir dalam bentuk yang boleh menambah nilai atau menjana hasil/ pendapatan jangka panjang. Namun, ain atau fizikal harta berkenaan haruslah digunakan sebagai suatu sumber untuk tujuan penjanaan hasil. Selama-lamanya ia ditegah daripada

dijual, dipindahmilik, ditukar status atau dihapuskan oleh mana-mana pihak yang menguruskannya.

Jadual 1: Pentakrifan Harta Wakaf Menurut Pandangan Mazhab

Mazhab	Pengertian
Mazhab Syafie	Wakaf ialah menahan harta yang boleh diambil manfaat daripadanya dengan dikekalkan zat harta itu dengan memutuskan hak pengurusan pewakaf dan hasilnya digunakan untuk tujuan kebajikan serta untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.
Mazhab Hambali	Wakaf bererti menahan fizikal sesuatu harta dan disedekahkan hasil untuk tujuan kebajikan serta untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.
Mazhab Maliki	Wakaf ialah mendedekahkan manfaat sesuatu harta selama mana harta itu wujud dan kekal pemilikan harta tersebut secara taqdiri. Ini adalah berdasarkan hadith: Mafhumnya: <i>“Tahanlah asal harta tersebut dan alirkan hasilnya”</i> . Maksud menahan di atas bukan bererti terputus milik pewakaf tetapi ia masih tetap dalam pemilikannya. Walaupun pemilikan harta tersebut masih kekal kepada pewakaf, namun pemilikannya adalah pemilikan yang terikat iaitu pewakaf masih tidak boleh menjual harta tersebut.
Mazhab Hanafi	Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad b. Hassan mentakrifkan wakaf iaitu menahan sesuatu harta di bawah kekuasaan Allah S.W.T., di mana hak milik si pewakaf akan berpindah kepada Allah S.W.T. dan hasil daripada harta tersebut digunakan untuk kebaikan orang ramai.

Sumber: Diadaptasi daripada Mohd Saharudin, *et.al.* (2003), ms.77-78

Daripada aspek klasifikasi, terdapat beberapa bentuk harta wakaf yang mudah untuk dimajukan bagi tujuan meningkatkan perolehan ekonomi harta berkenaan seperti berikut:

a. Wakaf Tanah

Menurut Mohd Saharudin, *et.al.*, (2003), wakaf tanah dikelaskan kepada empat kategori iaitu Wakaf Am, Wakaf Khusus, Wakaf *Musyarak* dan Wakaf Kaki. Wakaf Am merujuk kepada harta yang diwakafkan untuk tujuan kebajikan yang umum. Ia adalah amat sesuai dijadikan sebagai sumber bagi aktiviti pembangunan ummah dalam bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Wakaf Khusus pula merujuk kepada harta yang diwakafkan untuk tujuan spesifik seperti untuk pembinaan masjid, surau, tanah perkuburan dan sebagainya. Dengan demikian, harta wakaf ini tidak boleh digunakan untuk aktiviti lain daripada apa yang telah ditetapkan oleh pewakaf. Wakaf *Musyarak* pula merupakan wakaf untuk kebajikan bersama oleh beberapa pihak. Manakala Wakaf Kaki pula merupakan wakaf yang melibatkan pewakaf membayar harga belian mengikut ukuran tertentu ke atas harta yang telah terlebih dahulu dibeli oleh pihak pengurusan wakaf. Berdasarkan keempat-empat bentuk harta wakaf, harta yang diwakafkan dalam bentuk Wakaf Umum dan Wakaf Kaki sesuai untuk dijadikan sebagai sumber penggerak aktiviti keusahawanan.

b. Wakaf Wang Tunai

Wakaf wang tunai merupakan skim wakaf menggunakan wang tunai yang dikumpulkan di dalam satu tabung amanah di bawah pegurusan nazir yang diamanahkan untuk mengurus wakaf berkenaan bagi tujuan jariah. Ia telah diputuskan dalam persidangan Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007. Wakaf wang tunai juga sebagaimana yang diurustadbir oleh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) merupakan suatu pelengkap kepada usaha pembangunan dalam menyediakan kemudahan pendidikan, kesihatan, dakwah, perbandaran dan pembangunan ummah pada zaman kegemilangan Empayar Uthmaniah. Menerusi YWM, wang tunai yang terkumpul dalam dana wakaf berkenaan ditukarkan kepada harta kekal supaya manfaatnya dapat disalurkan kepada masyarakat secara berkekalan. Dalam konteks ini, wakaf tunai juga boleh dimanfaatkan untuk aktiviti perdagangan dan keusahawanan dalam bidang yang berpotensi dengan ikatan pengekal nilai wakaf yang asal.

c. Wakaf Korporat dan Wakaf Saham

Wakaf korporat telah diterima sebagai satu bentuk wakaf di negara ini (Utusan Malaysia, 26 Jun 2009). Antara badan korporat yang menerajunya ialah Johor Corporation yang telah mewakafkan saham-saham miliknya dengan nilai RM200 juta dalam beberapa buah anak syarikatnya yang tersenarai di Bursa Malaysia Kuala Lumpur. Antara projek wakaf korporat yang telah dilaksanakan ialah Hospital Wakaf An-Nur dan Klinik Wakaf An-Nur. Selain itu, Tan Sri Muhamad Ali Hashim juga pernah menyarankan agar Syarikat Milik Kerajaan (GLC) diwakafkan sebagai badan wakaf korporat kebangsaan jika ingin diselamatkan daripada campur tangan kuasa politik melampau bagi menjamin GLC dapat dikekalkan berpanjangan untuk manfaat bangsa dan negara (Utusan Malaysia, 26 Jun 2009).

Wakaf saham pula melibatkan pengumpulan dana wakaf oleh pentadbir wakaf dan kemudiannya digunakan untuk membeli aset kekal yang mana hasilnya akan disalurkan untuk kebajikan. Siti Mashitoh (2007) telah memberikan contoh bahawa Seksyen 2, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 membenarkan kewujudan satu wakaf melalui saham-saham yang ditawarkan dan kemudiannya diwakafkan oleh pembeli kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

PEMAJUAN HARTA WAKAF

Teori pemilikan harta (*property rights*) menegaskan bahawa harta perlu dilaburkan, dikembangkan dan dimanfaatkan secara ekonomik bagi menjana hasil atau pertumbuhan (Shatzmiller, 2001). Harta wakaf berperanan untuk menjana, memindah dan mengagihkan kekayaan harta kepada masyarakat Islam atas asas pemisahan hak pemilikan dan hak penggunaannya (Rohayu dan Razali, 2009). Namun, Mohamad Salleh (2009) menyatakan, hasil yang diperolehi daripada harta wakaf adalah tidak mencukupi bagi menampung kos pengurusan harta wakaf. Harta-harta wakaf tidak berupaya menjana pendapatan sendiri (*self-generating income*) dan tidak produktif. Penyebab kepada permasalahan ini adalah kerana pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang bertindak sebagai pengurus harta wakaf tidak mempunyai jumlah kakitangan yang berkeupayaan mengurus harta-harta wakaf. Oleh demikian, manfaat yang sewajarnya diterima oleh benefisiari (*maukuf alaih*) tidak dapat disampaikan.

Oleh demikian, pengurusan harta wakaf perlu ditransformasikan (Mohamad Salleh, 2009). Transformasi boleh dilihat dalam perspektif pengurusan dan juga orientasi proses pengurusan harta ke arah yang lebih cekap dan efektif. Namun, bagi memajukan nilai ekonomi harta wakaf, transformasi proses pengurusan harta adalah amat sesuai untuk membolehkan lebih banyak hasil dijana dan diagihkan. Ia juga selaras dengan objektif penubuhan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) iaitu untuk menjana modal melalui kaedah-kaedah kontemporari dan semasa serta inovatif bagi memaksimumkan manfaat wakaf (YWM, 2009).

Strategi yang dicadangkan ialah dengan menambah bilangan kakitangan MAIN yang berkebolehan mengurus-tadbir harta wakaf, penyumber luaran (*outsourcing*) dan pengkorporatan harta wakaf (Mohamad Salleh, 2009; Abdul Ghafar dan Noraziah, 2009). Menerusi pendekatan penyumber luaran (*outsourcing*), harta wakaf akan diswastakan atau diserahkan kepada pihak lain serta firma perunding untuk dibangunkan secara komersil. Pengkorporatan harta wakaf pula melibatkan proses penyerahan kuasa urustadbir harta wakaf kepada pihak ketiga yang terdiri daripada anak syarikat milik penuh MAIN atau Yayasan Wakaf Negeri. Pendapatan daripada aktiviti komersil yang dijalankan seperti hasil sewaan tanah, bangunan dan ruang akan dikembalikan ke akaun wakaf bagi tujuan penyelenggaraan dan naik taraf harta wakaf berkenaan untuk manfaat benefisiari.

Peruntukan perundangan berkaitan harta wakaf di Malaysia juga membenarkan aktiviti memajukan harta wakaf menerusi aktiviti komersil untuk manfaat berpanjangan benefisiari (Siti Mashitoh, 2007). Sebagai contoh di Negeri Johor, Seksyen 25, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978 membenarkan Jawatankuasa Wakaf mengimarah, mengistibdal, mengistismar dan melabur *mawquf* (harta wakaf) mengikut syarat-syarat yang diluluskan oleh hukum syarak. Begitu juga dengan peruntukan Seksyen 8A(1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan 1995) (Akta A931) yang memberikan kuasa kepada Majlis Agama, dengan kelulusan Yang Di-Pertuan Agong, menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 bagi melaksanakan kewajipan atas kuasa-kuasanya sebagaimana yang diperuntukkan. Di bawah Seksyen 7(1) dan Seksyen 7(2), (Akta 505) akta yang sama, adalah menjadi kewajipan Majlis bagi kemajuan dan kesejahteraan sosio-ekonomi masyarakat Islam selaras dengan hukum Syariah. Majlis juga

boleh menubuh dan mengembangkan badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan bagi maksud tersebut. Selain itu, Seksyen 7(2)(c), (Akta 505) membenarkan Majlis secara bersama dengan badan-badan lain atau orang-orang lain menjalankan kegiatan bagi maksud Seksyen berkenaan (Siti Mashitoh, 2007).

Kesimpulannya, terdapat ruang, peluang dan kuasa perundangan yang diberikan kepada pihak pentadbir wakaf untuk menambah nilai harta wakaf menerusi aktiviti pengkomersilan berteraskan perniagaan atau keusahawanan. Ia boleh direalisasikan dalam konteks muamalat bersendirian menerusi penubuhan anak syarikat atau yang melibatkan aktiviti *Al-Musyarakah* atau *Al-Mudharabah* dengan pihak lain. Oleh yang demikian, harta wakaf amat berpotensi untuk dimajukan secara inovatif sebagai suatu sumber aktiviti keusahawanan untuk diteroka oleh institusi pentadbiran wakaf.

KEUSAHAWANAN DAN KEKAYAAN

Islam tertegak di atas inisiatif keusahawanan suci yang dipelopori oleh baginda Rasulullah S.A.W. Sejarah menunjukkan, ketika masih muda, Baginda adalah usahawan yang handal dalam urusanniaga antarabangsa yang mewakili Saidatina Khadijah R.A. Kemahiran berniaga, kejujuran dan amanah yang ditunjukkan oleh Baginda merupakan kunci utama kejayaan urusanniaga dan perdagangan yang dijalankan mewakili pemilik perniagaan iaitu Saidatina Khadijah R.A. Begitu juga dengan para sahabat yang turut menjadi usahawan terbilang seperti Abdul Rahman b. Auf dan Zubair b. Awwam pada zamannya.

Keusahawanan adalah instrumen ekonomi yang paling berkuasa kepada manusia (Kuratko dan Hodgetts, 2007). Ia merujuk kepada tindakan kreatif sekumpulan manusia menghasilkan output kolektif dengan mengeksploitasi sumber ekonomi. Keusahawanan melibatkan proses transformasi idea inovatif kepada perniagaan komersil. Keperluan utama dalam merealisasikan usaha niaga ialah kemahiran dan sumber yang disulam dengan inovasi, keupayaan mengambil risiko, dan perancangan strategik. Usahawan juga perlu memiliki mentaliti pelaburan yang menekankan kepada penjanaan keuntungan jangka panjang yang berkekalan. Oleh demikian, aset dan sumber produktif yang dimiliki perlu dikekalkan selama-lamanya dan digunakan seoptima boleh bagi menghasilkan kekayaan kepada pemilikinya. Dalam konteks ini, keusahawanan atau usaha niaga boleh dilaksanakan oleh usahawan

secara individu atau para pengurus (*agen*) yang dilantik mewakili pemilik modal (*prinsipal*) (Miller, 1983).

Keusahawanan mempunyai dua agenda utama iaitu mencipta dan melaksanakan penerokaan peluang usaha niaga baru serta pembaharuan strategik (Lumpkin dan Dess, 1996). Kedua-dua aktiviti tersebut dilakukan menerusi pembangunan dalaman organisasi sedia ada. Tiga perkara dasar yang perlu ditunjukkan oleh sebuah organisasi berorientasikan keusahawanan ialah daya inovasi, darjah kesanggupan risiko dan darjah proaktif para pengurus dan kakitangan organisasi berkenaan (Miller, 1983; Covin dan Slevin, 1991). Daya inovasi merujuk kepada daya usaha firma mencari peluang-peluang baru dan penyelesaian-penyelesaian ulung. Ia melibatkan kreativiti dalam menghasilkan produk baru, perkhidmatan baru atau proses penghasilan produk atau perkhidmatan. Darjah proaktif pula melibatkan daya usaha firma untuk merebut peluang-peluang baru mendahului para pesaing mereka. Perspektif memandang jauh ke hadapan akan membolehkan firma menjadi pendahulu pasaran dan menikmati kelebihan pendahulu pasaran. Darjah kesanggupan risiko pula merujuk kepada kesanggupan firma melaksanakan sebarang peluang usaha niaga baru dengan mengumpulkan sejumlah dana bagi memperkenalkan produk atau perkhidmatan baru kepada pasaran baru serta melabur dalam teknologi yang masih belum diteroka oleh firma lain.

Teras dan asas kepada keusahawanan ialah sumber. Penrose (1959) dalam *The Theory of the Growth of the Firm* menjelaskan persepsi dan imiganisasi usahawan terbina daripada pengetahuan mereka ke atas sumber organisasi dan ciri-cirinya seperti kegunaannya, kemandiriannya, dan ketersediaannya secara khusus. Sumber terbahagi kepada beberapa bahagian seperti sumber kewangan, peralatan, teknologi, tenaga manusia, kemahiran dan maklumat. Menurut falsafah ekonomi barat, sumber-sumber yang ada dalam ekonomi adalah terbatas. Oleh yang demikian, perebutan untuk memperolehi sumber terbaik berlaku secara berleluasa dalam sistem kapitalis yang menjulang prinsip kemenangan dan kejayaan bagi mereka yang inovatif, kreatif dan bijak merebut peluang. Sebaliknya dalam Islam, Allah S.W.T. memberi jaminan bahawa sumber-sumber yang ada sama ada yang bersifat fizikal atau bukan fizikal adalah tidak terbatas. Dengan rahmat Allah S.W.T., ketersediaan sumber berkenaan akan berterusan selagi manusia mentaati perintah dan suruhan-Nya.

Menurut Teori Agensi (Jensen dan Meckling, 1976), pemilik sumber atau pemegang saham merupakan prinsipal kepada pengurus atau wakil yang dilantik mengendalikan operasi perniagaan syarikat. Pengurus bertanggungjawab memaksima kekayaan pemilik dengan memaksimumkan keuntungan dan harga saham. Kebajikan pengurus dan kakitangan menjadi perkara kedua berbanding kepentingan pemilik. Oleh itu, bayaran gaji dan manfaat pekerjaan hanya diberikan mengikut beban tugas dan pencapaian yang ditunjukkan. Sebaliknya Islam mengiktiraf tenaga manusia, usaha dan buah fikiran (intelektual) yang mereka sumbangkan kepada organisasi di tahap yang tertinggi selaras dengan maksud hadis Nabi S.A.W.: *“Berikanlah upah kepada pekerja sebelum kering keringatnya”*. Dengan demikian, keusahawanan dapat disuburkan dengan lebih baik kerana keusahawanan memerlukan kepada daya inovasi, kesanggupan mengambil risiko dan proaktif seseorang usahawan atau pengurus dalam melaksanakan peluang-peluang perniagaan. Selain itu, hasil yang diperolehi bukan sahaja untuk dimanfaatkan oleh pemilik, malahan ia perlu diagihkan kepada masyarakat menerusi mekanisma zakat, sedekah-jariah, derma, wakaf dan sebagainya. Ini dijelaskan oleh Allah S.W.T. dalam firman-Nya:

“Ambillah zakat dari sebahagian daripada harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan mendoakan untuk mereka ...”

(Surah At-Taubah: Ayat 103)

Berbeza dengan teori ekonomi barat, Islam menegaskan pemilik hakiki kepada seluruh harta benda dan dunia adalah Allah S.W.T. Begitu juga dalam konteks harta wakaf yang telah diserahkan sebulatnya oleh pewakaf kepada Allah S.W.T. sebagai pemilik sebenar. Oleh itu, para pengurus organisasi perniagaan Muslim perlulah mentauhidkan bahawa tanggungjawab mereka adalah sebagai agen kepada harta milik Allah S.W.T. dan kepada-Nyalah segala usaha dan keberhasilan perlu dikembalikan dalam bentuk yang seelok-eloknya sesuai dengan sebuah hadis yang bermaksud: *“Allah itu bersih dan tidak menerima kecuali yang bersih”*. Dengan demikian, harta wakaf boleh digunakan bagi tujuan perniagaan komersil yang membawa manfaat umum. Keuntungan yang diperolehi harus digunakan untuk tujuan kewujudan sesebuah syarikat atau perniagaan itu. Ia selaras dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah, kecuali dengan perniagaan yang dilakukan suka sama suka di antara kamu”.

(Surah An-Nisaa’: Ayat 26)

“Sempurnakanlah janji Allah, bila kamu berjanji dan janganlah kamu merosakkan sumpah kamu sesudah kukuhnya, padahal kamu telah menjadikan Allah jaminan bagimu”.

(Surah An-Nahl: Ayat 91)

KONTRAK PERMODALAN YANG BOLEH DIADAPTASI

Organisasi perniagaan wujud dengan melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak yang bersama-sama berkongsi sumber kewangan, keusahawanan, kemahiran dan reputasi masing-masing dalam menjalankan aktiviti perniagaan (Ab. Mumin, 1999). Bagi menambah nilai harta wakaf menerusi aktiviti keusahawanan, pentadbir wakaf boleh menggunakan pendekatan kontrak pelaburan yang diharuskan oleh Syariah iaitu *Al-Musyarakah* atau *Al-Mudharabah*. Pendekatan *Al-Musyarakah* atau *Al-Syarikah* bermaksud percampuran harta atau bersekutu menjalankan perniagaan. Ia melibatkan kedua-dua pihak berkongsi modal (harta) atau kemahiran keusahawanan dan reputasi dengan bersama-sama berkongsi keuntungan dan kerugian yang dihasilkan daripada operasi perniagaan mengikut pembahagian yang dipersetujui bersama. Dalam konteks harta wakaf, perkongsian berbentuk *Syarikah Al-‘Aqd* yang menekankan kepada perkongsian modal kewangan (harta) dengan diikuti penglibatan secara bersama mengendalikan perniagaan dan agihan hasil perniagaan boleh diteroka. Walau bagaimanapun, kemahiran keusahawanan di kalangan kakitangan yang terlibat dengan perniagaan adalah amat diperlukan bagi merealisasikan perniagaan berteraskan kontrak *Al-Syarikah* ini.

Kedua, pentadbir wakaf juga boleh mengadaptasi kontrak *Al-Mudharabah*. Di bawah model ini, dana (harta) disalurkan kepada pengusaha di bawah konsep perkongsian untung. Modal datang daripada satu pihak (pemodal) dan usaha

dilaksanakan oleh pihak yang satu lagi. Pembahagian untung pula dilakukan berdasarkan persetujuan yang telah ditetapkan. Dalam konteks wakaf, kontrak *Al-Mudrabah Al-Muqayyadah* (bersekatan) boleh digunakan di mana pihak pemodal menyerahkan modalnya kepada pengusaha dengan dikenakan sekatan dan syarat tertentu agar harta yang dikomersilkan akan berkekalan dan semakin berkembang.

BENTUK USAHA NIAGA YANG BOLEH DIEKSPLORASI

Bagi menambah nilai dan menjana perolehan berterusan untuk harta-harta wakaf yang ada, adalah disarankan agar pihak pentadbir wakaf dapat mengeksploitasi empat bentuk aktiviti keusahawanan yang akan diuraikan di bawah. Namun begitu, pertimbangan risiko dan komitmen terhadap darjah inovasi dan proaktif adalah perlu diberikan perhatian sebelum setiap bentuk aktiviti usaha niaga dapat dilaksanakan. Dalam konteks keusahawanan, pertimbangan darjah risiko antara kuadran rendah kepada tinggi sebagaimana yang disimpulkan dalam *Grid Hubungan Tingkat Risiko dan Inovasi-Proaktif* (**Rajah 1**), menuntut pentadbir wakaf berkesanggupan merebut peluang-peluang niaga baru dengan melaburkan sejumlah dana (harta wakaf) yang ada untuk memperkenalkan produk atau perkhidmatan baru kepada pasaran tanpa kepastian seratus peratus terhadap perolehan yang bakal diperolehi. Namun begitu, risiko aktiviti usaha niaga masih boleh ditanggung dengan adanya kemahiran perniagaan, maklumat industri dan alat pengukur risiko yang bersesuaian. Dengan demikian, perolehan yang akan diperolehi akan selaras dengan tahap risiko yang ditanggung.

Begitu juga dengan kuadran darjah inovasi dan proaktif dalam perniagaan yang dijalankan. Sela ukuran antara darjah yang rendah dan tinggi menunjukkan tahap keperluan terhadap komitmen dan daya usaha firma mencari peluang-peluang baru yang melibatkan unsur kreativiti usaha niaga yang boleh menghasilkan produk baru, perkhidmatan baru atau proses penghasilan produk atau perkhidmatan mendahului para pesaing dalam industri yang sama. Ia dapat dicapai dengan adanya ilmu pengetahuan, kreativiti, jaringan dan kemahiran perniagaan yang baik dalam kalangan pentadbir wakaf.

1. **Usahasama Perniagaan (*Joint-Venture*)**

Usahasama (*joint-venture*) adalah kaedah perniagaan yang melibatkan persyarikatan (*Al-Syarikah*) dua pihak untuk menjalankan sesuatu perniagaan atau membangunkan sesuatu projek. Selaras dengan ketersediaan harta wakaf dalam bentuk tanah wakaf umum, wakaf kaki dan wakaf wang tunai, kaedah usahasama boleh diketengahkan sebagai suatu usaha menambah nilai harta wakaf dan menjana hasil jangka panjang. Antara projek yang boleh dibangunkan adalah pembangunan bangunan komersil di atas tanah wakaf umum melalui konsep *build-operate-transfer* (BOT). Juga aktiviti perniagaan khusus seperti membuka pasaraya, sekolah swasta, kolej pengajian tinggi dan seumpamanya di atas tanah wakaf umum. Malahan pengemblengan modal bersama menerusi wakaf kaki atau wakaf tunai juga boleh menghasilkan pulangan berterusan dalam sektor perniagaan yang berdaya maju seperti itu. Usahasama melibatkan penjanaan idea bersama dan pengurusan bersama antara pihak pentadbir wakaf dan firma rakan niaga. Usahasama juga membolehkan tenaga kepakaran dalam menjalankan perniagaan dapat dipupuk di kalangan kakitangan atau anak syarikat milik pentadbir wakaf. Dari aspek risiko dan keperluan inovasi-proaktif, didapati berada pada tahap tinggi risiko dan rendah inovasi-proaktif.

2. **Penyaluran Modal Mudharabah Kepada Usahawan (*Venture Capital*)**

Memandangkan semakin ramai dalam kalangan ahli masyarakat yang ingin menceburi bidang perniagaan atau telah menceburi bidang yang berdaya maju dan sah di sisi Syariah tetapi kekurangan dana untuk berkembang, maka peluang terbuka luas untuk institusi wakaf yang menguruskan wakaf wang tunai melibatkan diri sebagai pemodal teroka dalam bentuk *Al-Mudharabah Al-Muqayyadah* (bersekatan). Dalam bentuk usaha niaga ini, idea perniagaan dan penerokaan awal telah dilaksanakan oleh usahawan sedia ada. Suntikan modal (harta) oleh pentadbir wakaf akan terus membantu memacu pertumbuhan perniagaan berkenaan. Dengan demikian, agihan keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan berkenaan akan dapat meningkat nilai harta wakaf yang ada. Walau bagaimanapun, pertimbangan risiko dan

tanggapan risiko perlu dilakukan terlebih dahulu dengan menjalankan pelbagai bentuk analisa risiko dan daya maju projek. Sekumpulan pakar perniagaan perlu diwujudkan oleh pihak pentadbir wakaf untuk tujuan menilai dan memantau perjalanan perniagaan berkenaan dari masa ke semasa. Dari aspek risiko dan keperluan inovasi-proaktif, didapati berada pada tahap rendah risiko dan rendah inovasi-proaktif.

3. **Keusahawanan Korporat (*Intrapreneur*)**


Dalam menjana nilai dan hasil bagi harta wakaf, telah sampai masanya di mana pentadbir wakaf perlu mewujudkan aktiviti *intrapreneur* sebagaimana diamalkan oleh Johor Corporation Berhad (Muhammad Ali, 2007). *Intrapreneur* melibat penglibatan kakitangan dalaman yang mempunyai idea perniagaan yang inovatif, berdaya maju dan berdaya tahan diberikan sejumlah modal dalam bentuk aset fizikal atau tunai untuk menjalankan perniagaan berkenaan bagi pihak pentadbir wakaf. Keuntungan yang dijana akan dikembalikan kepada tabung dana wakaf berkenaan untuk kebajikan masyarakat. Menerusi langkah ini, ia memberi ruang yang lebih luas untuk usaha menyuburkan harta wakaf selain memenuhi tuntutan fardhu kifayah bagi menyediakan produk atau perkhidmatan yang diperlukan oleh umat Islam khususnya. Dalam masa yang sama, ia juga membantu menjana budaya keusahawanan korporat di dalam organisasi pentadbiran wakaf. Antara sektor perniagaan yang boleh diceburi ialah perkhidmatan nasihat kewangan Islam, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan pendidikan, dan perdagangan (*trading*). Namun begitu, ia memerlukan daya inovasi dan ciri-ciri keusahawanan korporat yang tinggi di kalangan ahli organisasi pentadbir wakaf. Sekiranya perniagaan yang diceburi melibatkan sektor yang stabil (*evergreen*) dan sentiasa diperlukan oleh pelanggan, maka perniagaan yang dijalankan adalah kurang berisiko. Oleh itu, daripada aspek grid risiko dan keperluan inovasi-proaktif, ia berada pada tahap rendah risiko dan tinggi inovasi-proaktif.

4. **Penubuhan Syarikat Milik Pentadbir Wakaf**

Penubuhan syarikat milik pentadbir wakaf secara khusus adalah suatu aktiviti perniagaan yang bersifat *hybrid* dan lebih meluas. Berteraskan matlamat untuk meningkatkan nilai dan hasil janaan harta wakaf,

maka syarikat milik pentadbir wakaf seharusnya dibenarkan beroperasi dalam apa-apa sahaja perniagaan yang diharuskan oleh Syarak asalkan ia dapat menjamin modal atau harta yang dilaburkan tidak akan hilang selama-lamanya. Oleh demikian, kaedah ini didapati lebih tinggi risikonya dan memerlukan daya inovatif-proaktif yang juga tinggi. Selain itu, kompleksiti perniagaan mengikut industri yang diceburi serta sistem urustadbir korporat yang perlu dilaksanakan juga tinggi. Kepakaran, pengalaman dan komitmen tinggi organisasi pentadbir wakaf amat diperlukan bagi merealisasikan bentuk aktiviti keusahawanan sebegini. Selaras itu, aspek risiko dan keperluan inovasi-proaktif berada pada tahap tinggi-tinggi.

Rajah 1: Grid Hubungan Tingkat Risiko dan Inovasi-Proaktif Aktiviti Keusahawanan Melibatkan Harta Wakaf



CABARAN DAN KESIMPULAN

Secara konseptualnya, artikel ini telah membincangkan konsep pembangunan harta wakaf menerusi aktiviti keusahawanan yang diyakini boleh menjana perolehan yang maksima ke atas setiap ringgit nilai harta yang diwakafkan oleh pewakaf. Dengan cara sedemikian, manfaat yang lebih besar atas harta wakaf akan dapat dirasai oleh setiap benefisiari yang layak. Langkah berkenaan juga dapat membantu menjana ekonomi ummah dengan mewujudkan pelbagai bentuk kesan limpahan ekonomi seperti penyediaan peluang pekerjaan, peluang pembentukan entiti perniagaan baru yang berhubungan dengan perniagaan milik pentadbir wakaf, peningkatan pendapatan pentadbir wakaf atas harta wakaf dan penyuburan harta wakaf yang ada. Sungguhpun demikian, adalah amat mencabar untuk pihak pentadbir wakaf melaksanakan setiap bentuk aktiviti keusahawanan sebagaimana yang disarankan. Namun, pepatah Melayu ada mengatakan "*kalau tidak dipecahkan ruyong, manakan dapat sagunya*".

Cabaran pertama yang perlu dihadapi ialah berkaitan ketersediaan jumlah harta wakaf yang boleh dimanfaatkan untuk aktiviti keusahawanan. Berdasarkan kajian Mohd Saharudin, *et. al* (2003), kebanyakan wakaf hartanah negeri-negeri di Semenanjung Malaysia berada dalam kategori wakaf khusus. Tanah yang dikategorikan dalam bentuk wakaf am hanya berada di sekitar 21 hingga 90 ekar sahaja. Dengan demikian, jumlah harta wakaf terutamanya dalam bentuk tanah yang boleh dimajukan untuk tujuan perniagaan adalah amat terhad. Kekangan ini juga masih belum diambilkira kedudukan hartanah berkenaan yang mungkin berada di lokasi yang tidak strategik serta saiz hartanah yang tidak ekonomik untuk dimajukan secara komersil.

Selain itu, wakaf wang tunai dan saham juga adalah suatu bentuk wakaf yang baru diperkenalkan. Dengan itu, jumlah dana terkumpul masih lagi berada pada tahap yang rendah untuk menampung keperluan dana dalam projek atau aktiviti perniagaan yang berkos tinggi. Oleh itu, usaha berterusan pentadbir wakaf untuk menggalakkan umat Islam mewakafkan harta dalam bentuk wang, saham dan hartanah umum perlu terus digiatkan. Kemungkinannya adalah melalui mekanisma insentif percukaian dan perakaunan.

Kedua, keusahawanan memerlukan sistem dan proses pengurusan yang proaktif serta fleksibel. Mekanisme yang dapat menghubungkan usahawan sedia ada yang memerlukan dana tambahan menerusi aktiviti modal teroka (*venture capital*) dan *joint-venture* masih belum disediakan oleh para pentadbir wakaf dan institusi berkaitan. Mekanisma yang wujud pada masa kini adalah berbentuk usaha peringkat hulu bagi mengumpul sebanyak mungkin harta wakaf di kalangan masyarakat. Usaha di peringkat pengembangan harta masih berada pada tahap permulaan. Oleh itu, perlulah diwujudkan suatu sistem penyampaian maklumat kepada anggota masyarakat tentang keterbukaan dan kesediaan pihak pentadbir wakaf menjalankan usahasama, menyediakan modal teroka dan seumpamanya sebelum aktiviti keusahawanan yang telah dibincangkan dapat direalisasikan. Sistem kawalselia aktiviti usahasama atau modal teroka yang mantap dan berintegriti juga perlu diwujudkan kerana ia melibatkan harta wakaf yang perlu dikekalkan fizikalnya untuk selamanya.

Cabaran ketiga yang perlu dihadapi adalah untuk mempersiapkan setiap kakitangan institusi pentadbir wakaf tahap keilmuan dan kemahiran perniagaan atau keusahawanan. Secara khusus, kakitangan yang bakal dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan semua aktiviti keusahawanan yang disarankan perlulah memiliki kemahiran khusus dalam semua aspek perniagaan seperti pengurusan strategik, kewangan, pelaporan dan perakaunan, tadbir urus entiti komersil, teknologi, penilaian dan pengurusan risiko, pengurusan maklumat pasaran dan pemasaran serta etika dan perundangan berkaitan perniagaan. Autonomi yang sepadan juga perlu diberikan bagi membolehkan mereka bergerak dengan inovatif dan proaktif bagi memastikan pengkomersilan yang dijalankan dapat memberikan hasil sebagaimana diharapkan. Budaya keusahawanan juga perlu diterapkan menerusi konsep *intrapreneur*. Untuk itu, sudah semestinya ia perlu melibatkan transformasi falsafah organisasi dan penambahbaikan visi, misi serta dasar operasi bagi memberi ruang kepada budaya keusahawanan untuk mengambil tempat dalam organisasi pentadbiran wakaf.

Kesimpulannya, pembangunan harta wakaf menerusi usaha pengkomersilan berteraskan keusahawanan adalah selaras dengan tuntutan dan kehendak syariat Islam. Namun, usaha dan komitmen berterusan bagi menghubungkan dan merealisasikan kedua-dua tuntutan berkenaan perlu diutamakan dalam

menangani pelbagai isu berkaitan kemajuan harta wakaf di negara ini. Menerusi pendekatan ini, diyakini pada suatu masa yang akan datang pembangunan ekonomi umat Islam di Malaysia akan dapat berjalan berteraskan kekuatan harta wakaf yang subur. Dengan demikian akan tercapailah kegemilangan wakaf sebagai wadah ekonomi ummah sebagaimana wujudnya di zaman kegemilangan Empayar Othmaniah suatu masa dahulu. Juga sebagaimana yang digambarkan oleh Yedydiz (1996): “Insan dilahirkan dalam rumah wakaf, tidur dalam buaian wakaf, makan dan minum dari harta wakaf, membaca buku yang diwakafkan, menerima pendidikan di sekolah wakaf dan bila meninggal dikebumikan di tanah perkuburan yang diwakafkan”.

RUJUKAN

- Ab. Mumin, A.G. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Abdul Ghafar, I. , dan Noraziah, C.A. (2009). Pengurusan Zakat dan Wakaf di Malaysia: Satu Langkah ke Hadapan. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Vol. 3, No. 2, ms. 25-46.
- Covin, J.G. dan Slevin, D.P. (1991). A Conceptual Model of Entrepreneurship Behavior, *Entrepreneurship Theory and Practice*, Vol. 16, No. 1, ms. 7-25.
- Jensen, M.C., dan Meckling, W.H. (1976). Theory of the Firm: Managerial Behavior, Agency Costs and Ownership Structure, *Journal of Financial Economics*, Vol. 3, ms. 305-360.
- Kuratko, D.F., dan Hodgetts, R.M. (2007). *Entrepreneurship Theory, Process, Practice*, Edisi ke-7, Thomson South-Western, Canada.
- Lumpkin, G.T., dan Dess, G.G. (1996). Clarifying the Entrepreneurial Orientation Construct and Linking it to Performance, *Academy of Management Review*, Vol. 21, No. 1, ms. 135-172.
- Miller, D. (1983). The Correlates of Entrepreneurship in Three Types of Firms, *Management Science*, Vol. 29, No. 7, ms. 770-791.
- Mohamad Salleh, A. (2009). Malaysia Needs Transformation of Waqf Management. *Utusan Malaysia Online* (English Edition), 25 Disember 2009 (muat turun pada 12 Mei 2010: <http://www.utusan.com/utusan/special.asp?>)
- Mohd Saharudin, S., Mohd Saifoul, Z.N., dan Jamal, A. (2003). Tinjauan Isu-isu yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Vol.11, No. 2, ms. 73-98.
- Muhammad Ali, H. (2007). *Bisnis Satu Cabang Jihad Pembudayaan Bisnis untuk Survival*, Utusan Publication & Distributors: Kuala Lumpur.

Nasution, K.S. (2002). Colonial Intervention and Transformation of Muslim Waqf Settlements in Urban Penang: The role of the Endowments Board, *Journal of Muslim Minority Affairs*, Vol. 22, No.2, ms. 299-315.

Penrose, E.T. (1959). *The Theory of the Growth of the Firm*. John-Wiley: Cambridge, United Kingdom.

Rohayu, A.G. dan Razali, O. (2009). Kuasa Barat dan Implikasinya Terhadap Pengurusan Institusi Wakaf. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Vol. 3, No. 2, ms. 1-24.

Shatzmiller, M. (2001). Islamic Institutions and Property Rights: The case of the 'Public Good' Waqf, *Journal of the Economic & Social History of the Orient*, Vol. 44, Issue 1, ms. 44-74.

Siti Mashitoh, M. (2007). Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-Undang Serta Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Vol. 15, No. 2, ms. 61-83.

Utusan Malaysia (26/6/2009), Wakafkan Syarikat Milik Kerajaan, Muhammad Ali Hashim.

Yayasan Wakaf Malaysia (2009), muat turun pada 12/5/2010, <http://www.ywm.org.my/index.php/wakaf>

Yedydiz, B. (1996). *The Habitable Town and the Turkish Waqf System*, Working Paper for HABITAT II, United Nations.

LARANGAN DALAM IHRAM: ISU PEMAKAIAN SELIPAR ATAU KASUT YANG MENAMPACKAN SEMUA JARI KAKI

Oleh:

Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi¹

Dr. Hj. Zulkifli Mohamed Al-Bakri²

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menerang dan menjelaskan kekeliruan yang berlaku dalam kalangan jemaah haji dan petugas haji berkaitan hukum pemakaian selipar atau kasut yang menampakkan semua jari kaki atau tidak ketika di dalam ihram bagi jemaah haji lelaki semasa menunaikan ibadat haji. Isu selipar atau kasut ini adalah antara isu yang paling utama dihadapi jemaah haji Malaysia. Wujud pandangan dan kenyataan jemaah haji Malaysia mengatakan amalan memakai selipar dengan menampak serta menzahirkan semua jari kaki seperti diputuskan oleh Muzakarah Tabung Haji tidak tepat sebaliknya dibolehkan jika tertutup satu atau dua jari kaki. Ini kerana maksud tersebut adalah nampak semua jari kaki dari sebelah atas (hadapan) dan bukan bermaksud perlu memakai selipar atau kasut yang menampakkan kesemua jari kaki. Lebih malang, apabila ada yang mendakwa guru agama langsung tidak menyentuh jenis selipar atau kasut yang perlu dipakai ketika berhram di dalam kursus haji. Oleh sebab itu pada musim haji 1430H, terdapat segelintir jemaah haji semasa ihram memakai selipar atau kasut dengan tidak kelihatan satu atau dua jari kaki (jari kelingking) atau dua jari kaki. Diharapkan, perbincangan yang disampaikan dalam artikel ini akan menjadi satu panduan dan bimbingan kepada jemaah haji yang lain di dalam menghadapi isu permasalahan dan persoalan hukum hakam berkaitan ibadah haji demi mencapai keredhaan Allah S.W.T. seterusnya mencapai haji mabrur.

Perkataan Teras : Ihram, Jemaah Haji, Pemakaian Selipar/Kasut

Klasifikasi JEL : G28, Q58, Z12

¹ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia merangkap Ketua Penyelidik Bimbingan Haji, Lembaga Tabung Haji Malaysia dan Penyelaras Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).

² Karyawan Tamu, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) merangkap Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji Lembaga Tabung Haji dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Negeri Terengganu.

PENDAHULUAN

Isu dan hukum memakai selipar atau kasut yang menampakkan semua jari kaki dan tidak menampakkan semua jari kaki ketika di dalam Ihram bagi jemaah haji lelaki ketika menunaikan ibadat haji di tanah suci Makkah merupakan salah satu pecahan atau cabang kategori pakaian daripada meninggalkan larangan dalam ihram.

Wajib haji ialah pekerjaan yang wajib dilakukan ketika mengerjakan haji. Jika tidak dikerjakan salah satu daripadanya, haji tersebut tetap sah, tetapi dikenakan dam menurut syarat-syaratnya. Dia juga menanggung dosa jika meninggalkan perkara tersebut dengan sengaja.

Antara wajib haji tersebut ialah:

- i. Berniat ihram di Miqat.
- ii. Mabit di Mudzhalifah.
- iii. Melontar anak batu di Jamrah Kubra.
- iv. Mabit di Mina.
- v. Melontar anak batu di tiga Jamrah. (Jamrah Sughra, Jamrah Wusta dan Jamrah Kubra)

Ketika berihram, jemaah haji adalah dilarang memakai selipar (kasut) yang menutupi jari-jari kaki dan tumit. Namun begitu jemaah haji dibenarkan memakai selipar (kasut/sepatu) yang menampakkan jari-jari kaki dan mempunyai tali pengikat di atas urat keting yang menampakkan tumit.

Jika jemaah haji (lelaki) yang berada dalam ihram memakai selipar (kasut) yang menutupi jari-jari kaki dan tumit secara terlupa atau tidak sengaja, maka hendaklah dia menanggalkan selipar (kasut) tersebut dengan segera apabila dia sedar atau diperingatkan. Hukumnya tidak berdosa dan tidak dikenakan dam. Sebaliknya jika dia melengah-lengahkan dalam keadaan dia mampu berbuat demikian, maka dia berdosa dan dikenakan dam Takhyir dan Taqdir. (Panduan Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah, hlm. 62).

DEFINISI SELIPAR DAN KASUT

- a. Mengikut takrifan yang diberikan oleh Fairuz Abadi, selipar itu ialah sesuatu yang boleh mengalas kaki dari bumi. (Al-Qamus Al-Muhit, Jld. 1, hlm. 1374)
- b. Mengikut kamus dewan kasut ialah alas kaki seperti sepatu, selipar dan lain-lain. (Kamus Dewan Edisi Keempat, hlm. 683)
- c. Memakai selipar ketika ihram merupakan sunnah Rasulullah S.A.W. Ia merupakan perbuatan yang baik kerana dapat mengelakkan diri daripada terpijak duri, menghindarkan kepanasan dan kesejukan. Akan tetapi jika seseorang itu tidak mahu memakai selipar, dia tidak berdosa. (Fatwa Islamiyah, Jld.2, hlm. 232).

DALIL PEMAKAIAN SELIPAR ATAU KASUT KETIKA IHRAM

Hal ini berdasarkan Hadis Rasulullah S.A.W.:

لِيَحْرُمَ أَحَدُكُمْ فِي إِزَارٍ وَرِدَاءٍ وَنَعْلَيْنِ

Maksudnya:

“Berihramlah kamu dengan memakai kain sarung, rida (selendang ihram) dan selipar.”

(Riwayat Ahmad)

Artikel ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian:

Pertama: Hukum pemakaian selipar atau kasut yang menampakkan semua jari kaki dan tidak.

Kedua: Hukum pemakaian selipar atau kasut bagi kaki yang sihat untuk mengimbangi kasut bagi kaki palsu.

Bahagian Pertama

Hukum pemakaian selipar atau kasut yang menampakkan semua jari kaki atau sebaliknya.

Secara umumnya jelas, seseorang jemaah haji adalah dilarang memakai selipar atau kasut yang menutupi jari-jari kaki dan tumit. Namun begitu Jemaah haji dibenarkan memakai selipar atau kasut yang bersifat berikut:

- Menampakkan semua jari kaki;
- Sama ada mempunyai tali pengikat di atas urat kening yang menampakkan tumit; atau
- Selipar yang menampakkan semua jari kaki dan tumit.

Dikemukakan di sini hukum dan pandangan ulama yang turut menyokong pandangan ini:

- i. Di dalam buku **Soal Jawab Ibadat Haji, Umrah dan Ziarah**, hal. 69-71, menyatakan: "Tidak boleh memakai kasut dalam ihram kecuali jika dipotong di bawah buku lali, iaitu di belakang tumit dan hujung jari sehingga menampakkan hujung jari."

Dalam Hadith Riwayat Al-Tarmizi daripada Ibn Abbas R.A. katanya: Aku telah mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda: "Seseorang yang berihram itu apabila tiada kain maka pakailah celana (seluar) dan apabila tidak ada na'al (selipar) maka pakai kasut." (Bahru Al-Mazi, 6/75)

Begitu juga hadis daripada Ibn Umar R.A. katanya:

قَامَ رَجُلٌ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَاذَا تَأْمُرُنَا أَنْ نَلْبَسَ مِنَ الثِّيَابِ فِي الْحَرَمِ، فَقَالَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " لَا تَلْبَسُوا الْقُمُصَ وَلَا السَّرَاوِيْلَاتِ وَلَا الْبِرَانِسَ
وَلَا الْعَمَاءَ وَلَا الْخُفَّافَ إِلَّا أَنْ يَكُونَ أَحَدٌ لَيْسَتْ لَهُ نَعْلَانِ فَلْيَلْبَسِ الْخُفَّيْنِ وَلْيُقِطْعُهُمَا
مَا أَسْفَلَ مِنَ الْكَعْبَيْنِ وَلَا تَلْبَسُوا شَيْئًا مِنَ الثِّيَابِ مَسَّهُ الزَّعْفَرَانُ وَلَا الْوَرْسُ وَلَا
تَنْتَقِبِ الْمَرْأَةُ الْحَرَامُ وَلَا تَلْبَسِ الْفُقَّارَيْنِ (حسن صحيح)

Maksudnya:

“Telah berdiri seorang lelaki dan bertanya: Ya Rasulullah! Apakah engkau suruh kami memakai pakaian dalam berihram?” Jawab Rasulullah S.A.W.: Jangan kamu pakai baju dan jangan kamu pakai seluar dan jangan pakai burnus (tutup kepala yang bersambung dengan baju) dan serban juga kasut, melainkan orang yang tiada selipar boleh memakai kasut dan hendaklah dipotong di sebelah bawah daripada dua buku lali dan jangan pakai sekalian kamu akan sesuatu daripada pakaian yang disentuh oleh Za’faran dan waras (sejenis tumbuhan yang digunakan untuk pencelup pakaian dan bau-bauan) dan jangan menutup perempuan akan mukanya dan jangan pakai dua sarung tangan.”

(Bahru Al-Mazi)

Syeikh Muhammad Ismail Daud Al-Fathani di dalam kitab Al-Bahrul Al-Wafi Wa Al-Nahrus Al-Shafi, hlm. 455 berkata: “Dan sunat bagi lelaki yang ihram memakai selipar kerana sabda Rasulullah S.A.W.:

Maksudnya:

“Berihramlah kamu dengan memakai kain sarung, rida (selendang ihram) dan selipar.”

لِيَحْرُمَ أَحَدُكُمْ فِي إِزَارٍ وَرِدَاءٍ وَنَعْلَيْنِ

(Riwayat Ahmad)

Yakni hendaklah ihram seseorang kamu dengan kain sarung yang tidak berjahit, kain selendang dan selipar. Ini berdasarkan Riwayat Abu Awa’nah pada Sahihnya (maka) hendaklah **jangan ada dua na’al (sepasang selipar) itu meliputi akan dua kakinya dengan bahawa zahir daripada keduanya (dikedua-dua selipar) segala anak jari kakinya, dan awla’nya yang baharu keduanya.** (Al-Bahrul Al-Wafi Wa Al-Nahrus Al-Shafi, hlm. 455).

Sheikh Abdul Fattah Husein Rawwah berkata: “Dan yang paling asoh’nya diharamkan memakai kasut ketika di dalam ihram iaitu yang meliputi susut-sudut kaki seperti kintizah (sejenis kasut yang menutup sebahagian kaki) dan seumpamanya, juga yang menutupi jari-jari kaki seperti tilik (sejenis kasut

yang menutup jari-jari kaki). Dan keputusannya: hanya selipar atau kasut yang menzahirkan tumit dan semua jari-jari kaki dihalalkan secara mutlak. Dan selipar atau kasut yang tidak menampakkan jari-jari kaki sahaja atau tumit sahaja (salah satu) tidak dihalal kecuali hilang seliparnya. (Kitab Idhah Fi Manasik Al-Haj Wal-Umrah. hlm.149).

Di dalam kitab ini jelas membuktikan semasa ihram seseorang dilarang memakai selipar atau kasut yang menutupi jari-jari kaki dan tumit. Begitu juga selipar atau kasut yang hanya menampakkan jari-jari kaki sahaja tetapi tumit tertutup juga ditegah, termasuk juga selipar atau kasut yang menampakkan tumit sahaja tetapi jari-jari tertutup adalah ditegah dan dilarang. Namun begitu ianya dibenarkan jika terpaksa.

Sheikh Abdullah b. Abdul Rahman Al-Bassam berkata: "Pengharaman khuf (kasut) melingkungi setiap yang menutup kaki dan dua buku lali." (Taudih Al-Ahkam Min Bulugh Al-Maram).

Imam Al-Haramain berkata: "Adapun pemakaian khuf atau kasut bagi yang berihram adalah ditegah apabila memiliki selipar. Jika tiada selipar maka hendaklah dipotong khuf atau kasut pada bahagian bawah buku lali (hingga zahir kelihatan tumit)." Seterusnya beliau berkata: "Adapun syimsyik (iaitu sejenis kasut yang dipotong pada bahagian bawah buku lali hingga menampakkan tumit". Mengikut pendapat kebanyakan Ashab Al-Shafieyah, bahawasanya tidak boleh dipakai bagi yang memiliki selipar. (Nihayah Al-Mathlab)

Berdasarkan ibarat di atas, jelas membuktikan bahawasanya Imam Al-Haramain berpendapat jemaah haji yang berihram, hendaklah memakai selipar terlebih dahulu. Selipar di sini membawa maksud yang terbuka dan menampakkan semua jari-jari kaki dan tumit, akan tetapi jika jemaah haji tersebut tiada selipar, barulah ia dibenarkan memakai kasut yang bertutup tetapi disyaratkan memotong di bahagian bawah buku lali iaitu sehingga menzahirkan tumit tanpa perlu memotong bahagian depan kasut (jari kaki tidak zahir) kerana darurat.

Ibarat di sini juga jelas mengatakan pemilihan antara kasut dan selipar ketika di dalam ihram, perlulah didahulukan selipar dahulu, dan apabila selipar tiada atau hilang maka barulah memilih kasut namun tetap disyaratkan memotong di bahagian bawah buku lali iaitu sehingga menzahirkan tumit dan bukan terus memilih kasut tanpa berikhtiar memiliki selipar.

Di sinilah punca permasalahannya, apabila segelintir jemaah haji terus mengambil yang kedua iaitu memakai selipar atau kasut dengan menzahirkan tumit sahaja dan memadai hanya menampakkan beberapa jari kaki tanpa memahami situasi yang sebenar iaitu apabila selipar hilang atau tiada.

Sheikh Al-Imrani berkata: “Tidak harus bagi seseorang yang berihram memakai khuf (kasut), jika dilakukan juga, wajib ke atasnya fidyah kias kepada perbuatan mencukur ketika berihram. Maka jika tiada selipar, barulah harus baginya memakai khuf (kasut) tetapi mestilah selepas memotong khuf (kasut) tersebut di bahagian bawah buku lali iaitu sehingga menzahirkan tumit dan jadilah ia (kasut tersebut) seperti syimsyikain (iaitu gambaran sejenis kasut yang dipotong di bahagian bawah buku lali sehingga menampakkan tumit). Namun jika seseorang jemaah haji ketika berihram memakai juga khuf (kasut) tanpa dipotong di bahagian bawah buku lali sehingga menampakkan tumit ketika tidak memiliki selipar, maka diwajibkan ke atasnya fidyah”. (Al-Bayan Fi Fiqh al-Imam As-Shafie).

Pengarang Kitab Al-Fiqh Al-Manhaji Ala-Madzhah Imam Al-Shafie menyatakan: “Antara perkara yang haram semasa berihram dan wajib dielakkan oleh orang yang berihram haji atau umrah ialah memakai pakaian yang disarung di badan, dan memakai kasut. Bagaimanapun, boleh memakai selipar yang tidak menutup kakinya. Tegahan tersebut adalah haram bagi lelaki sahaja.” (Al-Fiqh Al-Manhaji)

Hal ini berdasarkan hadis daripada Ibn Umar R.A., ketika seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah S.A.W.:

مَا يَلْبَسُ الْمُحْرَمُ؟ فَقَالَ : لَا يَلْبَسُ الْقَمِيصَ وَلَا الْعِمَامَةَ وَلَا السَّرَاوِيلَ وَلَا الْبُرُتْسَ ,
وَالْخِفَافَ , إِلَّا أَحَدًا لَا يَجِدُ نَعْلَيْنِ , فَيَلْبَسُ الْخُفَّيْنِ , وَيُلْقِطُهُمَا أَسْفَلَ مِنَ الْكَعْبَيْنِ , وَلَا
تَوْبًا مَسَّهُ الْوَرَسُ أَوْ الزَّعْفَرَانُ

Maksudnya:

“Apakah yang dipakai oleh orang yang berihram? Baginda menjawab: jangan memakai baju, serban, seluar, topi dan kasut kecuali apabila ketiadaan selipar bolehlah memakai kasut yang dipotong bahagian bawah buku lali. Begitu juga jangan memakai pakaian yang terkena koma-koma (الزعفران) dan sejenis pewarna daripada tumbuh-tumbuhan yang berbau wangi (ورس).”

(Riwayat Al-Bukhari)

BAHAGIAN 2

Isu pemakaian selipar atau kasut pada kaki yang sihat untuk mengimbangi kasut pada kaki palsu.

Sebagai tambahan dan memperlengkapkan perbincangan ilmiah ini, persoalan timbul, bagaimanakah kedudukan seseorang jemaah haji (kudung) yang berada dalam ihram, kemudian memakai selipar (kasut) di kaki yang sihat yang mana selipar atau kasut tersebut menutupi jari-jari kaki dan tumit secara sengaja atau kerana ada keperluan, iaitu untuk mengimbangkan kasut yang dipakai di kaki palsu disebabkan kudung.

Bagi permasalahan ini, jika ada keperluan, iaitu jemaah haji (lelaki) tersebut memakai kasut di kaki yang sihat atas tujuan mengimbangkan kasut yang dipakai di kaki palsunya disebabkan kudung, hukumnya adalah harus berbuat demikian dan tidak berdosa tetapi dikenakan dam. Namun begitu, jika dia melengah-lengahkan dalam keadaan dia mampu berbuat demikian, maka jemaah haji tersebut berdosa dan dikenakan Dam Takhyir dan Taqdir. (Soal Jawab Ibadat Haji, Umrah dan Ziarah, hlm. 41)

PENUTUP

Isu dan hukum memakai selipar atau kasut yang menampakkan semua jari kaki ketika di dalam ihram bagi jemaah haji lelaki merupakan salah satu permasalahan sangat penting kerana ianya satu cabang kategori pakaian daripada meninggalkan larangan dalam ihram dan ianya mesti dijawab dengan teliti bagi merungkaikan kekeliruan yang berlaku dalam kalangan petugas haji dan jemaah haji Malaysia.

Namun begitu, Alhamdulillah jelas di sini, bahawa seseorang jemaah haji yang berhram, perlulah memakai selipar terlebih dahulu. Selipar di sini membawa maksud yang terbuka dan menampakkan semua jari-jari kaki dan tumit, akan tetapi jika jemaah haji tersebut tiada selipar, barulah ia dibenarkan memakai kasut yang bertutup tetapi disyaratkan memotong di bahagian bawah buku lali iaitu sehingga menzahirkan tumit tanpa perlu memotong bahagian depan kasut (jari kaki tidak zahir) kerana darurat.

Ibarat di sini juga jelas mengatakan pemilihan antara kasut dan selipar ketika di dalam ihram, perlulah didahulukan yang pertama iaitu selipar dahulu, dan apabila selipar tiada atau hilang maka barulah memilih kasut namun tetap disyaratkan kasut tersebut perlu dipotong di bahagian bawah buku lali iaitu sehingga menzahirkan tumit dan bukan terus memilih kasut tanpa berikhtiar memiliki selipar.

Di sinilah punca permasalahannya, apabila segelintir jemaah haji terus mengambil yang kedua di dalam fahaman hadis iaitu memakai kasut dengan menampakkan tumit sahaja dan memadai hanya menampakkan beberapa jari kaki tanpa memahami situasi yang sebenar iaitu apabila selipar hilang atau tiada.

Pelbagai alasan diberi, guru agama tidak mengajar, duit tak cukup nak beli selipar sebab dah beli di Malaysia atau pembelian kali kedua adalah pembaziran. Namun gambaran dan realitinya jelas, berapalah sangat harga sepasang selipar untuk dimiliki jika dibandingkan dengan buah tangan yang ingin dibawa balik ke tanah air Malaysia (berkotak-kotak atau berbeg-beg).

Ibadat haji adalah satu perjalanan kerohanian yang melibatkan dalaman dan luaran. Jemaah haji dinasihatkan membuat persiapan rapi bukan sahaja dari segi kewangan, malah kefahaman yang sempurna meliputi rukun dan wajib haji serta persediaan barangan yang hendak dibawa. Apabila kefahaman ilmu haji difahami dengan baik, maka tidak timbul lagi aspek pembaziran ketika membuat persediaan ke tanah suci Makkah seperti terbeli selipar yang hanya menampakkan 3 atau 4 jari kaki sahaja tanpa kelihatan jari kelingking untuk digunakan ketika menunaikan ibadat haji di tanah suci Makkah.

Semoga penulisan dan perbincangan yang disampaikan dalam artikel ini akan menjadi satu panduan dan bimbingan kepada jemaah haji yang lain di dalam menghadapi isu permasalahan dan persoalan hukum hakam berkaitan ibadah haji demi mencapai keredhaan Allah S.W.T. seterusnya memperolehi haji mabrur yang mana ganjarannya adalah syurga.

RUJUKAN

Al-Quranul Qarim.

Abdul Fatah Husein. 1997. *Idhah Fi Manasik Al-Haj Wa Al-Umrah*. Cet. 3. Beirut: Maktabah Al-Imdadiah.

Al-Imrani, Imam Yahya b. Abi Al-Khair b. Salim. *Al-Bayan Fi Fiqh Al-Imam As-Shafie*. Jld. 4. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.

Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Al-Syarbaji. 2009. *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Imam Al-Shafie*. Jld. 2. Bangi: Darul Syakir.

Dr. Nasr Farid Mohd Wasil, *Fatawa Islamiyah*. Al-Maktabah Al-Taufiqiah, Qahirah, Mesir, Jld.2.

Muhammad b. Ismail Daud Al-Fathani. 2005. *Al-Bahrul Al-Wafi Wa Al-Nahrus Al-Shafi*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathimiah.

Muhammad Idris Al-Marbawi. 2006. *Bahru Al-Madzi*. Juz 6.

Muhammad b. Soleh Al-Munajjid. *Fatwa Haji, Umrah dan Ziarah*. Karya Bestari.

Imam Haramain Al-Juwaini *Nihayah Al-Mathlab.*, Jld. 4, Darul Minhaj, Cetakan Pertama 2007.

Panduan Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah, Lembaga Tabung Haji, Cetakan Pertama 2007.

Kamus Dewan Edisi Keempat, Himpunan Pakar Bahasa, Dewan Bahasa Pustaka Kuala Lumpur, 2005.

Qamus Al-Muhit, Al-Fairuz Abadi Majduddin Muhammad b. Yaakob, Al-Muassasah Al-Arabiyah, Beirut, Lubnan.

Sahih Al-Bukhari, Al-Bukhari, Muhammad b. Ismail Abu Abdullah, Dar Ibnu Kathir, Beirut, Cetakan Kedua 1987.


Sahih Al-Muslim, Muslim b. Al-Hujjaj Abu Hussain Al-Qusyari, Dar Ihya Al-Turas, Beirut.

Soal Jawab Ibadat Haji, Umrah dan Ziarah, Lembaga Tabung Haji, Cetakan 2009.


Taudih Al-Ahkam Min Buluq Al-Muram, Abdullah b. Abdul Rahman, Juz. 4, Maktabah Al-Amdi, Makkatul Mukarramah, Cetakan Kelima 2004.

LAMPIRAN**Kasut Kintizah**


Oleh kerana itu, Imam Haramain tidak membenarkan memakai ketika ihram kerana sebelah hadapan tertutup.



Contoh sepatu yang tidak dibenarkan semasa dalam Ihram



Contoh sepatu yang dibenarkan semasa dalam Ihram



Contoh sepatu yang tidak dibenarkan semasa dalam Ihram*

Gambar-gambar ini dirujuk dari Buku Panduan Ibadat Haji, Umrah dan Ziarah, Lembaga Tabung Haji, hlm. 62.

PENINGKATAN KUTIPAN ZAKAT DI MALAYSIA: ANALISA FAKTOR¹

Oleh:

Prof. Madya Dr. Amir Husin Mohd Nor²

ABSTRAK

Awal tahun 2000 menyaksikan transformasi dan peningkatan pentadbiran dan pengurusan zakat di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia. Ini dapat dibuktikan salah satu caranya dengan melihat kepada statistik kutipan zakat di kebanyakan negeri di Malaysia yang menunjukkan peningkatan yang sangat ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya. Justeru, artikel ini bertujuan menganalisa faktor-faktor yang menyumbang kesan positif dan aliran yang menggalakkan ini. Bagi mencapai objektif kajian ini, metod kepustakaan digunakan untuk menganalisa semua dokumen berkaitan yang dikumpul. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa faktor yang menyumbang ke arah peningkatan kutipan zakat di kebanyakan negeri di Malaysia, antaranya; kewujudan sistem perundangan dan peraturan zakat yang jelas, pengenalan kepada budaya dan cara korporat dalam pentadbiran dan pengurusan zakat, kesedaran yang tinggi dikalangan orang Islam kewajipan membayar zakat dan juga sumbangan besar daripada perolehan zakat pendapatan.

Perkataan Teras : Peningkatan Kutipan, Zakat, Pengurusan,
Faktor-faktor

Klasifikasi JEL : C80, L80, N45, Z12

¹ Kertas kerja dibentangkan di Seminar Dan Lokakarya Internasional Pembudayaan Zakat Dalam Penguatan Ekonomi Umat anjuran IAIN Sultan Amai Gorontalo, Indonesia di Aula Kampus 1 IAIN Sultan Amai Gorontalo pada 5-6 Mei 2009.

² Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu instrumen penting dalam sistem pentadbiran negara Islam. Ia merupakan kaedah pengurusan kewangan yang bermatlamat untuk membantu mengatasi masalah kemiskinan dan kesempitan hidup khusus bagi asnaf yang telah dinyatakan secara jelas di dalam Al-Quran. Sekalipun, kewajipan berzakat ini nampak obligasi berbentuk individu atau personal namun kesannya bukan sahaja kepada muzakki tetapi juga kepada pemerintah dan juga kepada kumpulan sasaran yang menerima wang zakat tersebut. Al-Mawardi misalnya, telah membincangkan soal zakat dalam kitabnya *Al-Ahkam Al-Sultaniyya* di bawah tajuk *Fi Wilayah Al-Sadaqat*. Oleh itu, kewajipan ini harus ditadbir dan diurus secara profesional setaraf dengan pengurusan-pengurusan kewangan yang lain sama ada cukai, wakaf, amanah dan juga pusaka dan sebagainya. Kelemahan yang ketara dalam negara Islam ialah dari aspek mengurus wang zakat secara profesional baik dari segi kutipan mahupun agihan sehingga menyebabkan umat Islam hilang kepercayaan untuk mengeluarkan zakat. Misalnya di Sumatera Barat, menurut kajian Ahmad Wira, penyaluran zakat sebahagian besarnya iaitu 53% dilakukan oleh muzakki sendiri berbanding dengan penyaluran melalui Badan Amil Zakat, Lembaga Amil Zakat mahupun amil-amil yang dibentuk oleh panatia masjid (Zamzuri Zakaria *et.al.* 2006:198-199). Di Malaysia, pentadbiran dan pengurusan zakat khususnya aspek kutipan dan agihan sentiasa menjadi perhatian dan bahan perbincangan dalam usaha memartabatkan institusi zakat di setiap negeri di Malaysia. Sehingga kini ia menampakkan kejayaan yang agak membanggakan hasil usaha yang berterusan pelbagai pihak bagi meningkatkan kesedaran tentang kewajipan zakat khususnya zakat harta sama ada kepada individu mahupun syarikat. Ini dapat dilihat dari statistik kutipan zakat di setiap negeri di Malaysia yang menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun.

Rajah 1: Statistik Kutipan Zakat Di Negeri-Negeri Di Malaysia

Bil	Negeri	2000		2001		2002	
		RM	%	RM	%	RM	%
1	W.Persekutuan	58,921,958.69	22.8	72,886,035.71	22.8	84,533,227.00	23.0
2	Selangor	46,256,873.24	17.9	61,432,750.66	19.2	78,724,128.00	21.4
3	Johor	20,757,142.50	8.0	31,452,922.95	8.8	29,735,717.00	8.0
4	Terengganu	28,030,503.36	10.8	28,247,343.21	9.8	32,982,990.00	9.0
5	Perak	16,355,487.75	6.3	20,468,421.04	8.8	20,803,536.00	9.0
6	P. Pinang	14,827,874.50	5.7	17,550,949.00	5.5	20,101,578.00	5.5
7	Pahang	14,428,253.00	5.6	16,625,473.84	5.2	18,379,997.00	5.0
8	Kelantan	10,622,748.62	4.1	16,582,718.19	4.1	16,877,789.00	4.6
9	N. Sembilan	11,864,620.00	4.6	13,230,123.80	3.9	15,019,051.00	4.1
10	Kedah	15,674,921.90	6.1	12,487,629.23	5.2	18,275,109.00	5.0
11	Melaka	8,435,467.90	3.3	12,034,520.43	3.8	12,342,303.00	3.4
12	Sarawak	4,946,007.44	1.9	8,318,162.67	2.6	13,808,155.00	2.2
13	Sabah	3,319,594.00	1.3	5,331,116.09	1.2	6,183,540.00	1.7
14	Perlis	4,257,464.15	1.3	3,720,504.09	1.7	6,157,050.00	1.8
Jumlah		258,698,918.05	100	320,368,660.00	100	373,924,167.00	100

Sumber: http://zakat.com.my/laporan/bulanan/kutipan_tahunan.htm

Bil	Negeri	2003		2004		2005	
		RM	%	RM	%	RM	%
1	W.Persekutuan	96,380,801.25	23.6	110,631,584.04	23	126,746,029.77	24.4
2	Selangor	86,200,315.23	21.1	108,826,547.05	23	123,782,912.00	23.8
3	Johor	33,959,015.68	8.3	38,052,802.64	8	41,166,136.48	7.9
4	Terengganu	40,058,735.20	9.8	36,147,739.28	7.6	36,301,165.95	7.0
5	Perak	21,698,518.02	5.3	25,724,715.39	5.4	22,680,408.78	4.4
6	P. Pinang	21,317,975.00	5.2	23,288,019.00	4.9	25,559,617.00	4.9
7	Pahang	20,616,368.54	5.1	22,917,724.25	4.8	26,991,593.00	5.2
8	Kelantan	18,10,371.63	4.4	22,440,931.30	4.7	24,641,490.46	4.7
9	N. Sembilan	16,520,810.59	4.1	19,037,286.24	4	20,493,433.91	3.9
10	Kedah	18,559,387.21	4.5	22,205,222.54	4.7	29,761,051.45	5.7
11	Melaka	13,037,830.48	3.3	14,238,492.58	3	15,695,466.47	3.0
12	Sarawak	10,264,513.31	2.5	15,566,982.51	3.3	12,486,438.30	2.4
13	Sabah	6,573,244.92	1.6	7,784,937.74	1.6	7,060,358.92	1.4
14	Perlis	5,102,537.00	1.2	6,406,109.00	1.4	5,837,157.38	1.1
Jumlah		408,430,423.60	100	473,269,093	100	519,203,260.07	100

Sumber: http://zakat.com.my/laporan/bulanan/kutipan_tahunan.htm

Peningkatan kutipan zakat ini disumbangkan oleh beberapa faktor antaranya ialah:

1. Kewujudan Undang-Undang Dan Peraturan Zakat

Suatu yang unik di Malaysia ialah perkara berkaitan agama adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri. Ini bermakna, di antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri terdapat kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka dan pihak yang satu lagi tidak boleh campurtangan. Jadi kuasa agama adalah terletak di bawah kuasa negeri di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Senarai ini juga memperuntukkan kuasa kepada Mahkamah-mahkamah Syariah untuk mendengar perkara-perkara yang dinyatakan tersebut. Perkara 74(1)(2). Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan kuasa kepada Parlimen dan Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang berkaitan dengan Jadual Kesembilan tadi termasuk hal berkaitan zakat dan fitrah. Menyedari akan kepentingan satu kerangka perundangan zakat yang baik dan berkesan yang menurut keperluan semasa, undang-undang zakat di Malaysia telah mengalami perubahan. Oleh sebab itu banyak perubahan dari sebelum sehinggalah selepas merdeka dan hingga ke hari ini. Bermula dengan Zakat and Fitrah Enactment 1369 (1949), Perlis (No.2, Tahun 1949), Baitulmal, Zakat and Fitrah Enactment 1951, Perak (No.7, Tahun 1951), Administration of Muslim Law (Fitrah and Zakat) Rules 1958, Selangor (G.N.1033/53), Zakat and Fitrah Enactment 1957, Johor (No.5, Tahun 1957) dan lain-lain lagi (Ahmad Mohamed Ibrahim 1997: 645-647). Kemudian perkara berkaitan zakat diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri.

Oleh kerana sebahagian pihak berkuasa negeri berpendapat peruntukan sedia ada tidak memadai dan ada kelemahannya maka terdapat dua negeri telah mengkodifikasi undang-undang zakat secara khusus iaitu negeri Kedah dan Sabah. Kedah telah memperundangkan Enakmen Zakat Kedah 1374 (1955) (No.4, Tahun 1955) dan Sabah pula telah meluluskan Enakmen Zakat dan Fitrah Sabah 1993 (No.6,

Tahun 1993). Selain itu, terdapat juga undang-undang subsidiari (*subsidiary legislations*) yang diperkenalkan bertujuan memantapkan lagi undang-undang sedia ada. Antaranya ialah Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah 1975, Perak, Peraturan Zakat dan Fitrah 1962, Johor, Peraturan-peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah Negeri Pulau Pinang 1979, Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah, Urusan Wakaf dan Baitulmal Negeri Melaka 1982, Kaedah-kaedah Fitrah Negeri Sembilan 1962, Kaedah-kaedah Zakat Dan Fitrah 1970, Pahang dan lain-lain lagi (Mashitoh Mahamood 2007: 4). Malah bagi memastikan kepatuhan pengeluaran zakat di kalangan umat Islam, undang-undang menjadikan satu kesalahan kepada umat Islam yang membayar zakat menggunakan saluran lain selain melalui Majlis Agama Islam Negeri (Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir 2006: 181).

Mendapati undang-undang sedia ada yang masih terdapat kelemahannya dan usaha memantapkan lagi perundangan zakat di Malaysia, usaha telah dilakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Hukum Syarak dan Sivil, Jabatan Kemajuan Islam, Malaysia (JAKIM) dengan menggubal satu draf akta zakat yang dikenali sebagai *Draf Rang Undang-Undang Zakat dan Fitrah Wilayah Persekutuan*. Kandungan draf undang-undang ini mempunyai beberapa persamaan dengan Akta Cukai Pendapatan 1967. Kandungan draf undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- i. Nama dan tajuk ringkas akta (Bahagian 1, Seksyen 1);
- ii. Tafsiran istilah-istilah penting akta dan yang berkaitan dengan zakat dan fitrah;
- iii. Penubuhan Jawatankuasa Zakat dan Fitrah;
- iv. Tugas Bahagian Zakat dan Fitrah;
- v. Pengenaan zakat;
- vi. Pendapatan atau aset yang boleh dikenakan zakat;
- vii. Cara penentuan zakat dan kadarnya;
- viii. Pengagihan zakat kepada lapan asnaf; dan
- ix. Kesalahan-kesalahan berkaitan.

Draf yang ada ini didapati hampir keseluruhannya menyamai Enakmen Zakat dan Fitrah Sabah 1993. Selain Sabah dan Kedah, negeri Selangor juga akan memperkenalkan Enakmen zakat yang khusus (Mashitoh Mahamood 2007: 4)

2. Perubahan Pentadbiran dan Pengurusan Zakat

Pentadbiran dan pengurusan zakat negeri-negeri di Malaysia pada asasnya adalah terletak di bawah kuasa negeri yang mana ia diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri. Pentadbirannya diuruskan oleh Bahagian Baitulmal/Zakat di bawah Jabatan Agama Islam Negeri kecuali Kedah yang dikendalikan oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah yang bertanggungjawab terus kepada Sultan. Misalnya, Seksyen 74, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, (No.7, Tahun 2002) memperuntukkan:

“Majlis berkuasa memungut zakat atau fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang Islam dalam negeri Melaka mengikut hukum syarak bagi pihak Yang di-Dipertuan Agong”.

Bagi melicinkan dan memantapkan lagi pentadbiran dan pengurusan zakat ke arah yang lebih profesional, langkah drastik telah diambil oleh sebahagian besar negeri-negeri di Malaysia dengan mengkorporatkan pengurusan zakat. Menurut Mohd Sofri Mahat mantan Pengurus Besar Pusat Zakat, Selangor:

Pengkorporatan pengurusan institusi zakat di beberapa buah negeri ini telah menampakkan natijah yang menggalakkan terhadap kecekapan pengurusan zakat. Di samping struktur organisasi korporat itu sendiri yang memberikan kelebihan, ciri-ciri dan nilai-nilai positif di dalam struktur korporat yang diterapkan ke dalam pengurusan institusi zakat seperti budaya kerja korporat, mengutamakan perkhidmatan pelanggan, persaingan sebagai pendorong, di samping menawarkan beberapa inisiatif yang lebih menarik bagi memotivasikan kakitangan. Hal ini telah mendorong wujudnya kecemerlangan pengurusan (Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir 2006: 181).

Natijahnya, pusat-pusat zakat telah ditubuhkan seperti:

- i. Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan;
- ii. Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKPZ), Majlis Agama Islam Pahang;
- iii. Pusat Urus Zakat (PUZ), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang;
- iv. Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan;
- v. Pusat Zakat Melaka (PZM), Majlis Agama Islam Negeri Melaka;
- vi. Pusat Zakat Sabah (PZS), Majlis Ugama Islam Negeri Sabah;
- vii. Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Agama Islam Negeri Selangor; dan
- viii. Pusat Urusan Zakat (PUZ), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Terengganu.

Beberapa langkah telah diambil bagi meningkatkan lagi urusan kutipan zakat iaitu:

- i. memperbanyakkan kaunter-kaunter pembayaran zakat yang diurus oleh pusat-pusat zakat. Di seluruh Selangor misalnya, terdapat 22 kaunter pembayaran zakat yang dibuka oleh Lembaga Zakat Selangor bagi memudahkan umat Islam membayar zakat (Rujuk **Rajah 4**);
- ii. melalui pelantikan bank-bank, institusi pengajian tinggi awam dan juga agensi-agensi kerajaan sebagai amil seperti Bank Islam (M) Berhad, Bank Muamalat (M) Bhd., RHB Bhd., Maybank Bhd., AmBank Bhd., Pejabat Pos, Biro Angkasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Putra Malaysia. Malah, universiti-universiti ini dan sebahagian yang lain telah diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri untuk mengagihkan wang zakat khusus kepada mahasiswa masing-masing misalnya Universiti Kebangsaan Malaysia (Rujuk **Rajah 3**);
- iii. kemudahan pembayaran zakat melalui internet telah diperkenalkan hampir seluruh negeri melalui institusi-insitusi perbankan yang ada di Malaysia;

- iv. pembayaran zakat melalui SMS dan juga kad kredit (Rujuk **Rajah 3**);
- v. kemudahan potongan gaji bagi kakitangan awam juga telah diperkenalkan bagi memudahkan umat Islam mengeluarkan zakat khususnya zakat pendapatan (Rujuk **Rajah 3**); dan
- vi. Insentif yang diberikan oleh kerajaan pusat iaitu memberikan potongan rebat cukai bagi zakat yang dikeluarkan muzakki.

Kajian Mohd Ali Mohd Noor dan Hairunizam Wahid (Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir 2006: 125) juga menunjukkan bahawa kemudahan-kemudahan atau prasarana di atas banyak menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat di Malaysia. Ini juga menunjukkan bahawa muzakki mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mengeluarkan zakat sekiranya prasarana yang baik disediakan untuk mereka membayar zakat. **Rajah 3** menunjukkan bagaimana kemudahan dan prasarana yang disediakan menyumbang kepada peningkatan jumlah kutipan zakat di Wilayah Persekutuan.

Rajah 2: Pecahan Kutipan Berdasarkan Jenis-Jenis Zakat

Jenis Zakat	Jan-Dis 2006 (RM)	Jan-Dis 2005 (RM)	%±/-2006/2005	%2006/ Keseluruhan 2006
Zakat Pendapatan	89,123,574.90	76,704,119.69	+16%	62%
Zakat Perniagaan	22,790,507.33	20,123,320.27	+13%	16%
Zakat Wang Simpanan	11,987,893.12	10,607,791.50	+13%	8%
Zakat Harta	18,758,590.82	18,617,412.06	+1%	13%
Qadha zakat	279,414.86	304,479.58	-8%	0%
Lain-lain Kutipan	364,422.05	388,906.67	-6%	0%
Jumlah Keseluruhan	143,304,403.08	126,746,029.77	+13%	100%

Sumber: http://zakat.com.my/laporan/bulanan/kutipan_tahunan.htm

Rajah 3: Pungutan Mengikut Cara Penerimaan

Cara Penerimaan	Jan-Dis 2006 (RM)	Jan-Dis 2005 (RM)	% + / - 2006/2005	% 2006 / Keseluruhan 2006
Kaunter	62,716,904.12	57,999,388.98	+8%	44%
Kaunter Bank	1,832,255.91	1,588,768.15	+15%	1%
Kaunter Deposit Cek	31,109.00	-	-	0%
Kaunter Kad Kredit	17,993.00	-	-	0%
Kaunter Pos	305,264.86	169,619.26	+80%	0%
Mailing Pos	3,710,877.26	2,940,639.46	+26%	3%
Potongan gaji	74,689,998.93	64,047,613.92	+17%	52%
Jumlah Keseluruhan	143,304,403.08	126,746,029.77	+13%	100%

Sumber: http://zakat.com.my/laporan/bulanan/kutipan_tahunan.htm

Rajah 4: Pecahan Pungutan Mengikut Cawangan

Cawangan	Jan-Dis 2006 (RM)	Jan-Dis 2005 (RM)	2006/2005
Daruzzakah	33,819,900.00	32,066,898.36	+5%
Masjid Negara	13,285,887.73	12,084,029.90	+10%
Wangsa Maju	6,981,958.60	6,916,858.28	+1%
Masjid At-Taqwa, TTDI	5,062,960.20	3,539,752.42	+43%
Putrajaya	2,970,032.03	2,894,274.44	+3%
W. P. Labuan	596,165.56	497,575.58	+20%
JUMLAH	62,716,904.12	57,916,848.28	+8%

Sumber: http://zakat.com.my/laporan/bulanan/kutipan_tahunan.htm

Rajah 5: Pecahan Bilangan Pembayar-Pembayar Besar

Kategori	Pembayar 2006	Pembayar 2005	% +/- 2006/2005
RM 10,000 ke RM 19,999	722	773	-7%
RM 20,000 ke RM 49,999	315	287	+10%
RM 50,000 ke RM 99,999	76	80	-5%
RM 100,000 ke atas	61	52	+17%

Sumber: http://zakat.com.my/laporan/bulanan/kutipan_tahunan.htm

Satu langkah yang besar yang diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi memantap dan meningkatkan lagi tadbir urus zakat khususnya isu penyelarasan dan penyeragaman pentadbiran zakat di Malaysia ialah penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri pada 27hb Mac 2004 oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.³ Objektif penubuhannya adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri yang bertanggungjawab iaitu Y.B. Dato' Dr. Abdullah b. Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

“Penubuhan Jabatan, Wakaf, Zakat dan Haji ini bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Ia juga bermaksud untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang”.

“Secara khusus, objektif Bahagian Zakat, JAWHAR ialah mengukuhkan pengurusan institusi zakat yang teratur, seragam dan berkesan selaras dengan syariah dalam usaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah”.

Fungsi seksyen zakat, JAWHAR ini dapat dilihat sebagaimana di bawah:

- i. Merancang, menyelaraskan, menyeragamkan dan memantapkan perundangan, peraturan, prosedur pengurusan kutipan dan prosedur agihan zakat untuk kegunaan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Zakat Negeri (JZN);
- ii. Mewujudkan tatacara standard pengurusan kewangan dan perakaunan untuk kegunaan MAIN/JZN dan Syarikat Mengurus Zakat;
- iii. Mengurus setia mesyuarat penyelarasan peringkat kebangsaan dan persidangan berkaitan zakat;
- iv. Memberi khidmat nasihat dan mudah cara dalam pembangunan institusi dan pengurusan zakat;

³ Di Malaysia, agensi agama yang sama yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

- v. Mengendali kajian, menyediakan laporan dan mengemukakan perakaunan mengenai isu-isu zakat;
- vi. Mewujudkan dan menyelaras pembangunan dan guna pakai sistem standard teknologi maklumat dan komunikasi oleh semua MAIN dan JZN; dan
- vii. Mewakili negara dalam perundingan dan forum rasmi berkaitan urusan zakat.


3. Peningkatan Kesedaran Kewajipan Membayar Zakat

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat peningkatan yang ketara golongan pembayar zakat dikalangan umat Islam di Malaysia dapat dilihat dari tahun ke tahun. Ia adalah hasil kesedaran umat Islam akan kewajipan membayar zakat ke atas mereka. Kesedaran ini timbul hasil daripada usaha dan publisiti yang meluas yang dimainkan oleh pelbagai pihak khususnya Pusat Pungutan Zakat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta media cetak dan elektronik. **Rajah 6** dan **Rajah 7** misalnya, menunjukkan pertambahan peratusan pembayar zakat di Wilayah Persekutuan dan Pahang.

Rajah 6: Statistik Pembayar Zakat Di Wilayah Persekutuan, Malaysia

PEMBAYAR			
Pembayar Sebenar 2004	Target Pembayar 2004	Pembayar Sebenar 2005	Pembayar Sebenar 2006
40,653	43,000	47,599	52,424

Sumber: http://zakat.com.my/laporan/bulanan/kutipan_tahunan.htm

Rajah 7: Statistik Pembayar Zakat Di Negeri Pahang

Sumber: <http://www.zakatpahang.my/statkutipan.aspx>

4. Sumbangan Kutipan Hasil Dari Zakat Pendapatan

Tidak dapat dinafikan bahawa zakat pendapatan memberi sumbangan yang besar kepada kutipan zakat bagi Pusat zakat di negeri-negeri yang mewajibkan pengeluarannya. Walaupun di beberapa negeri, Kerajaan negeri tidak mewajibkan pengeluaran zakat pendapatan misalnya negeri Perak. Di Wilayah Persekutuan misalnya, zakat pendapatan menyumbang 20% kutipan zakat pendapatan setiap tahun dari 1995-2001. (Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir 2006:125 & Rajah 2 dan Rajah 3) Malah Rajah 2 juga menunjukkan sumbangan yang cukup besar yang diberikan oleh zakat pendapatan daripada keseluruhan kutipan bagi tahun 2006 di Wilayah Persekutuan iaitu sebanyak 62%.

5. Faktor-faktor Lain

Menurut Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar, Pengerusi Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan faktor-faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat di Wilayah

Persekutuan, antaranya ialah:

- i. Keadaan ekonomi Malaysia tahun 2006 yang baik dengan pertumbuhan keseluruhan KDNK diramalkan pada 5.5%.
- ii. Peningkatan jumlah golongan usahawan, peniaga dan kemampuan syarikat-syarikat korporat membayar zakat perniagaan khususnya bagi pihak pemegang saham. Rajah di bawah jelas menunjukkan peningkatan yang agak ketara kutipan zakat perniagaan yang dibuat oleh Pusat Zakat Wilayah Persekutuan dari tahun 1991-2006. Ia juga sejajar dengan jumlah peningkatan dari sudut jumlah pembayar zakat dan juga nisbah pembayar zakat menurut pendapatan yang juga ketara pertambahannya dari tahun ke tahun (Rujuk Rajah 5).
- iii. Di samping itu, PPZ-MAIWP telah menyediakan Pusat Panggilan (*Call Centre*) bagi kemudahan orang ramai membuat pertanyaan menerusi e-mail, telefon dan sebagainya.

Rajah 8: Statistik Kutipan Zakat Mengikut Jenis Harta Di Wilayah Persekutuan, Malaysia

Tahun	Harta	Pendapatan	Perniagaan	Simpanan	Qadha Zakat	Lain-Lain	Jumlah
1991	3.3	3.7	1.6	4.1	0.6	0.2	13.5
1992	6.0	5.1	2.4	5.5	0.9	0.1	20.0
1993	9.4	7.3	1.8	6.0	0.9	0.2	25.6
1994	10.9	9.4	4.3	7.4	0.8	0.3	33.1
1995	12.1	8.9	1.3	6.9	0.8	0.3	30.3
1996	16.0	11.8	4.3	7.8	1.1	0.3	41.3
1997	16.2	12.2	13.2	7.9	0.8	0.3	50.6
1998	15.9	10.7	10.0	6.2	0.5	0.3	43.6
1999	9.2	7.4	9.6	6.3	0.5	0.3	33.3
2000	16.6	18.5	12.5	7.7	0.4	0.3	56.0
2001	14.9	33.2	13.6	7.9	0.4	0.3	70.3
2002	16.5	42.9	13.1	7.8	0.3	0.2	80.8
2003	16.3	54.1	12.9	8.7	0.3	0.3	92.6
2004	17.1	63.7	15.4	9.9	0.3	0.3	106.7
2005	18.6	76.7	20.1	10.6	0.3	0.3	126.6
2006	18.8	89.1	22.8	12.0	0.3	0.3	143.3
Jumlah	217.8	454.7	158.9	122.7	92.0	4.3	967.6

Sumber: http://zakat.com.my/laporan/bulanan/kutipan_tahunan.htm

KESIMPULAN

Pada amnya, kutipan zakat yang meningkat di Malaysia dari tahun ke tahun adalah disumbang oleh pelbagai faktor sebagaimana yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, masih banyak isu dan permasalahan yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan zakat perlu diselesaikan bagi menjamin urusan berkaitan dengan zakat dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan dan kesejahteraan umat Islam. Antara isu yang perlu ditangani secara berkesan antaranya ialah penguatkuasaan undang-undang berkaitan kesalahan tidak membayar zakat dan membayar zakat bukan melalui saluran yang diiktiraf oleh Majlis Agama Islam Negeri dan penyeragaman undang-undang zakat di negeri-negeri. Selain itu, tambahan insentif dari kerajaan seperti potongan rebat untuk syarikat sebagaimana yang diberikan kepada individu dan penubuhan Badan Zakat Kebangsaan bagi memastikan pengagihan zakat yang lebih berkesan dalam ertikata negeri yang kurang kemampuan dan mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi akan mendapat bahagian agihan zakat yang lebih besar berbanding negeri yang lebih kaya. Akhir sekali, meningkatkan lagi tahap kesedaran wajibnya mengeluarkan zakat dikalangan umat Islam sebagaimana kenyataan yang diberikan oleh Pengerusi Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan:

“Walaupun PPZ telah berjaya meningkatkan bilangan pembayar dan kutipan pada tahun 2006, kami masih lagi belum berpuashati dengan pencapaian tersebut. Berdasarkan kajian yang kami jalankan terhadap potensi pembayar yang layak membayar pada tahun 2006 adalah lebih kurang 57,501 orang, justeru masih terdapat kira-kira 9% daripadanya yang masih belum tampil membayar pada tahun 2006. Kumpulan ini seolah-olah tidak terkesan dengan pendekatan dakwah yang digunakan oleh PPZ sebelum ini dan ini barangkali menuntut suatu pendekatan berbeza yang lebih bersifat peribadi”.

RUJUKAN

Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir. 2006. *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian Dan Perundangan*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Penerbit UKM.

Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, (No.7, Tahun 2002).

<http://www.jawhar.gov.my>

<http://www.zakatpahang.my/statkutipan.aspx>

http://zakat.com.my/laporan/bulanan/kutipan_tahunan.htm

http://zakat.com.my/laporan/bulanan/kutipan_tahunan.htm

Siti Mashitoh Mahmood. 2007. *Sistem Perundangan Zakat Di Malaysia: Antara Realiti Dan Harapan Dalam Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007*, PWTC pada 22 Mei 2007.

Zamzuri Zakaria *et. al.* 2006. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*. Bangi: Jabatan Syariah dan Kolej Islam Sultan Haji Ahamad Shah Pahang.

KEPEMIMPINAN BERETIKA BERTERASKAN SIRAH NABI MUHAMMAD S.A.W.

Oleh:

Dr. Suraiya Ishak¹

Ahmad Munir Ishak²

ABSTRAK

Pengurusan sumber bernilai memerlukan etika dan integriti yang tinggi di pihak agen dan institusi yang mengurus. Penerapan etika dalam organisasi menjadi penentu kepada keberhasilan dalam pengurusan sumber yang diamanahkan. Kepimpinan organisasi perlu memainkan peranan aktif dalam usaha membudayakan etika dan integriti dalam kalangan seluruh ahli organisasi. Sehubungan itu, konsep kepemimpinan beretika (ethical leadership) merupakan asas kepada usaha membudayakan etika dalam kalangan warga organisasi. Artikel ini bertujuan mengenal pasti model kepemimpinan beretika berasaskan karektor diri Nabi Muhammad S.A.W. Perbincangan mendapati tiga sendi yang membentuk kepemimpinan beretika seperti dimodelkan pada diri Nabi Muhammad S.A.W. Sendi pertama ialah akhlak diri yang menyerlahkan diri baginda sebagai manusia bermoral (moral person) manakala sendi kedua ialah komitmen padu sebagai khalifah dengan tanggungjawab yang tertentu (moral manager). Sendi ketiga yang menaungi kedua-dua sendi terdahulu ialah rasa ubudiyah kepada Pencipta yang dijelmakan dalam bentuk sifat zuhud, taqwa dan tawaduk. Sehubungan itu, ketiga-tiga sendi membentuk paksi kepada sebuah konsep kepemimpinan beretika syumul yang merangkumi hablum minannas dan hablum minallah. Berikutan itu, Nabi Muhammad S.A.W. harus dijadikan rujukan kepada pelaksanaan konsep kepemimpinan beretika yang syumul khususnya dalam kalangan pemimpin dan organisasi Islam.

Perkataan Teras : Etika, Kepemimpinan, Islamisasi Pengetahuan, Kepemimpinan Etika, Nabi Muhammad S.A.W.

Klasifikasi JEL : L20, O15, Z12


¹ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

² Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

PENGENALAN

Pengurusan sumber berharga memerlukan kepada agen-agen pentadbir (pengurusan) yang beretika tinggi. Pembangunan dan kemajuan lestari tidak mungkin berhasil jika amalan-amalan seperti penyelewengan, rasuah, salah guna kuasa, pembaziran dan ketidakcekapan terus berleluasa baik di dalam pengurusan sektor Kerajaan, swasta mahupun orang ramai. Justeru, usaha membudaya dan menerapkan etika dalam organisasi Kerajaan mahupun swasta giat dilakukan Kerajaan dan terjelma dalam pelbagai program seperti piagam *Bersih, Cekap dan Amanah*, *Penerapan Nilai-nilai Islam*, pelancaran kod urus tadbir korporat dan pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada tahun 2004 adalah kemuncak iltizam Kerajaan dalam membudayakan etika di kalangan seluruh komponen institusi masyarakat meliputi institusi keluarga, komuniti, masyarakat sivil (pertubuhan bukan Kerajaan), sosio-budaya, agama, ekonomi, politik dan pentadbiran.

Berdasarkan PIN, beberapa faktor telah dikenalpasti sebagai punca yang menjejaskan integriti dan ditunjukkan seperti **Rajah 1**.



Pelan Integriti Nasional

Berdasarkan **Rajah 1**, salah satu faktor yang menjejaskan integriti adalah daripada sumber kepimpinan. Ini kerana kepimpinan bertanggungjawab mencorakkan budaya organisasi dan masyarakat serta hala tuju integriti kelompok yang dipimpinya. Oleh yang demikian, usaha menerapkan budaya etika dalam organisasi tidak mungkin berhasil tanpa komitmen kepimpinan organisasi. Dalam situasi pemimpin sendiri yang tidak beretika, maka situasi tersebut semakin mendekati organisasi kepada kemusnahan dahsyat sebagaimana yang berlaku dalam kes Syarikat Enron. Ini sejajar dengan pandangan Culp dan Trussel (2005) yang menyatakan kebangkrutan Syarikat Enron adalah angkara kepimpinan tertingginya iaitu Kenneth Lay, Jeffery Skilling dan Andrew Fastow.

Para pekerja lazimnya akan memerhati tindak tanduk kepimpinan dan membina kefahaman tertentu tentang apakah amalan yang diterima dan ditolak dalam organisasi, seterusnya mempraktikkan amalan yang dipercayai menjadi norma dalam organisasi. Norma tersebut akan menjadi amalan kekal yang mengikat kelakuan seluruh ahli organisasi untuk jangka masa yang panjang. Sehubungan itu, kepimpinan beretika perlu terlebih dahulu wujud bagi membudayakan etika dan integriti dalam pengurusan dan ahli organisasi. Pemimpin organisasi perlu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada seluruh ahli organisasi dan menentukan nilai-nilai murni yang ingin diterapkan dalam pentadbiran organisasinya. Sejarah Islam menyaksikan kewujudan ramai pemimpin-pemimpin hebat dan agung dalam era Khalifah Al-Rasyidin, Bani Umaiyah dan Zaman Abasiyyah. Tamadun Islam berkembang hebat merentasi dunia disebabkan kepemimpinan yang tawaduk, ikhlas dan bijaksana. Kehebatan kepemimpinan Islam merupakan natijah tarbiyah daripada pimpinan Nabi Muhammad S.A.W. yang terbukti merupakan seorang pemimpin yang berjaya dalam pencapaian kepemimpinannya dalam aspek rohani mahupun material. Oleh yang demikian, model konseptual kepemimpinan beretika yang syumul boleh dibina berdasarkan sirah Nabi Muhammad S.A.W. Sehubungan itu, artikel ini disediakan bagi maksud merangka model konseptual kepemimpinan etika melalui refleksi diri Nabi Muhammad S.A.W.

KEPEMIMPINAN ETIKA

Kepemimpinan (*leadership*) didefinisikan sebagai keupayaan mempengaruhi kumpulan ke arah mencapai matlamat (Robbins, 2005: 332). Kebolehan mempengaruhi boleh terhasil sama ada daripada sumber formal (seperti kuasa dan jawatan individu) atau sumber tidak formal (seperti pengaruh peribadi dan kemahiran unik yang dimiliki). Menurut Kaiser *et. al* (2008), kepemimpinan melibatkan tiga perkara penting iaitu:

- i. Kepimpinan adalah usaha mempengaruhi individu supaya menyumbang secara sukarela demi kebaikan kumpulan yang dianggotainya;
- ii. Kepimpinan memerlukan tindakan menyelaras dan memandu kumpulan ke arah mencapai matlamat bersama; dan
- iii. Matlamat setiap organisasi adalah berbeza-beza.

Sehubungan itu, setiap pemimpin dapat mempengaruhi keberkesanan organisasi melalui penerapan pengaruh ke atas pengikut, pasukan dan organisasi (Kaiser *et. al* 2008, Yulk 2008, dan Trevino *et. al* 2000). Dalam konteks pengaruh ke atas individu, pemimpin perlu memotivasi pengikutnya (ahli) ke arah melakukan yang terbaik dalam tugas mereka. Manakala dalam konteks pengaruh ke atas pasukan, pemimpin dapat mengenakan pengaruh melalui langkah penentuan matlamat kumpulan dan pelan tindakan atau strategi bagi mencapai matlamat ditentukan. Di peringkat organisasi, pemimpin akan mengenakan pengaruhnya dengan mempengaruhi hala tuju strategik, polisi dan struktur. Antara aspek kepemimpinan yang mampu mempengaruhi pekerja dan organisasi ialah keberetikaan pemimpin (Spangenberg dan Theron, 2005 dan Zhu *et. al* 2004).

Kepemimpinan beretika (*ethical leadership*) didefinisikan oleh Brown *et. al* (2005: 120) sebagai “*the demonstration of normatively appropriate conduct through personal actions and interpersonal relationships and the promotion of such conduct to followers through two-way communication, reinforcement and decision making*”. Oleh yang demikian, definisi tersebut mengandungi tiga (3) elemen iaitu:

- i. Peluasan atau penonjolan perlakuan yang betul secara normatifnya melalui tindak tanduk individu;
- ii. Peluasan atau penonjolan perlakuan yang betul secara normatifnya melalui tindak tanduk interpersonal; dan
- iii. Promosi perlakuan yang betul kepada ahli-ahli menerusi medium komunikasi dua-hala, penegasan (*reinforcement*) dan pembuatan keputusan.

Menurut Trevino *et. al* (2000), kepemimpinan beretika (*ethical leadership*) terbina daripada dua (2) sendi utama. Sendi tersebut terdiri daripada kedudukan pemimpin berkenaan sebagai manusia bermoral (*moral person*) dan kedudukan sebagai pengurus moral (*moral manager*). **Rajah 2** menunjukkan ringkasan sendi kepemimpinan beretika yang dijelaskan oleh Trevino *et. al* (2000). Menurut Trevino *et. al* (2000), asas kepada kepemimpinan beretika memerlukan pemimpin berkenaan untuk menjadi seorang manusia yang beretika. Dalam konteks membina reputasi sebagai manusia beretika pada pandangan orang ramai (pekerja), imej etika pemimpin perlu dapat dilihat (*visible*) oleh pandangan dan penilaian audiens (iaitu pengikut). Sehubungan itu beliau perlu menonjolkan elemen etika pada sifatnya (*trait*), kelakuannya dan pembuatan keputusan yang diambilnya. Sendi yang kedua pula terdiri daripada melaksanakan tugas pengurusan dengan berlandaskan etika serta menjadikan etika sebagai agenda utama kepemimpinan. Dalam konteks sebagai pengurus etika, seorang pemimpin perlu menjalankan peranan sebagai model kepada amalan-amalan etika dalam organisasi, memberi ganjaran dan hukuman bagi menguatkuasakan perlakuan dikehendaki atau membendung perlakuan tidak dikehendaki dan mengkomunikasikan etika dan nilai-nilai kepada seluruh ahli organisasi melalui program tertentu.

Rajah 2: Dua Sendi Kepemimpinan Etika

<u>Manusia Moral</u>	<u>Pengurus Moral</u>
<ul style="list-style-type: none"> - Ciri diri (<i>traits</i>) <ul style="list-style-type: none"> o Integriti o Kejujuran o Amanah - Kelakuan <ul style="list-style-type: none"> o Melakukan perkara yang betul o Mengambil berat kebajikan pekerja o Bersikap terbuka o Moraliti peribadi - Pembuatan keputusan <ul style="list-style-type: none"> o Berpegang kepada nilai o Objektif/adil o Mengambil berat kebajikan masyarakat o Mematuhi peraturan keputusan etika 	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Role modeling</i> - Ganjaran dan pendisiplinan - Komunikasi etika dan nilai

Sumber: Trevino *et. al* (2000), hlm. 131.

Selain itu, menurut Zhu *et. al* (2004) dalam memastikan kepemimpinan beretika dapat mempengaruhi output pekerja, harus wujud elemen *authenticity* di antara niat etika pemimpin dan kelakuan sebenar mereka. Ini bermaksud setiap pemimpin harus memastikan nilai-nilai baik yang dikatakan (atau diminta daripada ahli/pengikut) turut diamalkan dalam tindakan sebenar.

Justeru dalam skop kerangka sendi kepemimpinan beretika yang dikemukakan oleh Trevino *et. al* (2000), artikel ini menghalusi sirah Nabi Muhammad S.A.W. sebagai individu yang melambangkan realisasi sebuah kepimpinan beretika. Dapatan ini sekaligus akan membuktikan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai pemimpin yang memenuhi kriteria sebuah kepemimpinan beretika. Meskipun Spangenberg dan Theron (2005) telah membina satu instrumen yang dikenali

sebagai *Ethical Leadership Inventory* (ELI) bagi mengukur kualiti kepemimpinan daripada sudut etika (*ethical leadership*), namun ia tidak berteraskan kepada satu model diri pemimpin yang khusus. Oleh yang demikian, ia adalah semata-mata binaan saintifik yang berasaskan kepada norma yang disepakati masyarakat dan masih tidak bersandarkan kepada rujukan diri pemimpin yang tertentu. Ini menyebabkan kualiti yang diukur sebagai belum teruji dan tidak semestinya relevan bagi menggambarkan konsep kepemimpinan beretika. Sehubungan itu, artikel ini menyumbang dengan menunjukkan operasi model melalui satu watak nyata seorang pemimpin iaitu Nabi Muhammad S.A.W. Pengenalpastian model berasaskan karektor Islam juga bertepatan dengan semangat Islamisasi Ilmu Sains Sosial (*Islamization of Social Science*) yang bertujuan membentuk semula ilmu moden kepada acuan yang selari dengan Islam dan berlainan daripada paradigma acuan sekular (Suraiya *et. al*, 2009).

Menurut Choudhury (1993) dan Watt (1961), Nabi Muhammad S.A.W. bukan hanya seorang pemimpin spiritual yang berjaya sebaliknya Baginda juga adalah ketua negara (*stateman*) dan pentadbir (*administrator*) yang berjaya. Manakala dalam konteks pembawa perubahan (*reformer*), Baginda juga telah berjaya menghasilkan revolusi yang signifikan dalam cara hidup dan pemikiran masyarakat Arab. Watt (1961:236) telah menyenaraikan tiga (3) kualiti kehebatan diri Nabi Muhammad S.A.W. yang menyebabkan tersebarnya pengaruh Islam ke seluruh dunia iaitu:

- i. Mampu melihat jauh ke masa hadapan;
- ii. Kebijaksanaan sebagai ketua negara (*stateman*); dan
- iii. Kemahiran sebagai pentadbir dan kebijaksanaan dalam memilih orang-orang untuk pendelegasian kerja-kerja pentadbiran.

Kehebatan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai pemimpin yang melangkaui zaman boleh diteliti daripada peristiwa hijrah ke Madinah. Antara pendekatan bijaksana yang dilakukan ialah melaksanakan sistem persaudaraan pada tahun pertama hijrah dengan motif mewujudkan kesatuan yang kukuh dan permuafakatan harmoni dalam kalangan ahli masyarakat. Menurut Mahdi (2005), Nabi Muhammad S.A.W. telah melakukan sistem persaudaran atas dasar akidah dan persamaan darjat. Persaudaraan yang melibatkan sesama

ahli Muhajirin (puak yang berhijrah dari Mekah bersama Nabi) dilakukan bagi meningkatkan rasa akrab melalui persamaan darjat. Ini kerana ada di antara muhajirin yang berhijrah lebih kuat dan kaya berbanding sebahagian muhajirin yang lain. Sehubungan itu, bagi membangkitkan semangat tolong menolong dan ambil berat antara satu sama lain maka kelompok Muhajirin telah dipersaudarakan. Begitu juga dalam persaudaraan kelompok Muhajirin dan Ansar (puak asal Madinah) dilakukan bagi memperkukuhkan ikatan dan kerjasama antara kelompok berbeza. Justeru kebijaksanaan pilihan tindakan Baginda telah menghasilkan rasa kesatuan dalam kalangan ummah. Di samping itu, bagi mengatur hubungan sosial kemasyarakatan (interaksi) penduduk Madinah, Baginda telah menghasilkan sebuah undang-undang bertulis yang dikenali sebagai Piagam Madinah (*Ash-Shahifah Al-Madinah*) yang menjadi undang-undang dasar negara Madinah. Selain itu, Baginda diiktiraf sebagai pemimpin tentera yang bijak dalam mengatur strategi pertempuran. Justeru berdasarkan tindakan yang dilakukan dalam memimpin ummah dan negara, Nabi Muhammad S.A.W. terbukti dapat menjadi model ideal kepada konsep kepimpinan transformasi dan karismatik. Justeru, artikel ini akan melanjutkan perbincangan kepada memodelkan kepemimpinan beretika berdasarkan karektor Nabi Muhammad S.A.W.

KEPEMIMPINAN BERETIKA BERASASKAN KAREKTOR NABI MUHAMMAD S.A.W.

Pembinaan semula model konseptual kepemimpinan beretika berteraskan sirah Nabi Muhammad S.A.W. telah dilakukan dengan penelitian dalam skop model konseptual Trevino *et. al* (2000) terlebih dahulu. Oleh yang demikian, perbincangan selanjutnya akan membincangkan watak Nabi Muhammad S.A.W. dalam skop dua teras utama iaitu individu bermoral (*moral person*) dan pengurus moral (*moral manager*). Di samping itu, penelitian juga akan membincangkan elemen "hamba taat" (*moral vicegerent*) yang telah mencorakkan perbezaan besar dalam konsep kepemimpinan beretika berteraskan sirah Nabi berbanding yang dicadangkan ilmuwan barat.

Nabi Muhammad S.A.W. Sebagai Manusia Bermoral (*Moral Person*)

Nabi Muhammad S.A.W. merupakan seorang manusia yang sempurna ciri akhlaknya. Ini ditegaskan oleh Allah S.W.T. dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada Rasulullah (Muhammad) ada ikutan yang baik bagimu, iaitu orang yang mengharap (pahala) Allah dan hari yang kemudian, serta ia banyak mengingat Allah”.

(Surah Al-Ahzab: Ayat 21)

“Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang besar (mulia)”.

(Surah Al-Qalam: Ayat 4)

Berdasarkan kedua-dua ayat Allah S.W.T. di atas, dapatlah dirumuskan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. penuh dengan sifat diri yang baik dan terpuji. Antara contoh akhlak Baginda yang mulia ialah meliputi integriti, kejujuran dan amanah. Sifat jujur dan integriti sehati dalam diri Baginda dan diakui ramai sehingga diberi gelaran *al-Amin*. Selain daripada integriti dan amanah, Baginda mempunyai sifat merendah diri yang sangat tinggi yang mana Baginda menolak sanjungan dan sentiasa mahu berdamping dengan pengikutnya tanpa sebarang perbezaan darjat. Satu contoh yang diriwayatkan oleh At-Thabari dalam kitabnya mengenai kisah sebuah perjalanan jauh Nabi bersama sahabat, di mana dalam para sahabat telah menawarkan diri secara sukarela untuk mencari kayu api bagi kegunaan bersama. Namun Baginda menjawab dengan berkata

“...saya tidak suka ada perbezaan antara saya dan kalian, dalam bekerja, kerana Allah S.W.T. tidak menyukai hamba yang berbeza dengan kawan-kawannya”

(Muh. Alwy, 2002: 248)

Dalam konteks kelakuan, Baginda selalu bersikap terbuka dan mendengar buah fikiran pengikut dengan mengamalkan prinsip syura dalam pengurusan dan pembuatan keputusan. Satu contoh keterbukaan Baginda dapat dikenal pasti daripada kisah menentukan strategi pertempuran perang Uhud. Terdapat dua pandangan tentang lokasi bertempur dan pertahanan, iaitu sama ada dalam kota atau bertempur di lokasi di luar kota Madinah. Nabi Muhammad S.A.W. dikatakan lebih suka kepada idea bertempur di dalam kota, namun dengan mengambil kira pendapat ahli yang lain maka lokasi pertempuran telah ditentukan di luar kota Madinah.

Dalam konteks pembuatan keputusan, Baginda adalah seorang manusia yang sangat adil. Keadilan Baginda merentasi batasan berlaku adil terhadap makhluk manusia, tetapi turut menekankan keadilan terhadap makhluk haiwan. Ini dapat dilihat daripada sebuah kisah di mana Baginda telah menegur seorang Ansar yang memperlakukan sewenang-wenang terhadap untanya, dengan berkata “takutlah akan Allah daripada perlakuan yang kurang baik kepada binatang itu, ia telah mengadu kepadaku, bahawa engkau selalu membiarkannya lapar dan memaksa terus menerus bekerja berat”.

Selain itu, Baginda juga bersifat pemaaf dan tidak pemaaf sekaligus menggambarkan seorang yang berjiwa besar. Baginda sentiasa memaafkan orang lain sekalipun individu berkenaan pernah menzalimi, mengusir, mencerca dan memerangi Baginda (Aidh, 2010: 64). Sifat kepemaafan Baginda dapat dilihat daripada peristiwa penaklukan Mekah di mana pihak yang ditakluki tidak dikenakan sebarang penganiayaan atau tindakan balas sebagaimana sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Imam Syafie dalam kitab Al-Umm dan disebut dalam ‘Aidh (2010) “*Pergilah, sebab kamu adalah orang-orang yang dibebaskan*”. Akhlak terpuji Baginda tidak terhad kepada apa yang dinyatakan di atas, sebaliknya meliputi segala pekerti yang baik dan luhur sesuai dengan taraf Baginda sebagai “penyempurna akhlak manusia”. Hal yang demikian ditegaskan dalam sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Baihaqi dalam kitab Al-Sunan Al-Kubra dan disebut dalam Aidh (2010: 30):

“Sebenarnya tujuanku diutus adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”.

Justeru Nabi Muhammad S.A.W. adalah satu rahmat Allah S.W.T. kepada manusia meliputi konteks penyempurnaan akhlak dan sahsiah.

Nabi Muhammad Sebagai Pengurus Moral (*Moral Manager*)

Nabi Muhammad S.A.W. sentiasa menunjukkan contoh teladan yang baik kepada umat. Baginda tidak hanya mengeluarkan arahan sebaliknya Baginda turut serta melakukan segala yang diperintahkan. Justeru pendidikan dan asuhan Baginda kepada umat adalah menepati konsep mendidik melalui teladan yang ditunjukkan Baginda sendiri. Hal demikian dapat dipelajari daripada pengajaran Baginda kepada sahabat tentang cara mendirikan solat seperti sabda yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dari Malik bin Al-Huwairith dan disebut dalam 'Aidh (2010: 221):

“Kerjakanlah solat sebagaimana kamu melihatku mengerjakan solat”.

Begitu juga dalam mengerjakan haji seperti sabda yang diriwayatkan oleh Muslim dari Jabir bin Abdullah dan disebut dalam 'Aidh (2010: 222) yang bermaksud:

“Hendaklah kamu mempelajari manasik ibadah haji dariku”.

Baginda juga mendisplinkan pengikutnya secara berterusan bagi mencapai cara hidup yang diredhai Allah S.W.T. Ini selari dengan firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Syura (Ayat 52) yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya kamu benar-benar memberi petunjuk kepada jalan yang lurus”

Baginda secara komited dan konsisten menyampaikan segala syariat Allah S.W.T. sekalipun menerima tentangan yang hebat. Ini ditegaskan dalam firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Maidah (Ayat 67) yang bermaksud:

“Hai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu...”

Sehubungan itu Baginda sentiasa berperanan aktif sebagai pengurus moral dengan memberi bimbingan, peringatan, panduan dan nasihat yang berterusan kepada umat yang dipimpinnya. Di samping itu Baginda turut menyelarakan bimbingan dengan elemen penguatkuasaan (*reinforcement*) dalam bentuk perkhayaban berita gembira (*basyir*) mahupun berita azab (*nazir*) di atas setiap bentuk perbuatan yang dilakukan manusia.

Nabi Muhammad Sebagai Hamba Taat (*Moral Vicegerent*)

Sifat diri Nabi tidak terhad kepada perlakuan terpuji sesama manusia, sebaliknya meliputi ciri yang menjadikan baginda sentiasa terikat kepada Penciptanya. Sifat zuhud, taqwa dan tawaduk adalah sifat diri yang meletakkan diri Baginda sebagai hamba Allah S.W.T. yang sangat taat (ubudiyah) dan meletakkan Allah S.W.T. sebagai punca kepada segala tindak tanduk ('Aidh, 2010 dan Muh. Alwy, 2002).

Sifat zuhud bermaksud tidak terpengaruh dengan tarikan dunia yang sementara dan lebih mengutamakan kesenangan akhirat berbanding kesenangan dunia yang sementara ('Aidh 2010: 52 dan Muh. Alwy 2002: 224). Sifat zuhud dapat menghindari seseorang manusia daripada sifat tamak dan suka bermewah-mewah. Ia menjadikan manusia sentiasa bersederhana dalam menikmati kemewahan dunia dan tidak terpengaruh dengan anasir yang berpunca daripada sifat tamak seperti gejala rasuah, tipu muslihat dan konflik kepentingan diri. Sifat zuhud Baginda dapat dikenalpasti daripada sabda yang diriwayatkan oleh Malik dalam kitab *Al-Muwattha'* dan disebut dalam 'Aidh (2010: 54) yang bermaksud:

“Seandainya aku memiliki harta sebanyak pepohonan kayu yang terdapat di Tihamah ini, nescaya aku akan membahagikannya, supaya kamu benar-benar dapati diriku bukanlah seorang yang bakhil, pendusta dan bukan pula seorang yang pengecut”.

Hadis lain yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan disebut dalam 'Aidh (2010: 55):

“Kami tidak pernah mewariskan kekayaan. Segala harta benda yang kami tinggalkan adalah sebagai sedekah”.

Sifat tawaduk ialah rasa malu dan sentiasa mengagungkan Allah S.W.T. disebabkan sangat mengenali kehebatan Allah S.W.T. Seseorang yang tawaduk akan sentiasa memandang ringan dan remeh segala kehebatan dunia seperti pangkat, harta, status dan kedudukan kerana sentiasa sedar besarnya kehebatan Allah S.W.T. ('Aidh, 2010: 58). Sifat tawaduk yang ada pada diri Nabi Muhammad S.A.W. telah menyebabkan Baginda sentiasa berbelas kasihan dan melayan baik orang-orang yang lemah, bersahabat dengan rakyat jelata tanpa sebarang rasa perbezaan taraf, bergaul mesra dengan masyarakat termasuk fakir miskin dan mengamalkan cara hidup yang sederhana (*low profile*).

Sifat taqwa bermaksud rasa takut terhadap Allah S.W.T. dan didorong juga oleh kenalnya seseorang kepada Tuhannya. Hal yang demikian dijelaskan oleh Nabi Muhammad S.A.W. dalam sabda Baginda yang diriwayatkan daripada Al-Bukhari dari Aisyah dan disebut dalam 'Aidh (2010: 183) yang berbunyi:

“Sesungguhnya orang yang paling bertaqwa dan orang yang paling mengetahui Allah itu adalah aku.”

Rasa taqwa akan mendorong individu untuk memilih perlakuan yang dizinkan Allah S.W.T. dan meninggalkan segala yang ditegah-Nya (Muh. Alwy, 2002: 329). Menurut Anas bin Malik yang disebut dalam Muh. Alwy (2002:330), Nabi Muhammad S.A.W. pernah berkhotbah menyatakan:


“Sekiranya kalian mengetahui apa yang aku ketahui, nescaya akan sedikit tertawa dan banyak kalian menangis...syurga dan neraka telah diperlihatkan dengan jelasnya kepadaku, maka tak pernah aku mengalami hari sebaik tapi juga seburuk hari ini, kalau sekiranya kalian mengetahui apa yang aku ketahui, nescaya kalian akan sedikit tertawa dan banyak menangis...”

Sehubungan itu, ketiga-tiga sifat jiwa yang suci telah mendatangkan rasa ubudiyah (kehambaan) yang tinggi terhadap Allah S.W.T.

Model Kepemimpinan Beretika Berasaskan Model Nabi Muhammad S.A.W.

Kepemimpinan beretika adalah satu bentuk kepemimpinan kontemporari yang menekankan kelakuan memimpin yang bersandarkan nilai-nilai etika dan menghasilkan output yang membawa kepada kebaikan untuk semua pihak berkepentingan (*stakeholders*). Trevino *et. al* (2000) telah mencadangkan kepemimpinan beretika terdiri daripada dua sendi utama iaitu pemimpin sebagai manusia bermoral (*moral person*) dan pemimpin sebagai pengurus moral (*moral manager*). Meneliti watak Nabi Muhammad S.A.W. dalam skop model yang disarankan oleh Trevino *et. al* (2000), didapati karektor sebagai manusia bermoral dan mengurus moral telah wujud pada diri Rasulullah S.A.W. Justeru, watak Rasulullah S.A.W. boleh dijadikan model terbaik dalam pengoperasian konsep kepemimpinan beretika. **Rajah 3** menunjukkan binaan semula model kepemimpinan etika berlandaskan watak Rasulullah S.A.W.

Rajah 3: Kepemimpinan Beretika Berlandaskan Watak Nabi Muhammad S.A.W.



Elemen manusia bermoral seperti ciri yang ada pada diri Rasulullah S.A.W. telah memberikan implikasi positif dalam merealisasikan kepemimpinan beretika. Sifat jujur dan amanah dalam diri seorang pemimpin dapat menjamin autoriti dan sumber yang diamanahkan selamat daripada penyalahgunaan dan penyelewengan. Ciri merendahkan diri pula menjadikan seorang pemimpin

dekat dengan pekerja (pengikutnya) dan dapat memahami sesuatu masalah dengan baik. Sifat lemah lembut, pemaaf dan tidak pemaarah akan menjadikan pemimpin senang didekati, dihormati, berorientasi mencari penyelesaian dan bukan mencari salah dalam menangani sesuatu isu berbangkit dan tidak berdendam atau berlaku zalim kepada pekerja. Amalan seperti syura akan meningkatkan komitmen dan rasa penghargaan diri dalam diri pekerja. Justeru seorang pemimpin yang mahu melaksanakan kepemimpinan beretika perlu terlebih dahulu menjadikan diri mereka sebagai orang berakhlak dengan mencontohi akhlak Rasulullah S.A.W. yang holistik dan tidak terhad kepada amanah, integriti dan kejujuran sahaja. Ini kerana seperti yang dibincangkan Rasulullah S.A.W. adalah rahmat bagi seluruh alam termasuk dalam konteks membina akhlak mulia dalam diri manusia.

Elemen pengurus moral yang terdapat pada diri Rasulullah S.A.W. dapat dirumuskan sebagai peranan menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran (*amar maaruf nahi mungkar*). Seorang pemimpin beretika perlu berusaha berterusan menggalak dan membina budaya etika di kalangan ahli organisasi melalui program berasaskan pendidikan kerohanian. Ini kerana melalui iman yang teguh seseorang manusia akan dapat merasai perkaitan hubungan dengan Pencipta dan mengubah persepsi melakukan sesuatu semata-mata kerana tuntutan pekerjaan, sebaliknya mampu mengaitkan setiap perbuatan dengan hubungan ketuhanannya. Sehubungan itu, mekanisme kawalan sendiri yang berteraskan daripada dalam diri setiap individu dapat direalisasikan. Oleh yang demikian, seorang pemimpin yang mahu melaksanakan kepemimpinan beretika perlu menggalakkan amalan nilai-nilai murni dan menyediakan persekitaran yang merangsang pilihan kelakuan yang beretika di kalangan ahli, contohnya dengan merangka sistem penilaian prestasi dan imbuhan yang menyuburkan kelakuan beretika di kalangan ahli.

Berbeza dengan model Trevino *et. al* (2000), binaan model kepemimpinan beretika berteraskan watak Rasulullah S.A.W. telah mewujudkan elemen berkaitan *hablum minallah* (hubungan dengan Allah). Model Trevino *et. al* (2000) hanya terhad setakat *hablum minannas* (hubungan dengan manusia) yang menuntut seorang pemimpin beretika untuk menjadi manusia bermoral dan pengurus moral. Elemen ubudiyah, yang dilambangkan oleh sifat

zuhud, tawaduk dan taqwa kepada Allah S.W.T., akan menjadi penaung yang menaungi keupayaan individu pemimpin untuk konsisten berperanan sebagai manusia bermoral dan pengurus moral. Ini kerana dalam memotivasi kemahuan bertindak sebagai manusia bermoral dan pengurus moral, ia perlu kepada satu kesedaran tentang kedudukan diri berbanding satu kuasa yang lebih tinggi. Persoalan “mengapa saya perlu beretika, apa yang saya dapat dengan bertindak etika, dan mengapa saya perlu mendorong orang lain menjadi etika” akan mempunyai jawapan yang sempurna iaitu kerana tuhan dan demi menjaga hubungan baik dengan tuhan yang bakal menghisab segala perbuatan.

Sehubungan itu, kepemimpinan beretika syumul yang merangkumi *hablum minallah* dan *hablum minannas* dapat diwujudkan dan dikonsepskan semula sebagai kepemimpinan *amar maaruf nahi mungkar* yang berasaskan prinsip kehambaan diri kepada tuhan. Kepemimpinan *amar maaruf nahi mungkar* adalah kepemimpinan yang mendidik manusia menjadi manusia yang baik (sama ada pihak yang memimpin dan dipimpin), menghindari kejahatan (sama ada pada pihak yang memimpin atau dipimpin) dan menghasilkan output (natijah) yang baik (sama ada dunia atau akhirat) berasaskan rasa *ubudiyah* yang tinggi dalam diri pemimpin.

KESIMPULAN

Kepemimpinan beretika (*ethical leadership*) wujud pada diri Nabi Muhammad S.A.W. Berbeza dengan model barat, kepemimpinan beretika Nabi Muhammad S.A.W. merangkumi tiga (3) sendi utama iaitu *moral person*, *moral manager* dan *moral vicegerent*. Elemen *moral vicegerent* dapat memastikan elemen *moral person* dan *moral manager* dapat direalisasikan secara konsisten dalam diri pemimpin. Justeru model ini merupakan satu bentuk menilai semula kepemimpinan dalam acuan yang selari dengan konsep Islam.

RUJUKAN

'Aidh b. 'Abdullah Al-Qarni. (2010). *Seolah Engkau Melihat Muhammad Shallahu 'Alaihi Wasallam*. Terj. Nur Hasanuddin. Kuala Lumpur: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

Brown M.E, Trevino, L.K and Harrison, D.A. (2005). Ethical Leadership: A Social Learning Perspective For Construct Development And Testing. *Organizational Behavior and Human Decision Process*. Vol. 97: 117-134.

Choudhury, G. (1993). *The Prophet Muhammad. His Life and Eternal Message*. Kuala Lumpur: WHS Publications Sdn. Bhd.

Culpan, R. dan Trussel, J. (2005). Applying The Agency And Stakeholder Theories To The Enron Debate: An Ethical Perspective. *Business and Society Review*. Vol. 110(1): 59-76.

Kaiser, R.B., Hogan, R. dan Craig, S.B. (2008). Leadership And The Fate Of Organizations. *American Psychologist*. Feb-Mac: 96-110.

Kerajaan Malaysia. (2004). *Pelan Integriti Nasional*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

Mahdi Rizqullah Ahmad. (2005). *Biografi Rasulullah. Suatu Studi Analitis Berdasarkan Sumber-Sumber Yang Otentika*. Jakarta: Qisthi Press.

Muh. Alwy Al-Maliki. (2002). *Insan Kamil (Muhammad S.A.W.)*. Edisi Baru Bahasa Malaysia. Terj. Hasan Baharun. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Robbins, S.P. (2005). *Organizational Behavior*. Edisi Ke-8. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education International.

Spangenberg, H. dan Theron, C.C. (2005). Promoting Ethical Follower Behavior Through Leadership Of Ethics: The Development Of The Ethical Leadership Inventory (ELI). *South African Journal of Business Management*. Vol. 36(2): 1-18.

Sridharan, U.V., Disvkes, L. dan Caines, W.R. (2002). The Social Impact Of Business Failure: Enron. *Mid-American Journal of Business*. Vol. 17(2): 11-21.

Suraiya Ishak, Wan Sabri Wan Hussin dan Ahmad Rafli Che Omar. (2009). Pengislaman Teori Agensi: Alternatif Ke Arah Keberkesanan Kawalan Entiti Bisnes. Dlm. Ahmad Sunawari Long, Siddig Ahmad, Abdull Rahman Mahmood, Nur Farhana Abd. Rahman dan Wan Fariza Alyati Wan Zakaria (pnyt.). *Issue*

and Challenges of Contemporary Islam and Muslims, hlmn. 453-465. Bangi: Department of Theology and Philosophy Faculty of Islamic Studies Universiti Kebangsaan Malaysia.

Trevino, L.K., Hartman, L.P. dan Brown, M. (2000). Moral Person And Moral Manager: How Executives Develop A Reputation For Ethical Leadership. *California Management Review*. Vol. 42(4): 128-142.

Watt, W.M. (1961). *Muhammad. Prophet and Stateman*. London: Oxford University Press.

Yukl, G. (2008). How Leaders Influence Organizational Effectiveness. *The Leadership Quarterly*. Vol. 19: 708-722.

Zhu, W., May, D.R., dan Avolio, B.J. (2004). The Impact Of Ethical Leadership Behavior On Employee Outcomes: The Roles Of Psychological Empowerment And Authenticity. *Journal of Leadership and Organizational Studies*. Vol. 11(1): 16-26.

IMPLIKASI PERUNDANGAN TERHADAP PENDAFTARAN TANAH WAKAF DI MALAYSIA: SATU KAJIAN DARI ASPEK AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

Oleh:

Dr. Mohd Afendi Mat Rani¹

Sayuti Abd. Ghani²

ABSTRAK

Pendaftaran adalah antara aspek penting dalam sistem pemilikan tanah di Malaysia di bawah Kanun Tanah Negara 1965. Hak milik tanah seseorang ditentukan berdasarkan kepada hak milik berdaftar di dalam dokumen pendaftaran tanah. Penulisan ini cuba untuk membincangkan implikasi perundangan terhadap tanah-tanah wakaf di Malaysia yang sebahagian besarnya belum didaftarkan kepada MAIN sebagai pemegang amanah hartanah wakaf di Malaysia. Begitu juga berlaku konflik antara MAIN dengan pemilik berdaftar tanah berkenaan dalam menentukan hak milik. Kajian menunjukkan terdapat banyak kes tanah wakaf yang tidak didaftar kepada MAIN telah terlibat dengan pengambilan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri. Perbincangan ini memfokuskan kepada kepentingan pendaftaran dan implikasinya hasil daripada pelaksanaan Akta Pengambilan Tanah 1960.

Perkataan Teras : Implikasi Perundangan, Pendaftaran, Tanah Wakaf, Pemilikan Tanah

Klasifikasi JEL : L21, K10, Z12

¹ Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

² Pensyarah, Pusat Pengajian Umum dan Bahasa, Universiti Pertahanan Malaysia.

PENDAHULUAN

Pendaftaran merupakan perkara penting bagi menjamin hak dan manfaat dapat digunakan. Tanah yang tidak didaftarkan maka ia terdedah kepada berpotensi melahirkan konflik. Oleh sebab itu dengan ada peruntukan undang-undang khususnya dalam Kanun Tanah Negara yang berdasarkan sistem *Torrens* yang mengandungi prinsip bahawa "*daftar adalah segala-galanya*" membuktikan KTN memberi penekanan terhadap aspek pendaftaran tanah di Negara ini. Perkara ini terbukti sebagaimana peruntukan yang terdapat dalam KTN:³

"Tiap-tiap daftar dokumen hak milik yang didaftarkan dengan sempurna mengikut kehendak bab ini hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta ini, menjadi keterangan muktamad:

(a) Bahawa hak milik tanah yang disebutkan di dalamnya adalah terletak hak kepada orang atau badan yang pada masa itu dinamakan sebagai tuan punya:

Dengan ada peruntukan yang khusus dalam KTN yang memberi penekanan kepada "*daftar adalah segala-galanya*" memberi kesan kepada kewujudan hak milik yang tidak dapat disangkal kepada orang atau badan yang didaftarkan sebagai tuan punya dalam dokumen hak milik tersebut. Di bawah sistem *Torrens*, apabila dua perkara penting telah dapat dipenuhi (borang tertentu digunakan, diikuti dengan pendaftaran), hasilnya adalah hak milik yang tidak boleh disangkal (bagi urusniaga lain, seperti gadaian, pajakan, lien dan ismen). Dalam KTN telah menjelaskan hak milik yang tidak dapat disangkal ini, sebagaimana yang telah diperuntukkan:⁴

³ Kanun Tanah Negara, Seksyen 89.

⁴ Haji Salleh Buang (2003), "*Kanun Tanah Negara 1965 dan Pelbagai Undang-undang Berkaitan Tanah: Satu Tinjauan*", Seminar Pentadbiran dan Perundangan Tanah Untuk Pegawai Daerah/ Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia, 15-16 Disember 2003, Institut Tanah dan Ukur Negara, hlm. 4.

- (1) *“Hak milik atau kepentingan mana-mana orang atau badan buat masa itu didaftarkan sebagai tuan punya mana-mana tanah, atau atas nama siapa apa-apa pajakan, gadaian atau isemen adalah buat masa itu terdaftar, hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut seksyen ini, tidak boleh disangkal.*

Kesan daripada pendaftaran tanah ini, iaitu hak milik yang tidak boleh disangkal adalah bukannya hak mutlak kepada orang atau badan tertentu terhadap tanah yang telah diberi milik, ini kerana terdapat peruntukan dalam KTN yang memberi pengecualian dalam keadaan-keadaan tertentu iaitu:⁵

- (2) *Hak milik atau kepentingan mana-mana orang atau badan sedemikian hendaklah tidak menjadi tak boleh disangkal:*
 - (a) *dalam mana-mana kes penipuan atau salahnyata yang kepadanya orang atau badan itu, atau mana-mana ejen orang atau badan itu, adalah satu pihak atau privy; atau*
 - (b) *jika sekiranya pendaftaran diperolehi secara pemalsuan, atau dengan cara suatu instrumen yang tidak mencukupi atau tak sah; atau*
 - (c) *jika sekiranya hak milik atau kepentingan itu adalah diperolehi secara tidak sah orang atau badan dalam penggunaan berupa apa-apa kuasa atau autoriti yang diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis.*

Apa yang diperuntukkan dalam seksyen di atas ialah KTN memberi pengecualian kepada tidak menjadi tidak boleh disangkal iaitu terdapat bukti apabila wujudnya sebarang penipuan, salah nyataan, pemalsuan, suratcara yang tidak lengkap atau batal atau perolehan hak milik atau kepentingan yang menyalahi undang-undang. Hak milik atau kepentingan masih lagi boleh disangkal dan

⁵ KTN, Seksyen 340(2)

dipersoalkan di mahkamah. Andainya mahkamah puas hati wujud hal keadaan yang dikatakan itu (misalnya terbukti dan pemalsuan), mahkamah akan isytiharkan urusanniaga berkenaan tidak sah dan batal, manakala harta yang dipindah milik atau digadai itu hendaklah diserahkan kembali kepada pemilik asalnya.⁶

KEPENTINGAN PENDAFTARAN

Pendaftaran adalah proses yang akan memberi hak kepada seseorang ke atas pemilikan tanah yang berupa hak milik. Dalam KTN⁷ telah memperuntukkan perkara ini, iaitu:

- (2) *Pemberimilikan tanah Kerajaan hendaklah berkuat kuasa apabila pendaftaran dokumen hak milik daftaran didaftarkan menurut peruntukan-peruntukan yang dirujuk dalam Subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana berkenaan; dan, meskipun pemberimilikan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, tanah itu tetap menjadi tanah Kerajaan hingga masa itu.*

Perkara di atas menjelaskan soal kepentingan pendaftaran ini iaitu sebarang tanah yang belum didaftarkan walaupun kelulusan diberikan, maka tanah itu masih lagi bertaraf tanah Kerajaan. Tanah pada mulanya, terletak hak kepada Kerajaan Negeri. Ia kemudiannya membenarkan penggunaannya atau pendudukan di atasnya secara pegangan hak milik, lesen pendudukan sementara, atau secara perizaban, atau apa-apa hak pengeluaran bahan batuan yang diberikan secara pengeluaran permit atau apa-apa hak lain di bawah KTN. Apabila pemberimilikan disempurnakan, iaitu setelah hakmilik bagi sekeping tanah itu didaftarkan, maka haknya berpindah daripada Pihak Berkuasa Negeri kepada orang atau badan yang namanya tercatat dalam hakmilik itu tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.⁸

⁶ Haji Salleh Buang (2003), *Op. Cit.*, hlm. 4.

⁷ Kanun Tanah Negara, Seksyen 78(3).

⁸ *Manual Kanun Tanah Negara*(2003), Diterbitkan oleh Koperasi Pegawai Pentadbiran dan Pengurusan Tanah Malaysia Berhad (KPPPTMB), hlm. 4.

KELAYAKAN PEMOHON BAGI PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN UNTUK DIDAFTARKAN

Melalui peruntukan yang terdapat dalam KTN telah menyenaraikan orang atau badan yang boleh memohon pemberimilikan tanah Kerajaan. Perkara ini juga memberi kesan kepada aspek pendaftaran iaitu orang atau badan tertentu sahaja yang namanya boleh didaftarkan. Peruntukan dalam KTN menyatakan perkara ini, iaitu:

“Tertakluk kepada peruntukan Bahagian Tiga Puluh Tiga (A), kuasa pelupusan yang diberi kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh Seksyen 42 bolehlah dijalankan hanya bagi memihak, dan permohonan untuk menjalankan kuasa itu bolehlah diterima hanya, orang-orang atau badan-badan berikut:

- (a) orang-orang benar selain daripada remaja;*
- (b) perbadanan-perbadanan yang mempunyai kuasa dan lain-lain orang yang diberi kuasa untuk memegang tanah di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsuler, 1957;*
- (c) badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain:*

Dengan syarat bahawa tidaklah perlu bagi sesebuah perbadanan mempunyai kuasa memegang tanah untuk membolehkannya memohon, dan dikeluarkan kepadanya, suatu permit untuk mengeluarkan dan mengambil bahan-bahan batuan”.

Dalam peruntukan di atas telah dinyatakan antara orang yang berhak untuk memohon tanah Kerajaan dan permohonan untuk didaftarkan hak milik ialah “orang-orang benar selain remaja” yang membawa maksud orang yang layak menurut Akta Umur Dewasa ialah umur belum dewasa bagi semua lelaki dan perempuan dan adalah terhad kepada lapan belas tahun dan tiap-tiap lelaki

dan perempuan yang mencapai umur itu ialah berumur dewasa di Malaysia.⁹ Perkara ini menjelaskan KTN menetapkan kadar umur bagi membolehkan namanya didaftarkan dalam hak milik dan sebaliknya namanya tidak berhak dalam pemilikan tanah.

Selain daripada itu, dalam peruntukan di atas juga telah membenarkan perbadanan yang mempunyai kuasa perlembagaannya untuk memiliki tanah-mereka terdiri daripada:¹⁰

- i. perbadanan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 1965¹¹ yang diberi kuasa memiliki tanah di bawah memorandum persatuannya;
- ii. pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Undang-undang Persekutuan atau Negeri yang diberi kuasa untuk memiliki tanah di bawah Akta atau Enakmen yang mewujudkannya; atau
- iii. syarikat kerjasama yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993.

Dalam subseksyen di atas yang menyatakan:

“(c) badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain”.

Badan-badan ini termasuklah raja pemerintah, Kerajaan, pertubuhan dan orang-orang lain yang dibenarkan memiliki tanah di bawah undang-undang yang pada masa itu berkuat kuasa berhubung dengan diplomatik, hubungan

⁹ Undang-Undang Malaysia, Akta 21, Akta Umur Dewasa 1971, Seksyen 2.

¹⁰ *Manual Kanun Tanah Negara* (2003), hlm. 7.

¹¹ Pentadbir Tanah hendaklah memastikan daripada memorandum persatuannya sama ada ia boleh memiliki tanah atau tidak. Berhubung mana-mana pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan atau Negeri, ia hendaklah menyemak sama ada ada undang-undang yang menubuhkan badan tersebut membenarkan ia memiliki tanah atau tidak. Lihat *Manual Kanun Tanah Negara* (2003), hlm. 8.

konsular dan pertubuhan antarabangsa.¹² Berdasarkan hak dan kelayakan dalam yang dikenakan oleh KTN dalam pemilikan tanah di Negara ini adalah memberi maksud pendaftaran hak milik tidak dapat dilakukan. Perkara ini menggambarkan bahawa bukan semua orang atau pertubuhan atau perbadanan berhak memiliki tanah sebelum hak dan syarat-syarat tertentu dipenuhi mengikut KTN.

LARANGAN ATAU BATASAN DALAM PENDAFTARAN TANAH YANG DIKENAKAN OLEH KANUN TANAH NEGARA 1965

Selain daripada hak dan kelayakan orang perseorangan dan pertubuhan yang diperuntukkan dalam KTN, maka KTN juga memperuntukkan salah satu daripada syarat bagi sesuatu suratcara urusan layak untuk didaftarkan ialah urusan yang dilakukan hendaklah tidak berlawanan dengan mana-mana larangan atau batasan yang dikenakan oleh KTN. Perkara ini jelas dinyatakan oleh KTN:¹³

“(c) bahawa urusniaga yang ia dikesankan tidaklah bertentangan dengan apa-apa larangan atau batasan yang dikenakan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain buat masa itu berkuatkuasa, atau kepada apa-apa sekatan kepentingan yang kepadanya tanah yang dipersoalkan adalah buat masa itu tertakluk”.

Dengan demikian, Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah hendaklah menyedari tentang larangan dan batasan yang telah diperuntukkan, antaranya mengenai larangan atau batasan yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang bertulis. Di antara undang-undang bertulis yang melarang atau menghadkan urusan-urusan ialah undang-undang mengenai perizaban Melayu, tanah-tanah adat Negeri Sembilan dan Melaka, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.¹⁴

¹² Ibid, hlm. 8.

¹³ Kanun Tanah Negara, Seksyen 301(c)

¹⁴ Manual Kanun Tanah Negara (2003), hlm. 263.

PRINSIP UTAMA TORRENS “DAFTAR ADALAH SEGALA-GALANYA”

Dalam pengurusan tanah KTN yang berdasarkan prinsip “daftar adalah segala-galanya” telah meletakkan elemen pendaftaran sebagai perkara pokok dalam membuktikan hak dan kepentingan ke atas tanah yang dimilikinya. Konsep ini secara jelas telah dinyatakan dalam KTN¹⁵, iaitu:

“Hak milik atau kepentingan mana-mana orang atau badan buat masa itu didaftarkan sebagai tuan punya mana-mana tanah, atau atas nama siapa apa-apa pajakan, gadaian atau ismen adalah buat masa itu terdaftar, hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut Seksyen ini, tidak boleh disangkal”.

Dalam peruntukan di atas menjelaskan dua perkara penting telah dapat kita patuhi (borang tertentu digunakan, diikuti dengan pendaftaran), hasilnya adalah hak milik yang tidak boleh disangkal (bagi urus niaga pindah milik) atau kepentingan yang tidak boleh disangkal (bagi urusniaga lain, seperti gadaian, pajakan, lien dan ismen).¹⁶

UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH WAKAF DI MALAYSIA

Berdasarkan kepada Akta Pengambilan Tanah 1960, telah memperuntukkan beberapa kategori tanah yang boleh diambil semula oleh Kerajaan atau PBN. Akta¹⁷ tersebut telah mendefinisikan tanah yang boleh diambil ialah tanah bermilik dalam pengertian undang-undang tanah negeri yang mempunyai hak milik berdaftar melainkan tanah Kerajaan, tanah yang diduduki di bawah hak adat dan tanah yang diduduki dengan harapan menjadi hak milik. Dalam konteks hak pemilikan tanah berdaftar dengan merujuk kepada takrifan di atas, KTN 1965¹⁸ telah memperuntukkan kuasa bagi membolehkan wakaf yang berbentuk tanah diletakkan di bawah milikan badan yang mentadbir tanah tersebut iaitu MAIN. Kuasa-kuasa ini telah diperuntukkan secara jelas di dalam semua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri di Malaysia bahawa MAIN adalah berperanan sebagai pemegang amanah tunggal harta-harta wakaf termasuk harta alih dan tak alih di negeri berkenaan.

¹⁵ Kanun Tanah Negara, Seksyen 340(1).

¹⁶ Haji Salleh Buang (2003), Op. Cit., hlm. 4.

¹⁷ Akta Pengambilan Tanah 1960, Seksyen 2.

¹⁸ Kanun Tanah Negara 1965, Perkara 416.

Majlis berfungsi sebagai pentadbir yang menjalankan sebarang kegiatan bagi pembangunan harta wakaf untuk manfaat orang-orang Islam.¹⁹

Berdasarkan kepada peruntukan KTN 1960, dan definisi tanah dari perspektif APT 1960, tanah wakaf adalah tanah bermilik yang mempunyai hak milik berdaftar. Implikasi daripada peruntukan Seksyen 2, APT 1960 jelas bahawa pihak Kerajaan mempunyai kuasa untuk mengambil semula tanah wakaf yang diletakkan di bawah kawalan MAIN melalui undang-undang sebagaimana yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.²⁰ Ini kerana status tanah yang diwakafkan adalah tanah yang dikategorikan sebagai tanah hak milik. Sebagaimana tanah-tanah beri milik yang lain, PBN atau mana-mana pihak awam boleh mengambil mana-mana tanah termasuk tanah wakaf yang dinyatakan di dalam peruntukan seksyen tersebut pada bila-bila masa, tanpa ada halangan undang-undang. Peruntukan yang terdapat dalam KTN 1965 dan APT 1960 adalah terpakai kepada mana-mana tanah yang diklasifikasikan di dalam akta. Namun demikian dari segi amalannya tidak semua tanah wakaf diletakkan di bawah kuasa MAIN dan tanah-tanah ini mempunyai status pemilikan yang berbeza.

Wujudnya perbezaan status ini adalah merujuk kepada jenis hak milik tanah yang diwartakan oleh pentadbir tanah di negeri berkenaan. Terdapat tanah wakaf yang dipindah milik terus kepada MAIN dan ada sesetengah tanah wakaf hanya diberi hak pengawalan sahaja tanpa diberi hak milik. Tidak kurang juga banyak tanah wakaf yang langsung tidak didaftarkan sebagai wakaf, sebaliknya masih kekal di atas nama pewakaf. Ada juga tanah wakaf yang direkodkan oleh pentadbir sebagai wakaf, tetapi nama pewakaf masih tercatat pada dokumen hak milik tanah yang telah pun diwakafkan. Status yang berbeza ini turut sama memberi implikasi yang berbeza dari segi undang-undang pentadbiran tanah di Malaysia, khususnya apabila berlaku pengambilan tanah oleh PBN.²¹

¹⁹ Rujuk Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983, Sek.15(2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Kedah (Bil.9/1962), Sek.90(2), Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Melaka (bil.59/91), Sek.37(2), Enakmen Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (Bil.12/1986), Sek.143.

²⁰ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 13(1) dan (2).

²¹ Baharuddin Sayin (1998), "Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf di Semenanjung Malaysia", *Jurnal Fikrah*, Jld.1, Januari 1998, Pusat Pendidikan Persediaan, Institut Teknologi MARA, hlm.94-95. Lihat juga: Mohd Yusop Bin Yahya (1999), "Pengurusan Tanah Wakaf di Perak: Amalan dan Perancangan," dalam Nik Mustapha Nik Hassan *et. al.* (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm.77. Lihat juga: Nik Mohd Zain Haji Nik Yusof, Azimuddin bin Bahari (1999), "Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian", dalam Nik Mustapha Nik Hassan *et al.* (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, cet.1, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm.118-119.

TANAH WAKAF DARI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG TANAH DI MALAYSIA

Menurut undang-undang pentadbiran tanah negara, hak milik berdaftar adalah dokumen yang mengesahkan hak milik yang tidak boleh disangkal dan dipersoalkan.²² Hak milik berdaftar menjadi keterangan yang muktamad tentang hak milik seseorang terhadap tanahnya.²³ Oleh itu hak milik tanah berdaftar adalah persoalan pokok yang perlu dibincangkan terutama apabila membabitkan aktiviti pengambilan tanah yang akan menentukan hak kepada pihak-pihak yang berkepentingan ke atas tanah tersebut. Secara umumnya terdapat tiga bentuk peraturan atau acara perpindahan hakmilik tanah wakaf yang biasa diamalkan oleh pentadbir tanah di Malaysia.²⁴ Antaranya ialah tanah wakaf yang telah dipindah milik dan didaftarkan kepada di Pejabat Tanah melalui Borang 14A KTN yang melibatkan keseluruhan tanah yang diwakafkan di bawah satu hak milik. Selepas permohonan diluluskan, pendaftar tanah akan mendaftarkan nama MAIN sebagai penerima pindahan yang sah di sisi undang-undang.

Kaedah kedua ialah pewakaf menyerahkan balik tanah (*surrender*) kepada Kerajaan atau PBN dengan menggunakan Borang 12A bagi maksud keseluruhan tanah dan 12B bagi maksud sebahagian tanah. Selepas penyerahan balik tanah diterima, tanah berkenaan akan menjadi hak milik Kerajaan sepenuhnya. Dalam menyempurnakan prosedur penyerahan ini, pewakaf berkenaan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada setiap orang atau badan yang mempunyai kepentingan-kepentingan berdaftar di atas tanah tersebut seperti pemegang gadaian,

²² Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 89 dan 340.

²³ Walaupun hak milik ini dijamin tetapi ia tidak bersifat mutlak. Keutuhan hak milik tersebut masih lagi tertakluk kepada beberapa perkara antaranya pengecualian status yang disebut secara khusus dalam Seksyen 340(2).

²⁴ Siti Mashitoh Mahamod (2001), *Bagaimana Membuat Wakaf*, Siri Penerangan Undang-undang Islam 6. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm.16-21. Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) telah mengadakan manual pengurusan wakafnya yang menjadi dokumen rujukan dalam mengurus dan mentadbir harta wakaf di negeri Kedah, terutama berkaitan dengan urusan pendaftaran tanah wakaf. Manakala Jabatan Wakaf Zakat dan Haji telah memperkenalkan Manual Pengurusan Tanah Wakaf yang menjadi prosedur dan rujukan kepada semua negeri di Malaysia. Lihat: Manual Pengurusan Wakaf Negeri Kedah dan Manual Pengurusan Tanah Wakaf (2006), Cet.1, Kuala Lumpur: Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, hlm.13-21.

pajakan dan penyewa.²⁵ MAIN akan membuat permohonan semula kepada Kerajaan bagi menyempurnakan tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah tunggal harta tanah wakaf. Selain daripada kedua-dua kaedah di atas, MAIN boleh membuat permohonan untuk tujuan perletakhakan menurut undang-undang (*Statutory Vesting*) bagi tanah berkenaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 416C KTN. Permohonan dibuat dengan menulis surat kepada pendaftar hak milik atau pentadbir tanah. Nama MAIN akan disahkan ke atas dokumen hak milik tanah tersebut. Kebanyakan tanah wakaf yang diserahkan milik terus kepada MAIN ini adalah jenis tanah yang diwakafkan secara keseluruhan tanah di bawah satu hak milik atau bahagian tak pecah. Pendaftar tanah akan mendaftarkan nama MAIN di dalam geran tanah sebagai penerima pindahan milik yang sah di sisi undang-undang. Dengan perpindahan milik ini MAIN adalah pihak yang berkepentingan terhadap tanah tersebut. Tanah-tanah wakaf yang diserahkan MAIN sama ada yang berbentuk Wakaf Khas, Wakaf Am atau Wakaf Zuriat adalah milik MAIN apabila tanah-tanah berkenaan didaftarkan hak milik melalui prosedur yang dinyatakan di atas.

Sehubungan dengan itu, pihak-pihak lain seperti pewakaf, ahli waris termasuk anak-anak pewakaf atau penerima amanah wakaf selain MAIN tidak berhak mencampuri dalam semua urusan pentadbiran yang melibatkan kepentingan harta wakaf tersebut, kecuali setelah mendapat kelulusan MAIN.²⁶ Begitu juga dengan tanah yang dipohon oleh MAIN sebagaimana yang dinyatakan dalam acara yang ketiga adalah tanah wakaf milik MAIN yang sah di sisi undang-undang apabila diluluskan oleh PBN. MAIN akan membuat permohonan terhadap tanah berkenaan untuk tujuan perletakhakan berkanun (*Statutory Vesting*).²⁷

²⁵ Siti Mashitoh Mahamood (2006), "Undang-undang dan Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam di Malaysia", dalam Siti Mashitoh Mahamood *et. al.* (ed), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*, cet.1, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm.7.

²⁶ Terdapat tanah wakaf yang dikawal selia oleh wakil yang dilantik oleh MAIN seperti ahli jawatankuasa masjid, surau dan lain-lain. Kebiasaannya adalah jenis tanah wakaf masjid dan surau. Namun MAIN tetap menjadi pemegang amanah induk terhadap tanah wakaf berkenaan.

²⁷ Siti Mashitoh Mahamod (2001), *op.cit.*, hlm.16-19. Lihat juga: Nik Mohd Zain bin Hj Nik Yusof (1999), "Prosedur Pendaftaran Tanah Wakaf di Bawah Kanun Tanah Negara", (Kertas Kerja Seminar Institusi Wakaf Menuju ke Arah Baru, Anjuran Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor, Pada 8 Julai 1999), hlm.1-4. Lihat juga: Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil.8/1999 Perletakhakan Berkanun Tanah Wakaf di bawah Kanun Tanah Negara, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Prosedur yang kedua ini kebiasaannya melibatkan tanah milik individu atau orang perseorangan yang tidak mendatangkan hasil dan diserahkan kepada Kerajaan untuk kegunaan tapak masjid, surau dan tanah perkuburan. Tanah ini akan menjadi hak milik Kerajaan dan akan diwartakan sebagai rizab awam untuk aktiviti keagamaan. PBN boleh menggunakan budi bicaranya sama ada memberi milik tanah tersebut kepada MAIN dan dikategorikan sebagai tanah wakaf, atau merizabkan tanah tersebut untuk tujuan awam yang disahkan di dalam geran tanah berkenaan.²⁸ Jika tanah tersebut mempunyai status rizab, PBN akan melantik seorang pegawai awam, antaranya seperti Pengarah atau Setiausaha Jabatan Agama Islam Negeri berkenaan sebagai pengawal yang akan dipertanggungjawabkan ke atas perizaban tanah yang dikurniakan itu. Majlis Agama Islam akan memohon semula tanah berkenaan sebagai wakaf untuk diletakkan di bawah kelolaannya.²⁹ Permohonan dibuat dengan menggunakan Borang 12A atau 12B KTN.³⁰ Pemberian milikan tanah Kerajaan berkuat kuasa mulai daripada tarikh pendaftaran hak milik.³¹ Jika pendaftaran hak milik tidak dibuat ia adalah tanah Kerajaan yang hanya boleh dimiliki manfaatnya sahaja tetapi status tanah tetap hak milik Kerajaan.

Di negeri Terengganu, sebahagian besar tanah tapak masjid, kubur dan surau diletakkan di bawah kawalan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu di atas nama Pesuruhjaya. Tanah ini tidak diletak atau dipindah milik kepada MAIDAM kerana ia adalah bukan status tanah wakaf mengikut undang-undang tanah di Malaysia. Sebaliknya di negeri Johor tanah yang dikurniakan oleh PBN bagi tujuan awam berbentuk keagamaan seperti masjid dan surau akan dipindah milik kepada MAIJ sebagai badan pengawal tunggal dan diberi status tanah wakaf. Pada dasarnya tanah kurniaan tidak dianggap sebagai tanah wakaf di sisi undang-undang tanah di Malaysia. Tanah ini boleh diambil pada bila-bila oleh Kerajaan apabila diperlukan untuk apa-apa tujuan pembangunan pada masa akan datang. Tanah jenis ini tidak termasuk dalam definisi tanah yang diperuntukkan

²⁸ Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 62

²⁹ Di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan tanah wakaf yang tidak mendatangkan hasil akan didaftarkan secara pindah milik atau pewakaf menyerahkan tanah kepada Kerajaan dan Majlis Agama akan membuat permohonan semula untuk memindah hak milik. Lihat: Baharuddin Sayin (1998), *op. cit.*, hlm.107.

³⁰ Borang 12A adalah bagi maksud keseluruhan tanah Seksyen 197, dan 12B jika bagi maksud sebahagian tanah, Seksyen 200 Kanun Tanah Negara 1965.

³¹ Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 78(3).

di dalam APT 1960 kerana ia bukan milik MAIN yang sah di sisi undang-undang, sekalipun digunakan untuk aktiviti keagamaan seperti terdapatnya bangunan masjid, surau atau tanah perkuburan. PBN boleh membuat pengambilan tanah tersebut tanpa merujuk kepada mana-mana pihak yang berkepentingan. Apa-apa sahaja yang ada di atas tanah berkenaan boleh dirobohkan, tanpa diberi apa-apa pampasan. Sekalipun dibayar pampasan urusan pembayaran tersebut dibuat oleh pihak yang membuat pengambilan tanah secara sukarela atau pertimbangan.³² Kesan perlucutan hak milik ini telah diperuntukkan secara jelas di dalam akta:³³

- a) *Tanah itu hendaklah dikembalikan dan menjadi hak kepada pihak Berkuasa Negeri sebagai tanah Kerajaan, dibebas dan dilepaskan dari semua hak milik dan kepentingan yang sedia ada atau yang boleh timbul sejurus sebelum pelucuthakan itu mula berkuat kuasa;*
- b) *Maka hendaklah juga terletak hak kepada Pihak Berkuasa Negeri, dan tanpa bayaran pampasan, apa-apa bangunan yang pada masa itu wujud di atas tanah itu; dan*
- c) *Apa-apa item hasil tanah yang pada masa itu terhutang kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan tanah itu hendaklah dihapuskan.*

Terdapat juga tanah wakaf yang ditadbir dan diamanahkan kepada pihak-pihak tertentu atau orang perseorangan seperti imam, ahli jawatankuasa masjid, ketua kampung dan pihak-pihak lain selain MAIN. Tanah-tanah ini tidak didaftar, atau dipindah milik kepada MAIN dan tidak juga diserahkan kepada Kerajaan untuk dipohon semula oleh MAIN atau didaftarkan sebagai tanah

³² Contohnya di negeri Kedah, tanah-tanah Kerajaan yang diambil oleh PBN tidak akan dibayar pampasan, sekalipun MAIK memohon supaya tanah tapak masjid dan surau dibayar pampasan. Tanah-tanah tersebut telah diganti dengan tanah yang lain oleh pihak agensi yang mengambil tanah tersebut berdasarkan kepada pertimbangan pihak terbabit dan penggantian tanah dengan tanah dilakukan secara sukarela memandangkan ia melibatkan tanah masjid dan tapak perkuburan Islam. Jika ia tidak diganti kemungkinan akan mencetuskan sensitiviti orang Islam.

³³ Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 131 (a), (b) dan (c).

rizab awam.³⁴ Kebiasaannya tanah ini akan difaraidkan oleh ahli waris pewakaf kerana menganggap tanah tersebut adalah milik pewakaf yang sah berdasarkan kepada dokumen hak milik. Pihak yang berkepentingan terhadap tanah jenis ini adalah pemilik tanah yang berdaftar sama ada pewakaf atau ahli waris yang lain. Tanah ini tidak diiktiraf sebagai tanah wakaf di sisi KTN 1965, walaupun ia adalah tanah wakaf yang sah di sisi hukum syarak. Jika berlakunya pengambilan tanah oleh PBN ke atas tanah berkenaan, segala transaksi dan wang pampasan akan dirujuk kepada pemilik yang berdaftar di dalam dokumen hak milik. MAIN tidak boleh membuat sebarang transaksi termasuk tuntutan wang pampasan dan lain-lain lagi. Dalam hal ini ahli waris dipertanggungjawabkan sama ada hendak menyerahkan pampasan tersebut kepada MAIN atau sebaliknya.

Selain itu, terdapat kategori tanah wakaf yang tidak diberikan status tanah milik kekal oleh PBN. KTN 1965³⁵ memberi kuasa kepada PBN sama ada untuk memberi milikan tanah kepada seseorang atau sesuatu badan untuk suatu tempoh beberapa tahun yang tidak melebihi 99 tahun (*Leasehold*), yang juga dikenali sebagai "Pajakan Negeri" (*State Lease*), atau memberi milik secara kekal (*Freehold*).³⁶ Tanah-tanah wakaf yang dikurniakan secara pegangan pajakan ini juga ditadbir di bawah MAIN dan diberikan hak milik. Sekiranya tanah-tanah pajakan negeri terlibat dengan pengambilan dalam tempoh pajakan, maka status tanah berkenaan adalah sama sebagaimana tanah-tanah lain yang diperuntukan dalam KTN 1965 dan APT 1960. Pampasan akan dibayar selagimana tanah itu masih dalam tempoh pajakan sama ada 30, 60 atau 99 tahun.³⁷

Kesimpulannya, kesemua peruntukan berkaitan tanah yang dikodifikasikan dalam KTN 1965 dan APT 1960, akan turut diaplikasikan kepada semua kategori tanah, termasuklah tanah-tanah yang diwakafkan oleh seseorang individu atau tanah yang diserahkan kepada Kerajaan.³⁸ Implikasi undang-undang adalah

³⁴ Mustafa Abdul Rahman (1981), "Kedudukan Harta Wakaf Seluruh Malaysia", dalam *Journal MASA*, Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, bil.3, hlm.44. Lihat juga: Baharuddin Sayin (1998), op. cit., hlm.95.

³⁵ Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 76.

³⁶ Ibid., Seksyen 76(aa).

³⁷ Akta Pengambilan Tanah 1960, Seksyen 2.

³⁸ Siti Mashitoh (2004), "Pelupusan Tanah Di Bawah Pegangan Pajakan (*Leasehold*) Dalam Kanun Tanah Negara 1965: Implikasi Terhadap Status Tanah-tanah yang Diwakafkan", *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil.17, 2004, JAKIM, hlm.100.

sama sebagaimana tanah-tanah lain yang diperuntukkan dalam kedua-dua akta tanah ini. Namun terdapat beberapa perkara yang diberi kelonggaran dan pertimbangan oleh pentadbir tanah iaitu tanah wakaf yang digunakan untuk aktiviti keagamaan seperti bangunan masjid, surau dan tapak kubur hendaklah cuba sedaya upaya dielakkan daripada terlibat dengan pengambilan tanah, sekalipun untuk tujuan pembangunan, kecuali jika keadaan mendesak atau tidak dapat dielakkan.³⁹ Ini bermakna dari segi undang-undang pengambilan tanah adalah tidak menjadi satu kesalahan apabila Kerajaan bertindak secara paksaan mengambil tanah-tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk tujuan kepentingan awam, termasuk tanah kurniaan yang diberikan oleh Kerajaan untuk aktiviti-aktiviti keagamaan seperti tapak masjid, surau, kubur dan sebagainya yang diberi status rizab awam. Tanah-tanah ini adalah termasuk dalam definisi tanah dari perspektif undang-undang pengambilan tanah jika ia mempunyai hak milik berdaftar dan tanah yang diduduki dengan harapan untuk mendapat hak milik. Pengambilan juga boleh diambil tanpa mendapatkan persetujuan terlebih dahulu dengan pihak MAIN atau mengadakan sebarang transaksi dengan mana-mana pihak jika membabitkan tanah kurniaan yang digunakan untuk aktiviti keagamaan.

PENGAMBILAN TANAH OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI DI MALAYSIA

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat secara keseluruhannya, di negeri Terengganu, terdapat sekurang-kurangnya 94 lot tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan tanah oleh PBN. Di negeri Pulau Pinang⁴⁰ sebanyak 17 lot telah diambil oleh Kerajaan untuk tujuan pembangunan dengan jumlah pampasan terkumpul sebanyak RM2.541,762.28. Begitu juga di negeri Selangor,⁴¹ hanya terdapat 3 lot sahaja yang terlibat dengan projek pembangunan lebuhraya.

³⁹ Temubual-temubual: En. Rahmat b. Abdullah, Ketua Penolong Pegawai Tanah, Johor Bharu, pada 6/12/2005, di Bangsar Kuala Lumpur. En. Mohd Fadhil b. Abdul Kadir, Pegawai Tadbir Tanah Daerah Alor Star Kedah, pada 22/11/2005, di Pejabat Tanah Daerah Alor Star.

⁴⁰ Temubual: En. Fakhruddin b. Abd Rahman, Ketua Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, pada 24/11/2005, di Pejabat Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP). Lihat: Lampiran VII.

⁴¹ Temubual: En. Suhaimi b. Ismail, Pegawai Wakaf, Majlis Agama Islam Selangor, pada 10/11/2006, di Pejabat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Manakala di negeri Kelantan,⁴² Wilayah Persekutuan⁴³ dan Pahang⁴⁴ masing-masing hanya 1 lot sahaja yang diambil oleh PBN. Di negeri Perak,⁴⁵ sebanyak dua kes yang melibatkan 2 lot. Manakala di Negeri Sembilan⁴⁶ sehingga kajian ini dibuat belum ada tanah-tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan. Di negeri Melaka sebanyak 7 lot, jumlah keluasan keseluruhan tanah wakaf yang diambil adalah sebanyak tidak kurang daripada 4.525 ekar.⁴⁷ Manakala nilai pampasan yang terkumpul oleh MAIM dianggarkan sebanyak RM292,983.34. Di negeri Kedah dianggarkan terdapat sebanyak 26 lot tanah wakaf yang dapat dikenalpasti dengan keluasan tanah wakaf yang terlibat adalah dianggarkan sebanyak 28.312 ekar.⁴⁸

42 Temubual: En. Ridhuan b. Abd. Rahman melalui telefon, Pegawai Wakaf dan Baitulmal, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), pada 23/3/2006. Tanah wakaf yang terlibat telah pun digantikan melalui konsep *Istibdal*.

43 Temubual: En. Ahmad b. Abdul Ghani, Pegawai Wakaf, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), pada 15/12/2005, di Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

44 Temubual: En. Mohd Fadilah b. Abdul Manaf, Pegawai Wakaf, Majlis Agama Islam Pahang (MAIP), pada 12/1/2006, di Pejabat Majlis Agama Islam Pahang. Hasil temubual dengan Pegawai Wakaf tidak terdapat tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan oleh Kerajaan. Namun demikian, isu ini pernah dibangkitkan oleh Timbalan Yang Dipertua MAIP, Datuk Abdul Mutalib b. Mohd Ali Al-Fakwie pada tahun 1992, terdapat dua kes tanah wakaf tapak kubur di daerah Kuantan yang terlibat dengan projek pembesaran jalan. Pampasan tanah ini dibayar kepada ahli waris pewakaf kerana tanah tersebut belum didaftarkan kepada Majlis Agama Islam Pahang. Lihat: Berita Harian, 5/9/1992.

45 Temubual: En. Rohaizat b. Ali melalui telefon, Pegawai Wakaf, Majlis Agama Islam Perak (MAIP), pada 18/4/2006. Lihat juga: Siti Mashitoh Mahamood (2002), *Pelaksanaan Istibdal dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia*, cet.1, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm.28. Temubual: En. Rohaizat b. Ali melalui telefon, Pegawai Wakaf, Majlis Agama Islam Perak (MAIP), pada 18/4/2006.

46 Temubual: En. Kamal Amran bin Kamaruddin melalui telefon, Pegawai Tadbir, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), pada 22/2/2006.

47 Daripada jumlah ini terdapat 2 lot tanah yang tidak diketahui jumlah keluasan tanah yang di ambil. Melihat kepada jumlah pampasan bagi 2 lot tersebut adalah sebanyak RM119,970.00. Ini bermakna pada anggapan penyelidik jumlah sebenar adalah tidak kurang daripada 10 ekar yang diambil oleh PBN.

48 Daripada jumlah ini terdapat 5 lot yang tidak direkod jumlah keluasan yang diambil, dengan jumlah pampasan sebanyak RM14,206.00.

IMPLIKASI PENDAFTARAN TANAH WAKAF DALAM KES PENGAMBILAN TANAH OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI

Seperti yang sedia maklum, berdasarkan kepada kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa rekod dan dokumentasi tanah-tanah wakaf di Malaysia adalah antara isu dan masalah utama sebagai faktor penyumbang kepada kegagalan tanah wakaf untuk didaftar dan dibangunkan.⁴⁹ Sebagai contoh terdapat sebanyak 2,477 lot tanah yang diwakafkan di bawah MAIJ, namun 70% daripadanya iaitu 1,734 lot sahaja yang direkod. Manakala 30% lagi masih tidak direkod dan belum ditukar milik dan tidak diketahui dengan sebenar lokasi, perletakan, keluasan tanah dan lain-lain.⁵⁰ Keadaan yang sama juga berlaku di negeri-negeri lain seperti di Melaka, Kedah dan Terengganu.

Di Malaysia terdapat banyak tapak masjid, surau dan kubur yang dibina di atas tanah Kerajaan dan belum dipindah milik kepada MAIN.⁵¹ Pembinaan ini dilakukan sama ada melalui permohonan kepada pihak Kerajaan dan telah mendapat keizinan atau sebaliknya. Di negeri Terengganu, sebahagian besar tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan melibatkan tanah wakaf tapak masjid, surau dan kubur. Oleh kerana tanah ini telah didaftarkan di atas nama MAIDAM, pihak Kerajaan telah membayar pampasan kepada MAIDAM. Bagi tanah wakaf jenis tapak kubur yang terlibat dengan pengambilan ia akan dipindahkan ke tempat lain yang berhampiran dan kos perpindahan itu akan ditanggung oleh agensi yang mengambil tanah tersebut dengan merujuk kepada nasihat dan pandangan yang dikemukakan oleh MAIDAM. Ini bermakna tanah wakaf kubur akan diganti dengan tanah yang lain.

Bagi tanah wakaf jenis tapak masjid dan surau walaupun ia ditadbir urus secara langsung oleh MAIN namun demikian dalam hal-hal yang berkaitan, pandangan ahli jawatankuasa masjid juga diambil kira demi kepentingan ahli jemaah/Qaryah berkenaan. Dalam menentukan sama ada bayaran pampasan diberi secara tunai atau budi bicara agensi membaik pulih bangunan masjid

⁴⁹ Megat Mohd Ghazali Megat Abd Rahman, Asiah Othman (2006), "Pembangunan Tanah Wakaf: Isu, Prospek dan Strategi", (*Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006*, Anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, di Hotel Legend Kuala Lumpur, Pada 12-14 September 2006), hlm.3.

⁵⁰ Ibid., hlm.4.

⁵¹ Nik Mohd Zain bin Haji Yusof, Azimuddin bin Bahari (1999), op. cit., hlm.147.

atau surau yang terlibat adalah dirujuk terlebih dahulu kepada ahli jawatankuasa masjid berkenaan dan mendapat persetujuan MAIN. Kebiasaannya tapak masjid akan dibayar dengan wang pampasan, tetapi bangunan masjid atau surau yang terlibat sebahagian atau keseluruhan akan dibaik pulih oleh agensi yang mengambil tanah tersebut bergantung kepada budi bicara kedua-dua belah pihak. Pengambilan yang melibatkan tanah yang masih mempunyai status rizab awam untuk kegunaan tapak masjid, surau dan kubur yang dikawal selia oleh Jabatan Agama Islam Negeri tidak akan dibayar pampasan kepada MAIN. Tanah jenis ini adalah tanah tidak bermilik dan masih menjadi hak milik Kerajaan sepenuhnya. Pada dasarnya, pihak Kerajaan tidak perlu membayar pampasan kepada mana-mana pihak yang menuntut kepentingan ke atas tanah tersebut. Namun demikian terdapat juga perbezaan antara negeri-negeri di Malaysia dari segi amalan dan pelaksanaan bergantung kepada pentadbiran tanah di negeri masing-masing.

Di negeri Johor tanah rizab untuk aktiviti keagamaan disahkan sebagai wakaf. Oleh itu, jika tanah-tanah ini terlibat dengan pengambilan bayaran pampasan turut dibayar kepada MAIJ sebagaimana tanah wakaf yang lain. Di negeri-negeri lain seperti Melaka, Kedah dan Terengganu kebanyakannya tidak dipohon semula oleh MAIN dan masih kekal dengan status tanah Kerajaan. Maka tanah-tanah wakaf jenis ini tidak dianggap sebagai tanah wakaf di sisi undang-undang, sekalipun Majlis Fatwa membuat keputusan bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf.⁵² Bayaran pampasan tidak akan dibayar dan tanah-tanah jenis ini dianggap sebagai tanah Kerajaan yang tidak mempunyai hak milik, melainkan setelah MAIN membuat permohonan dengan membuat pendaftaran hak milik. Sekalipun pembayaran pampasan dibuat kepada pihak berkenaan ia bergantung sepenuhnya kepada agensi yang terlibat atas dasar pertimbangan dan ihsan mereka.⁵³ Ini berikutan dari segi undang-undang tanah negara, keperluan kepada pembayaran pampasan bagi kategori tanah yang

⁵² Ruj: (102) dlm. JMKN (F) 602 Jld.8. Surat daripada Jabatan Mufti ini adalah jawapan kepada persoalan permohonan fatwa tentang pengambilan tanah, meroboh struktur masjid, surau dan pemindahan kubur Islam kepada Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Reka Bentuk Jalan Jabatan Kerjaraya Malaysia (JKR), pada 11hb. Julai 2005.

⁵³ Temubual: En. Ibrahim b. Said, Pentadbir Kanan Pejabat Tanah Daerah Muar, pada 10/12/2005, di Pejabat Tanah Daerah Muar.

dinyatakan ini tidak diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang tanah negara.⁵⁴

Di negeri Melaka,⁵⁵ di atas pertimbangan dan budi bicara pentadbir tanah mana-mana tanah wakaf yang tidak atau belum didaftarkan di bawah MAIM jika terlibat dengan pengambilan, pihak MAIM akan dihubungi terlebih dahulu untuk mendaftar tanah tersebut sebelum pengambilan dibuat.⁵⁶ Untuk perancangan jangka panjang bagi mengelakkan tanah wakaf yang tidak didaftarkan di bawah MAIM tidak dibayar pampasan jika berlakunya pengambilan, MAIM telah mengambil pendekatan proaktif menjalankan usaha sama dengan pentadbir tanah di setiap daerah bagi mendaftarkan semua tanah wakaf yang berada di seluruh negeri Melaka.⁵⁷ Tanah-tanah ini sama ada terdiri daripada tanah tapak masjid, surau, kubur dan hak milik individu yang belum dipindah milik akan dibuat permohonan semula kepada Kerajaan untuk dipindahmilik kepada MAIM. Menurut pegawai wakaf yang terlibat, setelah usaha ini dibuat semua tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan tanah di negeri Melaka telah dibayar pampasan kepada MAIM, berbeza dengan amalan sebelum ini.⁵⁸ Inisiatif ini diambil memandangkan sebahagian besar tanah-tanah wakaf di negeri Melaka belum dipindah milik secara sah kepada MAIM.

Di negeri Kedah, terdapat sekurang-kurang 25 lot tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan. Daripada jumlah tersebut, hanya 16 lot sahaja yang dibayar pampasan oleh Kerajaan. Selebihnya 9 lot lagi yang diambil oleh

⁵⁴ Di negeri Kedah tanah wakaf tapak masjid, surau dan kubur yang masih mempunyai status R/C (*Rezab Certificate*) telah diganti dengan tanah lain berdasarkan pertimbangan dan budi bi cara agensi yang mengambil tanah, bukannya pentadbir tanah dan peruntukan undang-undang.

⁵⁵ Temubual: Cik Ruhaizah bt. Abbas, Penolong Ketua Unit Wakaf MAIM, pada 15/11/2005, di Pejabat Majlis Agama Islam Melaka.

⁵⁶ Di Pulau Pinang juga para pegawai akan menghubungi MAIPP terlebih dahulu agar memohon tanah yang terlibat diletakkan di bawah kawalan MAIPP sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf. Bayaran pampasan akan dibuat kepada MAIPP. Temubual: En. Fakhruddin b. Abd Rahman, Ketua Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, pada 24/11/2005, di Pejabat Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

⁵⁷ Temubual: Cik Ruhaizah bt. Abbas, Penolong Ketua Unit Wakaf MAIM, pada 15/11/2005, di Pejabat Majlis Agama Islam Melaka.

⁵⁸ Temubual: Cik Ruhaizah bt. Abbas, Penolong Ketua Unit Wakaf MAIM, pada 15/11/2005, di Pejabat Majlis Agama Islam Melaka.

Kerajaan tidak dibayar pampasan kerana masih mempunyai status *Rezab Certificate* (R/C). Tanah-tanah ini adalah jenis wakaf tapak masjid dan kubur. Amalan ini menepati dengan prosedur undang-undang tanah di Malaysia, bahawa PBN berhak tidak membayar pampasan atau menggantikannya dengan tanah yang lain kerana ia bukan tanah diberi milik. Peruntukan KTN dan APT 1960 ini bertentangan dengan keputusan fatwa yang dibuat pada 21 Julai 2005 oleh Jabatan Mufti Negeri Kedah.⁵⁹ Daripada 25 lot tanah wakaf yang diambil terdapat 4 lot yang digunakan untuk tapak masjid, 2 lot tapak surau dan 5 lot tanah kubur yang terlibat dengan pengambilan untuk tujuan menaik taraf jalan laluan K10 dari Pekan Gurun ke Pekan Sik. Tanah wakaf masjid tersebut ialah Masjid Batu 3, Masjid Batu 9, Masjid Pekan Sik dan Masjid Batu 5. Manakala 2 lot tapak surau ialah Surau Charok Pelandok dan Surau Carok Padang. Sebahagian besar daripada 6 lot tanah wakaf kubur tersebut adalah tanah kubur yang berada di kawasan yang sama dengan masjid, kecuali satu lot yang berasingan iaitu perkuburan Sungai Pau. Tanah-tanah ini sebahagian besarnya masih mempunyai status tanah Kerajaan yang diletakkan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, kecuali satu sahaja di Lot 1135 yang mempunyai status tanah beri milik.⁶⁰

Oleh kerana tanah ini adalah hak milik Kerajaan yang hanya diletakkan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, maka akta tidak memperuntukkan perintah pembayaran pampasan kepada MAIK. PBN terpaksa mengambil tanah tersebut tanpa perlu menggantikan dengan wang pampasan, sekalipun mendapat bantahan daripada ahli jawatankuasa masjid dan surau berkenaan dan juga tuntutan daripada MAIK. Persoalan tentang pihak Kerajaan mengambil tanah wakaf orang Islam tanpa membayar pampasan atau tidak menggantikan dengan tanah yang lain sebagai tidak prihatin terhadap tanah tapak masjid dan surau orang Islam adalah tidak timbul sama sekali. Tindakan Kerajaan ini menepati dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan⁶¹ dan tidak melanggar prinsip serta peraturan yang diperuntukkan dalam APT 1960.⁶²

⁵⁹ Keputusan Fatwa: "*Dicadangkan tapak-tapak serta pagar-pegar yang terlibat dengan pengambilan hendaklah diganti ke kawasan lain dengan keluasan yang sama, manakala pagar-pegar yang terlibat itu hendaklah dibina pagar yang baru yang lebih selamat untuk ahli jemaah dan penduduk sekitar. Manakala tanah perkuburan yang terlibat dicadangkan diganti dengan keluasan yang sama.*" Rujuk (102) dlm. JMKN (F) 602 Jld.8.

⁶⁰ Sumber: Fail Pengambilan Tanah Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) 2005.

⁶¹ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 13.

⁶² Akta Pengambilan Tanah 1960, Seksyen 3.

Jadual 8: Senarai Tanah-Tanah Wakaf Masjid, Surau Dan Perkuburan Islam Di Negeri Kedah Yang Terlibat Dengan Pengambilan Tanah Tidak Dibayar Pampasan

BIL.	NO/ LOT	JENIS TANAH	HAK MILIK	LUAS LOT	KELUASAN DIAMBIL (Hektar)
1	5377 R/C 35	Masjid & Kubur Batu 3	SUK Kedah	0.5321 hek	0.2916
2	781 R/C 228	Masjid & Kubur Batu 9	MAIK	0.4218 hek	0.0414
3	10477 R/C 64	Kubur Sg. Pau	SUK Kedah	1.4619 hek	0.4112
4	6990	Surau Charok Pelandok	Tanah Kerajaan	1.7687 hek	0.0065
5	6991	Kubur Charok Pelandok	Tanah Kerajaan	1.4812 hek	0.1269
6	1135 GM6508	Surau Charok Padang	Hj. Isa Hj. Taib Ismail Che Mat Ramli Hj Ismail	1.0898 hek	0.1063
7	3233 R/C 35	Masjid Pekan Sik	SUK Kedah	1.3354 hek	0.0276
8	3234 R/C 35	Kubur Pekan Sik	SUK Kedah	0.1087 hek	0.0767
9		Masjid Batu 5	MAIK	-	Belum diwartakan

Sumber: Fail Pengambilan Tanah Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) 2005

Namun di atas dasar pertimbangan dan budi bicara antara MAIK dengan agensi terbabit iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), beberapa alternatif dan langkah susulan telah diadakan. Perbincangan demi perbincangan telah dibuat oleh MAIK untuk mempertahankan tanah wakaf agar dibayar pampasan dan dibuat penggantian. Hasil daripada perbincangan antara Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah, Pegawai Wakaf MAIK, ahli jawatankuasa masjid yang terlibat, wakil *consultant* dan wakil JKR Kuala Muda Sik Kedah, bayaran

pampasan tidak akan diberikan dalam bentuk wang, tetapi digantikan dengan tanah yang lain dan JKR akan membaik pulih segala kerosakan akibat daripada pengambilan tanah seperti pagar masjid, tandas dan tempat letak kenderaan.

Di Terengganu, banyak tanah wakaf yang berbentuk tapak masjid, surau dan kubur masih belum didaftarkan kepada MAIDAM tetapi diletak di bawah seliaan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. Sekiranya tanah yang dikawal selia oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama ini diambil oleh Kerajaan bagi tujuan umum, MAIDAM tidak berhak membuat sebarang tuntutan bayaran pampasan dan tanah-tanah ini tidak dikategorikan sebagai tanah wakaf walaupun digunakan untuk tujuan umum seperti masjid, surau, kubur dan sekolah agama. Senarai tanah-tanah ini berada di Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Terengganu di dalam buku KSB.⁶³

Pada tahun 1996, berlaku pengambilan ke atas tanah Lot 3791 (Lot lama 2230) bagi melebarkan Jalan Sultan Zainal Abidin Bandar Terengganu yang melibatkan keluasan 220 mp daripada keluasan 1125 mp. Pihak Kerajaan tidak membayar pampasan kepada MAIDAM kerana pengambilan melibatkan tanah Kerajaan. Namun begitu Kerajaan ada memberi wang saguhati untuk menanggung kos membaik pulih bangunan kepada MAIDAM untuk diganti bangunan baru. Kes yang sama turut berlaku di kampung Beruas di mana pihak Kerajaan hanya mengeluarkan kos tanggungan membaiki surau berkenaan.⁶⁴ Bagi membolehkan MAIDAM dapat membuat tuntutan wang pampasan sekiranya berlaku pengambilan tanah, MAIDAM hendaklah memohon persetujuan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama⁶⁵ agar tanah-tanah yang dinyatakan ini dibatalkan status perizaban dan diberi milik kepada MAIDAM. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu tidak mempunyai bidang

⁶³ Temubual: Encik Rosli b. Yusof, Pegawai Bahagian Penempatan, pada 15/5/200, di Pejabat Majlis Agama Islam Terengganu.

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ Pengarah Tanah dan Galian Terengganu telah mencadangkan supaya pemberimilikan tanah tapak masjid, kubur dan surau kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu melalui rundingan dengan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu. Lihat Surat Pekeliling kepada Semua Pejabat Tanah Terengganu dan MAIDAM, bertarikh 24 Januari 2000, PTG. TR.00/66/1994/001-(37).

kuasa untuk memberi milik kepada MAIDAM tanpa mendapat persetujuan dan rundingan dengan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama terlebih dahulu. Permohonan ini membolehkan pertukaran status tanah sebagai rizab awam kepada status hak milik MAIDAM dan diletakkan di bawah kawalan MAIDAM selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf. Pejabat tanah tidak berhak untuk membuat bantahan sekiranya ia telah mendapat persetujuan daripada Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama. Keputusan pertukaran hak milik ini adalah bergantung sepenuhnya kepada persetujuan Pesuruhjaya Agama negeri berkenaan.

Prosedur ini bertentangan dengan fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu,⁶⁶ iaitu semua tanah Kerajaan yang digunakan bagi tujuan/aktiviti keagamaan hukumnya adalah sama seperti tanah wakaf. Tanah ini boleh diambil oleh Kerajaan dengan syarat dibayar pampasan dan MAIN hendaklah berusaha mendapatkan gantian di atas bahagian yang telah diambil tersebut.⁶⁷ Walaupun demikian, di negeri Terengganu telah berlaku beberapa kes pengambilan tanah yang melibatkan tanah Kerajaan yang diwartakan di bawah Seksyen 62 KTN, pampasan juga dibayar kepada MAIDAM dan pandangan mufti diterima pakai oleh Kerajaan Negeri. Antara contoh kes yang telah dibuat keputusan adalah seperti:⁶⁸

- i. Lot 2357 dan 915 Mukim Bandar Kuala Terengganu (tapak perkuburan);
- ii. Lot 2717 Mukim Bandar Kuala Terengganu(Tapak Surau Tanjung); dan
- iii. Lot 2018 Mukim Bandar Kuala Terengganu (Tanah Perkuburan Tok Pelam).

⁶⁶Dato' Sahibul Samahah Mufti telah memberikan pandangan sebagai menjawab pertanyaan Pentadbir Tanah Kuala Terengganu bahawa tanah untuk kegunaan keagamaan yang terlibat dengan pengambilan hendaklah dibayar pampasan sama ada tanah tersebut didaftarkan atas nama Majlis atau sebaliknya. Ruj. MAIDAM 03-003/4 (28).

⁶⁷<http://infad.kuim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=2092>, 20 Januari 2006. Fatwa tanah kurnian Kerajaan adalah dikategorikan sebagai tanah wakaf.

⁶⁸ Lihat: Fail Pengambilan MAIDAM 03-003/4-(34) tahun 2000.

Bagi tanah wakaf yang masih kekal dengan nama pewakaf atau tanah yang ditadbir dan diamanahkan kepada pihak-pihak tertentu atau orang perseorangan seperti imam, ahli jawatankuasa masjid, ketua kampung dan lain-lain selain MAIN, bayaran pampasan akan diberikan kepada pemilik tanah tersebut sama ada kepada pewakaf atau ahli waris lain yang mewarisi tanah tersebut. Ini berikutan tanah-tanah tersebut tidak didaftar, atau dipindah milik kepada MAIN dan tidak juga diserahkan kepada Kerajaan untuk dipohon semula oleh MAIN atau didaftarkan sebagai tanah rizab awam.

KES-KES PERTIKAIAN BERKAITAN PENDAFTARAN TANAH

Dalam kes pembahagian wang pampasan terdapat juga kes-kes perebutan wang yang berlaku antara pihak-pihak yang berkepentingan disebabkan oleh tanah wakaf yang tidak didaftarkan kepada MAIN. Ini kerana pihak Kerajaan telah membayar pampasan kepada pewakaf atau ahli waris yang dianggap sebagai pemilik yang sah. Di negeri Kedah, sebahagian lot tanah wakaf 11609 SPK 5134⁶⁹ milik Allahyarham Haji Ibrahim b. Tahir yang diwakafkan pada 14 Oktober 1986 telah terlibat dengan pengambilan tanah oleh Kerajaan untuk tujuan pembesaran jalan Pekan Gurun ke Pekan Sik. Pihak Pentadbiran MAIK mendapati anak pewakaf iaitu Tuan Hj. Mustaffa b. Ibrahim telah menerima wang pampasan berjumlah RM42,607.10 kerana beliau adalah pemilik yang sah berdasarkan dokumen hak milik. MAIK membuat permohonan kepada anak pewakaf supaya wang pampasan yang diterima itu hendaklah diserahkan kepada MAIK untuk membeli tanah lain sebagai ganti yang mempunyai nilai yang sama atau lebih baik daripada itu. Anak kepada pewakaf tersebut iaitu Tuan Hj. Mustaffa telah bersetuju menyerahkan kembali wang pampasan kepada MAIK untuk diuruskan secara lebih sistematik.

Selain kes di atas, terdapat juga kes tanah wakaf jenis tapak surau di Sungai Petani⁷⁰ yang tidak didaftar di atas nama MAIK dan tanah tersebut telah terlibat dengan pengambilan oleh Kerajaan. Ahli waris adalah pihak berkepentingan

⁶⁹ Temubual: En. Ahmad Zaki b. Ghazali, Pegawai Wakaf MAIK, Pada 22/11/2005, di Pejabat MAIK.

⁷⁰ *Ibid.*

yang layak untuk menerima wang pampasan sebanyak RM8,000.00 kerana nama MAIK tidak terdapat dalam dokumen hak milik tanah tersebut. MAIK telah membuat bantahan kepada ahli waris pewakaf dan mengadakan rundingan dengan JKR agar wang pampasan tidak diserahkan kepada ahli waris. MAIK mencadangkan kepada JKR supaya beberapa alternatif diambil sama ada JKR tidak menyerahkan wang pampasan kepada ahli waris, sebaliknya menggantikan tanah lain dengan cara pembelian tanah milik di kawasan yang berhampiran surau berkenaan. Pihak JKR juga bersetuju tidak akan merobohkan surau selagi tidak diganti dengan surau yang lain. Jika diserahkan wang pampasan kepada ahli waris, mereka hendaklah menyerahkan kembali kepada MAIK untuk diuruskan oleh badan ini, atau mereka sendiri hendaklah menguruskan penggantian tanah lain dengan wang pampasan yang diberikan kepada mereka.

Di Melaka kes perebutan wang pampasan ini berlaku di tanah wakaf Lot 586 Mukim Duyung, Daerah Melaka Tengah. Pertikaian ini berlaku antara ahli waris dengan Ahli Jawatankuasa Surau Jambatan Duyung yang berbeza fahaman politik telah menuntut wang pampasan agar dibayar kepada mereka. Menurut Pengerusi Surau Jambatan Duyung, tanah tersebut telah diwakafkan secara lisan tetapi tidak menjalani proses pendaftaran hak milik kepada MAIM. Menurut AJK surau Jambatan Duyung lagi, pembinaan surau di atas tanah tersebut telah pun mendapat keizinan dan kebenaran daripada pemilik asal tanah untuk kegunaan surau. Ahli waris telah menafikan bahawa tanah itu telah didaftarkan sebagai tanah wakaf. Menurut penama di dalam geran tersebut Hussein Doss b. Mohamad dan Jawiah bt. Mat, tanah Lot 586 Mukim Duyung adalah tanah hak milik persendirian. Ahli waris juga telah membantah pelantikan ahli jawatankuasa surau dan tidak pernah mengiktiraf penubuhan ahli jawatankuasa tersebut. Tanah ini kemudiannya telah dijual kepada orang lain tanpa dimaklumkan terlebih dahulu kepada ahli jawatankuasa surau, termasuk juga tapak surau yang berada di atas tanah yang sama. Manakala tuan tanah yang baru bersetuju untuk mewakafkan sebahagian tanah ini untuk pembinaan surau lain. Ahli waris memohon kepada MAIM supaya menolak sebarang tuntutan daripada mana-mana pihak lain yang dianggap sebagai tidak berasas. Ahli waris turut menjelaskan bahawa beliau tidak pernah melantik mana-mana ahli jawatankuasa bagi mentadbir surau tersebut. Pada dasarnya, ahli waris

yang membangkang keputusan ahli jawatankuasa surau tersebut bukanlah berhasrat untuk mendapatkan wang pampasan tersebut tetapi ingin menguruskan surau berkenaan secara bersendirian. Apa yang difahamkan ahli waris ingin mendapatkan wang pampasan tersebut untuk membeli tanah lain dan menggantikan surau yang telah dirobohkan. Ahli Jawatankuasa Surau pula tidak memaklumkan terlebih dahulu kepada MAIM untuk mendapat tindakan yang selanjutnya iaitu mendapatkan pengesahan tentang status atau kedudukan tanah yang belum ditukar hak milik.

Oleh itu, tanah tapak surau ini masih lagi menjadi hak milik individu dan dikawal oleh orang perseorangan. Setelah berlakunya pengambilan tanah oleh Kerajaan bagi tujuan membaik pulih dan menaik taraf jalan Muar-Melaka-Alor Gajah-Simpang 4, maka isu hak milik timbul apabila Kerajaan ingin membayar pampasan kepada pihak yang berkepentingan ke atas tanah tersebut. Berdasarkan kepada APT 1960, hanya pemilik yang tertera di dokumen hak milik sahaja yang dianggap sebagai pemilik yang sah dan pihak yang layak menerima pampasan. Oleh kerana pewakaf telah meninggal dunia maka tuntutan hak si mati hendaklah diselesaikan terlebih dahulu di Pejabat Pusaka Kecil. Hasil pampasan tidak dapat dikeluarkan kepada mana-mana pihak memandangkan ia belum dapat dikenal pasti pemilik sebenar tanah tersebut dan tidak ada mana-mana pihak yang dapat membuktikannya hak milik mereka. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada APT 1960,⁷¹ selepas sesuatu notis anugerah dalam Borang H telah disampaikan mengikut prosedur yang ditetapkan⁷² kepada semua orang yang berkepentingan, pentadbir tanah hendaklah dengan seberapa segera membayar setiap amaun yang dianugerahkan kepada orang yang berhak menerimanya melainkan jika terdapat beberapa perkara berikut:

- a) Tidak ada seorang pun yang kompeten menerima bayaran itu;
- b) Orang yang berhak menerima bayaran itu tidak bersetuju menerima amaun yang dianugerahkan; dan
- c) Terdapat pertikaian tentang hak atau hak milik orang yang menerima pampasan tersebut.

⁷¹ Akta Pengambilan Tanah 1960, Seksyen 29(1) dan (2).

⁷² *Ibid.*, Seksyen 53.

Dalam hal ini, jika tidak ada pihak yang dapat membuktikan hak milik mereka, pentadbir tanah dengan kuasanya boleh membuat permohonan *ex-parte* kepada Pendaftar Mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi menandatangani wang pampasan. Selain menandatangani wang pampasan di Mahkamah Tinggi, pentadbir tanah boleh menyimpan wang pampasan di Amanah Raya Berhad. Bagi mendapatkan wang pampasan yang didepositkan di Mahkamah Tinggi, ahli waris hendaklah mengemukakan perintah pembahagian harta pusaka kecil atau Surat Kuasa Mentadbir kepada pentadbir tanah. Seterusnya pentadbir tanah akan mengemukakan *afidavit* kepada pendaftar mahkamah untuk mendapatkan cek wang pampasan. Jika wang pampasan didepositkan di Amanah Raya Berhad ahli waris hendaklah mengemukakan perintah pembahagian harta pusaka kecil atau Surat Kuasa Mentadbir kepada pengurus Amanah Raya Berhad. Amanah Raya Berhad akan menyediakan cek wang pampasan kepada ahli waris yang menuntut. Sehingga kajian ini dibuat, wang pampasan yang dianugerahkan masih tersimpan di mahkamah. Anugerah ini akan diberikan setelah pihak-pihak yang berkepentingan dapat mengemukakan pembuktian hak milik masing-masing.

Kes perebutan wang pampasan juga berlaku di negeri Terengganu. Di dalam kes ini⁷³ Encik Wahab b. Hassan (defenden) telah membuat tuntutan kepada MAIDAM (plantif) sebanyak RM5,040.00 dengan alasan beliau telah menanam pokok-pokok duku dan pokok pisang yang ditebang bagi laluan *High-Tension* LLN atas tanah wakaf Lot 1300 Mukim Serada. Tanah ini adalah wakaf al-Marhum Baginda seluas 1.287 ekar yang diserahkan kepada MAIDAM untuk menjadi pemegang amanah. Tanah ini pada asalnya telah diberi sewa oleh bapanya atas arahan Hj. Da, bekas Setiausaha Pejabat Agama, sejak tahun 1968-1984 dengan kadar sewa RM10.00 setahun. Kemudian tanah ini disewa pula oleh En. Wahab b. Hassan atas dasar menyewa tanah dusun, tanpa melalui sebarang surat perjanjian. Di atas tanah ini terdapat 3 buah rumah kepunyaan En. Wahab b. Hassan, anak/menantunya dan ibunya. Pembinaan rumah ini tidak mendapat kelulusan bertulis daripada MAIDAM.

⁷³ Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu. Kes Mal. NO.41-005-1-999 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Iwn. Wahab b. Hassab dan 4 lagi.

Pada 31 Mei 1982, Pentadbir Tanah Negeri Terengganu telah mengisytiharkan bahawa LLN akan memasuki tanah ini untuk membersihkan dan menebang pokok yang melibatkan keluasan 0.516 ekar. Pihak LLN akan membayar ganti rugi sebanyak RM14,568.00. En. Wahab b. Hassan telah menuntut sebahagian daripada bayaran ganti rugi dengan alasan pokok duku yang ditebang itu adalah hasil pokok yang ditanamnya sendiri. Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEUT) telah mengarahkan pentadbir tanah agar semua bayaran ganti rugi hendaklah diserahkan kepada JHEUT sebagai pengawal semua tanah wakaf. Plantif mengakui bahawa ada kebenarannya semasa arwahnya mendiami tanah tersebut terdapat beberapa pokok duku yang sudah tua dan tinggal beberapa pokok lagi. Setiausaha Majlis telah mengarahkan arwah menanam pokok-pokok yang baru bagi menggantikan pokok yang lama. Di atas dasar pertimbangan plantif bersetuju membayar wang saguhati kepada defendan sebanyak RM1,000.00.

Daripada beberapa kes yang dikemukakan menunjukkan bahawa tanah wakaf yang belum ditukar milik kepada MAIN, sekiranya berlaku pengambilan bayaran pampasan akan dibayar kepada pihak yang namanya didaftarkan di dalam dokumen hak milik, sekalipun ia adalah tanah wakaf untuk kegunaan tapak masjid, surau atau kubur. MAIN tidak mempunyai autoriti untuk menuntut hak pampasan atau selainnya jika membabitkan geran tanah di atas nama individu tertentu. Dari segi undang-undang tanah di Malaysia, tanah tersebut adalah milik mutlak ahli waris pewakaf yang boleh diwarisi sama ada secara faraid, wasiat atau hibah. MAIN atau mana-mana pihak yang menguruskan tanah wakaf berkenaan tidak berhak membuat sebarang tuntutan terhadap wang pampasan yang diterima oleh pemilik tanah. Maka terletak hak kepada budi bicara ahli waris sama untuk menyerahkan kembali wang pampasan kepada MAIN atau difaraidkan kepada ahli waris yang lain atau diuruskan penggantian dengan tanah lain. Apa yang jelas, pertimbangan dan keputusan yang dibuat oleh pentadbir tanah adalah bergantung sepenuhnya kepada apa yang diperuntukkan di dalam akta. Namun terdapat juga keputusan yang dibuat oleh pentadbir tanah atas pertimbangan dan budi bicara demi menjaga kemaslahatan orang Islam.

Daripada beberapa kes yang dikemukakan berkaitan isu bayaran pampasan ini didapati kebanyakan kes berbangkit adalah disebabkan oleh masalah pendaftaran tanah wakaf dan tidak ada hubungan dua hala antara pihak MAIN dengan pentadbir tanah. Sebagai contoh di Terengganu pihak Kerajaan secara sengaja meletakkan tanah jenis tapak kubur dan masjid di bawah kawalan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam Terengganu dan bukannya di bawah MAIDAM.⁷⁴ Masalah yang timbul ialah jika berlaku pengambilan, tanah-tanah ini boleh diambil pada bila-bila masa dan tidak ada halangan dari segi undang-undang sama ada melibatkan tapak kubur/ masjid orang Islam atau bukan Islam. Tambahan pula Kerajaan tidak perlu mengeluarkan wang untuk membayar pampasan kepada mana-mana pemegang amanah. Kajian kes menunjukkan banyak tanah yang dimaksudkan ini terdedah kepada pengambilan tanah terutama melibatkan tanah-tanah wakaf khas yang melibatkan tapak masjid/ surau dan kubur sebagaimana yang berlaku di negeri Kedah. Dalam hal ini sepatutnya MAIN boleh mendapat wang pampasan dan wang tersebut boleh dibeli tanah yang lain sebagai ganti. Secara tidak langsung dengan cara ini boleh menambahkan jumlah hartanah orang Islam.

Di negeri Kedah, Jabatan Mufti mengakui bahawa adalah menjadi satu kesilapan kepada MAIK kerana tidak membuat penyemakan dan pendaftaran tanah-tanah wakaf masjid dan kubur di Pejabat Tanah.⁷⁵ Menurut Pegawai Tadbir Wakaf MAIK, walaupun tanah ini tidak didaftarkan kepada MAIK, namun selaku orang Islam sewajarnya pihak pentadbir tanah agak terbuka kerana ia membabitkan harta umum dan manfaat untuk semua orang Islam. Apa yang diharapkan adalah sekurang-kurangnya pihak pentadbir tanah membuat rujukan terlebih dahulu kepada MAIK dan membuat rundingan dan menerima pandangan MAIK sebelum pengambilan tanah tersebut dibuat.⁷⁶

⁷⁴ Tanah-tanah jenis tapak kubur dan masjid dikatakan tidak mendatangkan hasil kepada MAIN. Oleh itu Pentadbir Tanah mencadangkan agar tanah-tanah ini diletakkan di bawah kawalan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam Terengganu bagi mengelakkan MAIDAM terbeban dengan cukai tanah yang dikenakan oleh Kerajaan, dan ini secara tidak langsung merugikan MAIDAM untuk tempoh jangka panjang. Cadangan ini tidak dipersetujui oleh MAIDAM. Lihat: Minit Mesyuarat MAIDAM kali ke-13 pada 7 Ogos 2000.

⁷⁵ Temubual: Y.Bhg. Dato' Paduka Syeikh Hazbullah b. Hj. Abdul Halim, Mufti Kerajan Negeri Kedah, pada 24/11/2005, di Pejabat Mufti Alor Star Kedah.

⁷⁶ Temubual : En. Ahmad Zaki b. Ghazali, Pegawai Wakaf MAIK, Pada 22/11/2005, di Pejabat MAIK.

PENUTUP

Isu pendaftaran tanah wakaf tidak boleh dipandang remeh oleh MAIN. Ini kerana sistem *Torrens* yang diamalkan di Malaysia bahawa hak milik seseorang yang tidak boleh disangkal adalah merujuk kepada tuan tanah yang didaftarkan nama mereka di dalam dokumen pendaftaran. Pendaftaran tanah wakaf sama ada Wakaf Khas, Am dan Zuriat hendaklah dilakukan dengan tindakan segera. Kesan pendaftaran ini MAIN tidak akan berhadapan dengan tuntutan tak berbayar oleh PBN dan juga pertikaian tuntutan wang pampasan dengan ahli waris pewakaf apabila berlakunya pengambilan tanah oleh Kerajaan. Tanah-tanah wakaf orang-orang Islam yang didaftarkan di atas nama Majlis sebagai pemegang amanah hendaklah disahkan di atas geran hak milik tanah berkenaan dengan perkataan "Tanah Wakaf", bagi mengelakkan kekeliruan antara tanah wakaf dengan tanah-tanah lain seperti tanah Baitumal, pusaka dan lain-lain, terutama semasa proses *Istibdal*.

MAIN hendaklah mengadakan siasatan ke atas semua tanah-tanah yang didakwa sebagai wakaf seperti tanah wakaf yang belum ditukar milik, tapak masjid, surau dan kubur. MAIN tidak boleh mengambil sikap tunggu dan lihat sahaja, dan berseorangan dalam hal ini. Kerjasama dengan Pejabat Tanah Daerah (PTD) boleh membantu MAIN mengetahui lot-lot tanah wakaf yang. Selain itu, melalui sokongan ahli waris, pemegang amanah, ahli jawatankuasa masjid, penghulu kampung dan orang ramai boleh membantu usaha murni MAIN ini.

RUJUKAN

Baharuddin Sayin (1998), "Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf di Semenanjung Malaysia", *Jurnal Fikrah*, Jld.1, Januari 1998, Pusat Pendidikan Persediaan, Institut Teknologi MARA.

Mohd Yusop b. Yahya (1999), "Pengurusan Tanah Wakaf di Perak: Amalan dan Perancangan," dalam Nik Mustapha Nik Hassan *et. al.* (ed), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Manual Pengurusan Wakaf Negeri Kedah dan Manual Pengurusan Tanah Wakaf (2006), Cet.1, Kuala Lumpur: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

Manual Kanun Tanah Negara(2003), Diterbitkan oleh Koperasi Pegawai Pentadbiran dan Pengurusan Tanah Malaysia Berhad (KPPPTMB).

Megat Mohd Ghazali Megat Abd Rahman, Asiah Othman (2006), "Pembangunan Tanah Wakaf: Isu, Prospek dan Stategi", (*Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006*, Anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, di Hotel Legend Kuala Lumpur, Pada 12-14 September 2006).

Mustafa Abdul Rahman (1981), "Kedudukan Harta Wakaf Seluruh Malaysia", dalam *Journal MASA*, Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, bil.3

Nik Mohd Zain bin Hj Nik Yusof (1999), "Prosedur Pendaftaran Tanah Wakaf di Bawah Kanun Tanah Negara", (Kertas Kerja Seminar Institusi Wakaf Menuju ke Arah Baru, Anjuran Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor, Pada 8 Julai 1999), hlm.1

Nik Mohd Zain Haji Nik Yusof, Azimuddin bin Bahari (1999), "Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian", dalam Nik Mustapha Nik Hassan *et al.* (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, cet.1, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Salleh Buang (2003), "*Kanun Tanah Negara 1965 dan Pelbagai Undang-Undang Berkaitan Tanah: Satu Tinjauan*", Seminar Pentadbiran dan Perundangan Tanah Untuk Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia, 15-16 Disember 2003, Institut Tanah dan Ukur Negara.

Siti Mashitoh Mahamood (2006), "Undang-undang dan Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam di Malaysia", dalam Siti Mashitoh Mahamood *et. al.* (ed), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*, cet.1, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Siti Mashitoh Mahamod (2001), *Bagaimana Membuat Wakaf*, Siri Penerangan Undang-Undang Islam 6. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Siti Mashitoh (2004), "Pelupusan Tanah Di Bawah Pegangan Pajakan (*Leasehold*) Dalam Kanun Tanah Negara 1965: Implikasi Terhadap Status Tanah-tanah yang Diwakafkan", *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil.17, 2004, JAKIM.

Siti Mashitoh Mahamood (2002), *Pelaksanaan Istibdal dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia*, cet.1, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil.8/1999 Peletakhakan Berkanun Tanah Wakaf di bawah Kanun Tanah Negara, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

SENARAI STATUT

Perlembagaan Persekutuan

Akta Kanun Tanah Negara 1965

Akta Umur Dewasa 1971

Akta Pengambilan Tanah 1960

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Kedah (Bil.9/1962)

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Melaka (Bil.59/91)

Enakmen Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (Bil.12/1986)

Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983

TEMUBUAL

Y.Bhg. Dato' Paduka Syeikh Hazbullah b. Hj. Abdul Halim, Mufti Kerajaan Negeri Kedah, pada 24/11/2005, di Pejabat Mufti Alor Star Kedah.

En. Rahmat b. Abdullah, Ketua Penolong Pegawai Tanah, Johor Bharu, pada 6/12/2005, di Bangsar Kuala Lumpur.

En. Ahmad Zaki b. Ghazali, Pegawai Wakaf MAIK, Pada 22/11/2005, di Pejabat MAIK.

En. Mohd Fadhil b. Abdul Kadir, Pegawai Tadbir Tanah Daerah Alor Star Kedah, pada 22/11/2005, di Pejabat Tanah Daerah Alor Star.

En. Fakhruddin b. Abd Rahman, Ketua Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, pada 24/11/2005, di Pejabat Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP).

En. Suhaimi b. Ismail, Pegawai Wakaf, Majlis Agama Islam Selangor, pada 10/11/2006, di Pejabat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

En. Ridhuan b. Abd. Rahman melalui telefon, Pegawai Wakaf dan Baitulmal, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), pada 23/3/2006.

En. Mohd Fadilah b. Abdul Manaf, Pegawai Wakaf, Majlis Agama Islam Pahang (MAIP), pada 12/1/2006, di Pejabat Majlis Agama Islam Pahang.

En. Rohaizat b. Ali melalui telefon, Pegawai Wakaf, Majlis Agama Islam Perak (MAIP), pada 18/4/2006.

En. Ibrahim b. Said, Pentadbir Kanan Pejabat Tanah Daerah Muar, pada 10/12/2005, di Pejabat Tanah Daerah Muar.

En. Kamal Amran b. Kamaruddin melalui telefon, Pegawai Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), pada 22/2/2006.

Encik Rosli b. Yusof, Pegawai Bahagian Penempatan, pada 15/5/2006, di Pejabat Majlis Agama Islam Terengganu.

INTERNET

<http://infad.kuim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=2092> 20 Januari 2006.

SERAHKAN ZAKAT ANDA KEPADA PEMERINTAH: SATU SOROTAN DARI PERSPEKTIF SEJARAH DAN HUKUM SYARAK

Oleh:

Mursalin Daeng Maggangka¹

ABSTRAK

Artikel ini akan membincangkan salah satu bentuk amanah suci yang Allah S.W.T. telah tetapkan kepada pemimpin-pemimpin umat Islam atau pemerintah tentang kewajipan melaksanakan dan mentadbir harta-harta zakat di dalam negara atau wilayah yang dipimpinnnya menurut perspektif sejarah dan hukum syarak. Artikel ini cuba mengaitkan sebuah isu lama yang menurut pandangan penulis penting untuk dibangkitkan kembali supaya permasalahan ini segera dapat diselesaikan iaitu isu tidak patuhan dan keengganan oleh segelintir masyarakat kita di Malaysia untuk menyerahkan zakat kepada pemerintah atau perwakilan yang telah dilantik disebabkan oleh lemahnya penguatkuasaan undang-undang zakat yang sedia ada pada hari ini. Sehubungan dengan itu juga, isu agihan zakat yang masih lagi wujud diamalkan secara familiar dan perseorangan, di mana mereka cuba mengagihkan zakat secara sendiri-sendiri langsung kepada asnaf-asnaf yang mereka pilih atau kenali, padahal syarak tidak memberi mereka kuasa untuk mengagihkannya dengan cara tersebut. Permasalahan-permasalahan seperti ini berlaku mungkin disebabkan oleh kurangnya pengetahuan mereka tentang zakat dari sudut hukum-hakam syarak, hikmah, falsafah dan maqashid zakat itu sendiri.

Perkataan Teras : Zakat, Kutipan, Agihan, Syariat, Pemerintah

Klasifikasi JEL : Z45, S32, P70

¹ Penasihat Syari'ah Mu'amalat Atarek Kamil Ibrahim Islamic Accounting & Co. Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Penulis juga merupakan penuntut program Doktorat di Jabatan Fiqh Wa Al-Ushul, Fakulti Ilmu-ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Gombak.

PENDAHULUAN

Allah S.W.T. menurunkan agama Islam ke alam ini merupakan suatu rahmat bagi semua manusia. Keamanan, kedamaian dan kemakmuran merupakan cita-cita dan harapan bagi semua manusia di setiap zaman dan tempat. Oleh sebab itu, Allah S.W.T. telah memilih dan mengutus para nabi dan rasul untuk mengajak semua manusia agar menyembah Allah S.W.T. sahaja dan melaksanakan segala syariat Allah S.W.T. sehingga cita-cita dan harapan tersebut dapat dicapai. Antara syariat Allah S.W.T. yang menjadi rukun ketiga daripada rukun Islam yang lima adalah syariat zakat.

Zakat di dalam Islam merupakan suatu ibadah *maliyyah*, iaitu suatu ibadah dari segi harta benda yang menempati posisi terpenting di dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam kerana ia merupakan salah satu sumber utama pendapatan negara selain *ghanimah*, *fai*, *kharaj*, *jizyah* dan *'ushur*. Zakat bukanlah syariat yang baru, namun ia merupakan syariat yang telah lama dilaksanakan oleh umat-umat terdahulu sebelum kedatangan Nabi Muhammad S.A.W.

Pelaksanaan zakat di dalam Islam amatlah penting sehingga Islam menjadikannya sebagai syarat mutlak untuk menentukan keislaman seseorang (*maalum min al-din bi al-darurah*). Apabila seseorang telah memenuhi syarat wajib mengeluarkan zakat, maka hendaklah ia melaksanakan kewajipan tersebut supaya hartanya diberkati, jiwanya disucikan dan dihindari daripada azab Allah S.W.T. sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Kewajipan zakat di dalam syariat Islam pada dasarnya merupakan kewajipan perseorangan, namun di dalam pelaksanaannya ia merupakan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab penguasa atau pemerintah. Pemerintah bertanggungjawab di dalam mengatur pelaksanaan zakat agar pungutan dan agihan zakat tersebut dapat mencapai hasil yang maksima dan berkesan. Tanpa upaya tersebut, pemerintah boleh dianggap tidak bertanggungjawab di dalam pemerintahannya kerana ia telah mengabaikan urusan umat Islam.

Nabi Muhammad S.A.W. telah memberikan pelaksanaan tersebut, iaitu setelah Baginda berjaya mendirikan *daulah Islamiyyah* di Madinah. Baginda telah melantik beberapa orang sahabat sebagai petugas zakat kemudian membimbing, mengutus dan mengawasi mereka dalam aktiviti-aktiviti pemungutan dan pengagihan zakat sehingga pelaksanaan zakat pada zaman itu dapat berjalan dengan baik dan teratur. Setelah Baginda wafat, tugas dan tanggungjawab tersebut kemudian dilanjutkan oleh *khulafa al-rashidin* dan pemimpin-pemimpin Islam sesudah Baginda.

Kerajaan Islam Turki Uthmaniah yang jatuh ke tangan bangsa-bangsa asing pada tahun 1342H/1924M telah meninggalkan kesan yang amat buruk terhadap pelaksanaan zakat di beberapa negara Islam pada zaman ini. Pelaksanaan zakat yang sepatutnya diatur oleh undang-undang dan dikelola oleh pemerintah dengan baik dan teratur, tidak lagi dilaksanakan seperti pada zaman kegemilangan Islam dahulu. Akibatnya, sebahagian daripada umat Islam beranggapan bahawa pelaksanaan zakat tidak perlu melibatkan pemerintah, bahkan di antaranya ada yang beranggapan bahawa apabila seseorang telah menjelaskan bayaran cukai kepada negara maka ia telah terlepas dari kewajipan membayar zakat.²

DEFENISI BAHASA DAN SYARAK

Zakat dari segi bahasa, iaitu berasal daripada perkataan “*zaka*” yang bererti barakah, tumbuh, bersih dan baik. Dinamakan zakat kerana di dalamnya terkandung sebuah harapan untuk memperolehi keberkatan, kebersihan harta dan jiwa serta pelbagai bentuk kebajikan (*hasanat*).³ Manakala dari segi syarak, *Yusuf Al-Qardawi* telah memberikan pengertian iaitu sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah S.W.T. untuk diserahkan kepada orang-orang yang berhak.⁴

² Permasalahan ini sebenarnya telah dibahas dalam seminar zakat peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Majma' Al-Buhuth Al-Islamiyyah di Kaherah Mesir pada tahun 1965M. Hasil seminar tersebut memutuskan bahawa pembayaran cukai (daribah) untuk kemaslahatan negara tidak boleh menggugurkan kewajipan zakat.

³ Al-Sayyid Sabiq, *Fikih Sunnah*, Terj. Muhyidin Shaf, Victoria Agencie, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 1. Lihat juga Al-Shuyuyi, *Mu'jam Al-Munjid Fi Al-Lughah Wa Al-A'lam*, Dar Al-Mashriq, Beirut, 1992, hlm. 303.

⁴ Al-Qardawi, *Fiqh Al-Zakah*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 2003, hlm. 34.

Menurut pendapat yang masyhur, kewajipan zakat telah disyariatkan pada tahun kedua Hijrah (623M) di Madinah iaitu selepas turun kewajipan puasa dan zakat fitrah. Perkataan zakat di dalam Al-Quran selalu beriringan dengan perkataan solat, sehingga terdapat sebanyak 30 kali perkataan tersebut diulang-ulang. Sebuah pendapat lagi mengatakan bahawa perkataan zakat di dalam Al-Quran adalah berjumlah 82 perkataan. Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga dan pelaksanaannya telah ditetapkan menurut Al-Quran, As-Sunnah, *Al-Athar* dan *Al-Ijma'*.⁵

PELAKSANAAN ZAKAT OLEH PEMERINTAH

Allah S.W.T. mewajibkan umat Islam untuk melantik penguasa atau pemerintah dan mematuhi perintahnya. Kewajipan tersebut merupakan kesinambungan daripada sebuah fungsi kenabian yang dibawa oleh Baginda Rasulullah S.A.W. dan para nabi sebelumnya. Tujuannya adalah untuk menjaga agama Allah S.W.T. dan menciptakan kemaslahatan dan kemakmuran hidup bagi umat manusia di muka bumi ini.⁶

Firman Allah S.W.T.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا⁷

Maksudnya:

*“Wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu pada Rasulullah dan kepada uli al-amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul-Nya (As-Sunnah) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Demikian itu adalah lebih baik (bagimu) dan lebih elok pula kesudahannya”.*⁸

⁵ Ibid. hlm. 2.

⁶ Al-Mawardi, 1996, hlm. 15.

⁷ Al-Quran Al-Nisa' 4:59.

⁸ Semua terjemahan ayat-ayat Al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 2000).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: سَيَلِيكُم بَعْدِي وُلاةٌ، فَيَلِيكُم الْبِرُّ بِبِرِّهِ وَيَلِيكُمُ الْفَاجِرُ بِفُجُورِهِ، فَاسْمَعُوا لَهُمْ وَأَطِيعُوا فِي كُلِّ مَاوَأَفَقَ الْحَقِّ وَصَلُّوا وَرَاءَهُمْ، فَإِنْ أَحْسَنُوا فَلَكُمْ وَلَهُمْ، وَإِنْ أَسَاءُوا فَلَكُمْ وَعَلَيْهِمْ.⁹

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah R.A. berkata, Rasulullah S.A.W. bersabda: "Kamu sekalian dipimpin pada suatu masa selepasku oleh berbagai macam pemimpin. Maka pemimpin yang baik akan memimpin kamu sekalian dengan baik, pemimpin yang jahat akan memimpin kamu sekalian dengan jahat. Dengarkanlah dan taatlah kepada mereka selama kebijakan mereka selari dengan kebenaran dan solatlah di belakang mereka. Apabila mereka memimpin dengan baik, maka kamu sekalian akan mendapatkan kesejahteraan hidup dan mereka akan mendapatkan pahala. Apabila mereka memimpin dengan jahat maka kamu sekalian akan mendapatkan pahala (kesabaran) dan mereka akan mendapatkan dosa."

Setiap pemerintah mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap rakyat yang berada di bawah kekuasaannya, sama ada yang berkaitan dengan hak-hak terhadap rakyat mahupun yang berkaitan dengan hak-hak terhadap Allah S.W.T. Oleh itu, setiap pemerintah boleh menggunakan kedudukan dan kekuasaannya sama ada secara persuasif ataupun secara imperatif ke atas rakyatnya demi terciptanya kemaslahatan dan kemakmuran bagi mereka. Misalnya, pemerintah boleh mengarahkan atau memaksa rakyatnya yang tergolong mampu untuk menghulurkan bantuannya kepada golongan yang kurang bernasib baik atau golongan yang ditimpa musibah. Bantuan-bantuan tersebut boleh diberikan oleh penguasa atau pemerintah melalui kutipan-kutipan zakat, infaq, sedekah, pembayaran cukai-cukai dan pelbagai bantuan kemanusiaan lainnya.¹⁰

⁹ Al-Tabrani, Al-Awsat, Bab Tafwidu Al-Zakah, Dar Al-Fikr, Beirut, 1987, hlm. 219. Lihat juga Al-Haithami, Majma' Al-Zawaid Wa Manba' Al-Fawaid, Bab Itatu Al-Imam Fi Amri Al-Zakah, Muassasah Al-Risalah, Beirut, 1987, hlm. 221.

¹⁰ Wahhab Khalaf, Nizam Al-Dawlah Al-Islamiyyah Fi Al-Shu'un Al-Dusturiyyah Wa Al-Khariyyah Wa Al-Maliyyah, Muassasah Al-Risalah, Beirut, 1989, hlm. 113.

Berkenaan dengan pelaksanaan zakat, pemerintah mesti terlibat dan bertanggungjawab dalam mengatur pelaksanaan zakat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Selain daripada itu, pemerintah perlu menggubal sebuah undang-undang negara yang mampu mengatur pelaksanaan zakat di negaranya masing-masing. Tujuannya, agar umat Islam dapat mematuhi kewajipan tersebut dengan sebaik-baiknya sehingga pelaksanaan zakat mampu mencapai kutipan dan agihan zakat yang maksima dan berkesan.

Oleh itu, pemerintah perlu melantik petugas-petugas zakat, membimbing dan mengawasi mereka dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka, terutama sekali di dalam aktiviti-aktiviti pengutipan dan pengagihan zakat. Tujuannya, agar petugas-petugas zakat yang dilantik tersebut dapat menjalankan tugasnya dengan profesional dan amanah, sepertimana yang telah ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah S.A.W. dan pemimpin-pemimpin Islam sesudah beliau.¹¹

DASAR PELAKSANAAN ZAKAT OLEH PEMERINTAH

Pelaksanaan zakat seperti yang telah dijelaskan di atas, bahawa pelaksanaan zakat sememangnya merupakan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab penguasa atau pemerintah, meskipun pada dasarnya kewajipan membayar zakat adalah merupakan kewajipan yang bersifat peribadi atau perseorangan. Pelaksanaan tersebut berdasarkan kepada beberapa buah dalil yang bersumber daripada Al-Quran, As-Sunnah, *Al-Athar* dan *Al-Ijma'* seperti berikut:

a. Al-Quran

Pelaksanaan zakat oleh penguasa atau pemerintah menerusi dalil-dalil daripada Al-Quran adalah sebagaimana berikut:

Firman Allah S.W.T.:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ¹²

¹¹Ahmad 'Utawah, *Al-Madkhal Ila Al-Siyasah Al-Shariyyah*, Idarah Al-Thaqafah Wa Al-Nashr, Riyadh, 1993, Hlm. 148. Lihat Juga Al-Khayyat, *Al-Nizam Al-Siyasiy Fi Al-Islam*, Dar Al-Salam, Kaheerah, 1995, hlm. 206.

¹²Al-Quran, Al-Taubah 9:60.

Maksudnya:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanannya. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

Ayat tersebut menjelaskan tentang sasaran pengagihan zakat (*masarif al-zakah*) yang berjumlah lapan golongan (*al-asnaf al-thamaniyah*). Di antara lapan golongan tersebut, terdapat satu golongan yang bertugas di dalam pengelolaan zakat yang disebut sebagai petugas-petugas zakat (*al-amilin*). Golongan ini diangkat dan diberi tugas untuk mengumpulkan zakat dan mengagihkannya kepada golongan-golongan tertentu. Golongan ini juga berhak mendapatkan agihan zakat sepertimana yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. di dalam ayat tersebut, sebagai motivasi ke arah yang lebih profesional dan amanah dalam menjalankan tugas-tugas tersebut.¹³

Imam Al-Qurtubi menafsirkan perkataan '*al-amilin*' di dalam ayat tersebut adalah orang-orang yang ditugaskan atau diutus oleh penguasa atau pemerintah untuk mengambil, mencatat, mengira, menguruskan zakat untuk diserahkan kepada asnaf-asnaf tertentu. Golongan ini juga berhak menerima pembahagian zakat dan mereka ini sering disebut dengan pelbagai istilah seperti *al-jubat* (pemungut), *al-su'at* (yang berusaha), *al-katibah* (yang menulis), *al-qasimah* (yang membahagikan), *al-khazinah* (yang menyimpan) dan *al-musaddaqin* (yang menerima sedekah dan zakat).¹⁴

¹³Didin Hafidhuddin, Salman Harun, Hasanuddin, Hukum Zakat, Terj., Pustaka Litera Antar Nusa, Jakarta, 1987, hlm. 147.

¹⁴Al-Qurtubi, Al-Jami Li Ahkam Al-Quran, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut, 1993, hlm. 112-113.

Firman Allah S.W.T.:

حُدِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan (harta) mereka dan menyucikan (jiwa) mereka dan berdoa untuk mereka kerana sesungguhnya doa kamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

Jumhur ulama mentafsirkan maksud perkataan “sedekah” di dalam ayat tersebut adalah zakat. Manakala kata perintah “ambillah” adalah bersifat umum, bukan hanya ditujukan kepada Nabi Muhammad S.A.W. sahaja, namun perintah tersebut juga ditujukan kepada semua pemerintah yang memiliki tugas dan tanggungjawab terhadap hal ehwal urusan umat Islam.¹⁵

Firman Allah S.W.T.:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا
عَنِ الْمُنْكَرِ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

Maksudnya:

“Iaitu mereka (umat Islam) yang Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan salat dan menunaikan zakat dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perbuatan yang mungkar. Dan (ingatlah) bahawa hanya kepada Allah sahaja segala urusan dikembalikan”.

¹⁵ Al-Qaradawi, Fiqh Al-Zakah, Maktabah Wahbah, Kaherah, 2003, hlm. 748.

Ayat ini menjelaskan bahawa orang-orang yang mendapatkan kedudukan dan keistimewaan sebagai penguasa atau pemerintah di muka bumi ini, maka mereka diperintahkan oleh Allah S.W.T. untuk sentiasa mendirikan solat, menunaikan zakat dan menyuruh kepada kebaikan dan melarang daripada kemungkarannya. Ayat ini membawa maksud bahawa setiap pemerintah berkewajipan menyuruh umat Islam agar melaksanakan kewajipan zakat dengan sebaik-baiknya dan penguasa boleh menetapkan hukuman bagi sesiapa sahaja yang melanggar kewajipan tersebut.¹⁶

b. As-Sunnah

Landasan pelaksanaan zakat oleh penguasa atau pemerintah yang bersumber daripada As-Sunnah, iaitu menerusi *sunnah qauliyyah* dan *filiyyah* Baginda S.A.W. seperti berikut:

Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا , أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مُعَاذَ بْنَ جَعْفَرٍ إِلَى الْيَمَنِ فَقَالَ : إِنَّكَ تَأْتِي قَوْمًا مِنْ أَهْلِ كِتَابٍ فَادْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ اللهِ وَأَنِّي رَسُولُ اللهِ , فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللهَ قَدْ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ , فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللهَ قَدْ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ وَتُرَدُّ إِلَى فُقَرَائِهِمْ , فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَيَّاكَ وَكَرَمَاءَ أَمْوَالِهِمْ وَاتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ فَإِنَّهُ لَيْسَ بَيْنَهُمَا وَبَيْنَ اللهِ حِجَابٌ.¹⁷

Maksudnya:

Dari Ibn 'Abbas R.A. bahawasanya ketika Nabi Muhammad S.A.W. hendak mengutus Muaz Ibn Jabal ke Yaman, beliau berkata kepadanya: Kamu akan berada di tengah-tengah kaum Ahlu Al-Kitab, maka (pertama sekali) serulah

¹⁶ Al-Shahatah, Akuntansi Zakat: Panduan Praktis Penghitungan Zakat Kontemporer, Terj. Ahmad Syakur, Pustaka Progressif, Jakarta, 2004, hlm. 216.

¹⁷ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, bab Wujub Al-zakah, Maktabah Al-Nahdah Al-Hadithah, Makkah Al-Mukarramah, 1984, hlm. 167

mereka mengakui bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Aku (Muhammad) adalah Rasul-Nya. Apabila mereka menerima, maka beritahulah mereka bahawa sesungguhnya Allah telah mewajibkan mereka untuk mendirikan salat lima kali sehari semalam. Apabila mereka menjalankannya, beritahukanlah kepada mereka bahawa Allah S.W.T. telah mewajibkan mereka supaya mengeluarkan zakat yang dipungut daripada orang-orang kaya dan diagihkan kepada orang-orang miskin dari kalangan mereka. Apabila mereka menjalankannya, maka kamu berkewajipan untuk melindungi harta kekayaan mereka dan takutlah kamu dengan doa orang-orang yang teraniaya, kerana sesungguhnya di antara doa mereka dengan Allah tiada penghalang.

Ibn Hajar Al-'Asqalani, ketika mensyarahkan hadis Muaz Ibn Jabal tersebut, beliau berkata bahawa hadis ini dapat dijadikan sebagai bukti atau alasan untuk mengatakan bahawa pemerintah merupakan orang yang amat bertanggungjawab di dalam mengumpulkan dan mengagihkan zakat, sama ada ia lakukan sendiri atau melalui wakilnya. Oleh yang demikian, barangsiapa yang membangkang ataupun lalai dalam mengeluarkan kewajipan zakatnya, maka pemerintah berhak mengambil zakat tersebut secara paksa sepertimana yang telah berlaku di zaman pemerintahan Abu Bakar As-Siddiq.¹⁸

Imam Al-Nawawi berkata bahawa setiap pemimpin (penguasa) diwajibkan mengutus petugas-petugas zakatnya untuk mengambil zakat kaum Muslimin, sebab Nabi Muhammad S.A.W. dan pemimpin-pemimpin terdahulu telah melakukan hal yang serupa. Oleh sebab itu, amalan ini mestilah dilaksanakan kerana di antara manusia ada yang memiliki harta namun tidak mengetahui kewajipan tersebut. Sementara itu, di antara manusia ada juga yang mengetahuinya namun ia amat bakhil untuk mengeluarkan kewajipan zakatnya. Maka untuk itu, diwajibkan ke atas setiap imam (penguasa) agar mengutus petugas-petugas zakat untuk mengambil dan mengagihkan zakat tersebut kepada golongan-golongan yang berhak.¹⁹

¹⁸ Al-Asqalani, Fath Al-Bari Bi Sharhi Sahih Al-Bukhari, Dar Al-Ma'rifat, Beirut, t.th. hlm. 23. Lihat juga Al-Shaukaniy, Nayl Al-Awtar Sharh Muntaqa Al-Akhbar, Maktabah Al-Tawfiqiyah, Kaherah, t.th. hlm. 114.

¹⁹ Al-Nawawiy, Hadith Al-Arbain, Dar Al-Basha'ir Al-Islamiyyah, Beirut, 1986, hlm. 167.

Selain daripada hadis-hadis ucapan tersebut, terdapat juga beberapa hadis perbuatan yang termaktub di dalam kitab “Sahih Al-Bukhari” dan “Sahih Muslim” yang menjelaskan tentang pelantikan dan pengutusan Baginda S.A.W. ke atas beberapa orang sahabat yang diutus kepada kaum atau negeri tertentu sebagai petugas-petugas zakat. Misalnya, hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. telah menjadikan seorang lelaki dari suku Azdi yang bernama Ibn Lutbiyyah sebagai petugas zakat Bani Sulaym. Ibn Umar R.A. berkata bahawa Rasulullah S.A.W. pernah melantik Ibn Sadiyy sebagai petugas zakat. Abu Daud berkata bahawa Rasulullah S.A.W. telah mengutus Abu Masud sebagai petugas zakat.²⁰

Ibn Saad dalam kitabnya “Tabaqat Ibn Saad”, meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. telah mengutus beberapa orang petugas zakat kepada suku Arab Badawi pada bulan Muharram pada tahun kesembilan Hijrah. Dengan jelas Ibn Saad menuliskan senarai nama petugas-petugas tersebut, termasuk nama suku-suku yang didatangi oleh mereka, iaitu: ‘Uyanah Ibn Hisn diutus ke Bani Tamim, Burayidah Ibn Hisb diutus ke Bani Aslam dan Bani Ghifar, ‘Abbad Ibn Bishr Ashali diutus ke Bani Sulaim dan Bani Muzaynah, Rafi Ibn Maqis diutus ke Bani Juhainah, Amr Ibn ‘As diutus ke Bani Fazarah, Dahhaq Ibn Sufian Al-Kilabi diutus ke Bani Kilab, Bishr Ibn Sufian Al-Ka’bi diutus ke Bani Ka’ab, Ibn Lutbiyyah Azdi diutus ke Bani Zibyan dan seorang lelaki dari Bani Sa’ad Huzaym diutus kepada kaumnya iaitu Bani Sa’ad Huzaym.²¹

Ibn Ishaq juga di dalam kitabnya “Zad Al-Ma’ad” mengemukakan tentang adanya petugas-petugas zakat yang lain diutus oleh Rasulullah S.A.W. ke beberapa negeri seperti Muhajir Ibn Abu Umaiyyah diutus ke negeri San’a’, Ziyad bin Labid diutus ke negeri Hadaramaut, ‘Addi Ibn Hatim diutus ke Bani Tay dan Bani ‘Asad, Malik Ibn Nuwairah diutus untuk mengambil zakat Bani Hanzalah.²²

c. ***Al-Athar***

Adapun landasan pelaksanaan zakat oleh pemerintah yang berlandaskan kepada *athar al-sahabah* adalah sebagaimana berikut:

²⁰ Al-Qardawi, 1987, hlm. 736.

²¹ Ibid. hlm. 737.

²² Ibid. hlm. 738

Abu Daud R.A. meriwayatkan bahawa Sahl Ibn Abi Salih berkata bahawa ketika terkumpul padaku harta yang telah mencapai nisab zakat, maka aku bertanya kepada Sa'ad Ibn Abi Waqqas, Ibn 'Umar, Abi Hurairah dan Abi Sa'id Al-Khudri, bagaimanakah pendapat mereka jika aku menyerahkan zakat tersebut kepada penguasa? Maka mereka semua menyuruhku untuk menyerahkannya kepada penguasa dan tiada satupun di antara mereka yang berbeza pendapat mengenainya.²³

Ibn 'Umar R.A. juga berkata bahawa, serahkan saja zakat kamu sekalian kepada orang-orang yang dijadikan oleh Allah S.W.T. sebagai penguasa di dalam urusan kamu sekalian. Barangsiapa yang berbuat baik maka akan bermanfaat bagi dirinya sendiri dan barangsiapa yang berbuat jahat maka akan mendatangkan mudarat baginya sendiri. Dalam riwayat lain, beliau berkata bahawa serahkanlah zakat kamu sekalian kepada penguasa, walaupun dengan itu mereka mempergunakannya untuk meminum minuman arak. Selain itu, terdapat juga sebuah hadis yang menyuruh umat Islam agar menyerahkan harta zakat kepada pemerintah asalkan penguasa tersebut mengerjakan solat lima waktu.²⁴

d. *Al-Ijma'*

Para ulama terdahulu mahupun sekarang telah bersepakat bahawa pelaksanaan zakat sememangnya merupakan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab penguasa atau pemerintah di setiap zaman dan tempat. Setiap penguasa atau pemerintah mestilah terlibat di dalam pelaksanaan zakat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, kerana pelaksanaan zakat itu sendiri telah diinstitusikan oleh Allah S.W.T. sebagaimana yang termaktub di dalam surah At-Taubah Ayat 60 dan perkara tersebut telah masyhur dalam kalangan para ulama.

HIKMAH DAN FALSAFAH PELAKSANAAN ZAKAT OLEH PEMERINTAH

Pelaksanaan zakat di dalam Islam merupakan sebahagian daripada tanggungjawab penguasa atau pemerintah, sepertimana yang telah dijelaskan

²³ Al-Shawkani, t.th. hlm. 155.

²⁴ Al-Nawawi, *Al-Majmuk Sharh Al-Tahzib*, Dar Al-Fikri, Beirut, t.th. hlm. 162.

sebelum ini. Meskipun demikian, di dalam pelaksanaan tersebut masih wujud kesalahfahaman di kalangan umat Islam. Sebahagian daripada mereka masih beranggapan bahawa pelaksanaan zakat itu merupakan kewajipan peribadi atau perseorangan yang boleh dilakukan secara sendiri-sendiri tanpa memerlukan campur tangan pemerintah.

Yusuf Al-Qardawi di dalam kitabnya "*Mushkilat Al-Faqr Wa Kayfa 'Alajaha Al-Islam*", beliau menyatakan dengan tegas bahawa sesungguhnya umat Islam jika hendak berpegang teguh kepada syariat Allah S.W.T. secara menyeluruh (*kaffah*), maka hendaklah mereka menyerahkan pembayaran zakat kepada petugas-petugas zakat yang telah dilantik atau diutus oleh penguasa atau pemerintah, meskipun keperibadian (*shakhsiah*) pemerintah tersebut masih diragukan.²⁵

Dalam hal ini, beliau mengambil beberapa pandangan ulama mengenai pernyataannya tersebut. Misalnya, pandangan *Al-Jassas* yang menyatakan bahawa seseorang yang telah mencukupi syarat wajib untuk menunaikan zakat, maka tidak dibenarkan baginya untuk menyerahkan zakatnya secara langsung kepada mustahiq. Apabila orang tersebut tetap melakukannya, maka zakat yang diserahkan dianggap belum terlepas daripada hak-hak pemungutan zakat oleh pemerintah meskipun dari segi hukum syarak adalah sah. Pandangan yang serupa juga diungkapkan oleh *Al-Kasani*, beliau menyatakan bahawa apabila setiap orang Islam dibebaskan untuk mengurus sendiri zakatnya tanpa melibatkan penguasa atau pemerintah, maka apakah tujuan Allah S.W.T. mensyariatkan lembaga zakat dengan perkataan "*al-amilin 'alaiha*", sebagaimana yang termaktub pada Ayat 60 surah At-Taubah tersebut?²⁶

Yusuf Al-Qardawi kemudian menyatakan di dalam kitabnya yang masyhur "*Fiqh Al-Zakah*", beliau menyatakan bahawa pelaksanaan kewajipan zakat

²⁵ Al-Qardawi, *Mushkilat Al-Faqr Wa Kaiyfa 'Alajaha Al-Islam*, Terj. Salman Harun dan Didin Hafidhuiddin, Pustaka Litera Antar Nusa, Jakarta, 1999, hlm. 8. Lihat juga Al-Jassas, *Ahkam Al-Quran*, Al-Bahiyah Al-Misriyyah, Kaherah, 1930, hlm. 23. dan Al-Kasani, *Bada' Al-Sana'i Fi Tartib Al-Shara'i*, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut, 1997, hlm. 56.

²⁶ Djamal Doa, *Menggagas Pengelolaan Zakat Oleh Negara*, Nuansa Madani, Jakarta, 2005, hlm. 95-96.

pada hakikatnya tidak boleh dijadikan sebagai urusan peribadi umat Islam, namun ia merupakan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab pemerintah. Pemerintah wajib melantik petugas-petugas zakat, agar mengutip dan mengagihkan zakat tersebut kepada mustahiqnya kerana beberapa pertimbangan seperti berikut: ²⁷

1. Sesungguhnya pada zaman ini telah banyak manusia yang hatinya telah mati atau terkena penyakit bakhil, maka di dalam syariat zakat terdapat jaminan hidup (*takaful al-hayah*) bagi orang-orang fakir miskin, agar hak-hak mereka tidak diabaikan.
2. Orang-orang fakir miskin yang menerima agihan zakat melalui perantaraan petugas zakat yang dilantik oleh pemerintah merupakan suatu tindakan yang amat tepat kerana telah menjaga maruah atau harga diri orang-orang fakir miskin di hadapan orang-orang kaya kerana penderitaan yang mereka alami.
3. Menyerahkan urusan zakat kepada pemerintah akan menciptakan pembahagian zakat yang adil dan merata. Sebaliknya jika zakat tersebut diserahkan langsung kepada *mustahiq* sesuai dengan kehendak *muzakki*, maka berkemungkinan terdapat *mustahiq* zakat yang lebih layak menerima zakat namun tidak mendapatkan bahagiannya.
4. Sesungguhnya zakat itu bukan sahaja ditujukan kepada golongan fakir miskin namun juga golongan-golongan lain dan pembahagian tersebut tidak akan mencapai matlamatnya apabila dilakukan secara individu atau perseorangan. Sebaliknya pembahagian akan menjadi lebih tepat dan berkesan jika dilakukan secara teratur oleh pemerintah. Misalnya, zakat yang diterima oleh pemerintah diutamakan kepada orang-orang yang telah dijinakkan hatinya kepada Islam (*al-mu'allafah qulubuhum*), zakat untuk membantu persenjataan dan kelengkapan para pejuang Islam di dalam melawan orang-orang kafir (*fi sabilillah*), zakat untuk mempersiapkan para penuntut ilmu ataupun para da'i di dalam memperjuangkan ajaran Allah S.W.T. (*ibn sabil*)

²⁷ Al-Shawkani, t.th. hlm. 155.

5. Sesungguhnya Islam merupakan sebuah agama dan pemerintahan, Al-Quran dan kekuasaan. Oleh yang demikian itu, potensi zakat amat dipentingkan di dalam Islam agar pemerintahan dan kekuasaan tersebut dapat ditegak dan diwujudkan dengan baik kerana zakat itu sendiri merupakan salah satu sumber ekonomi dan kewangan Islam yang amat penting bagi kemajuan umat dan negara Islam.

Al-Sayyid Muhammad Rashid Reda di dalam kitabnya yang amat terkenal "Tafsir Al-Manar", beliau telah mentafsirkan Ayat 60 surah At-Taubah secara terperinci mengenai hikmah dan falsafah pelaksanaan zakat oleh pemerintah. Beliau amat yakin bahawa apabila pelaksanaan zakat dapat ditadbir atau dikelola dengan sistem yang baik, nescaya akan membantu ekonomi umat Islam dan mampu mengembalikan keagungan agama Islam. Di dalam kitab tafsirnya, beliau berkata:

Maka terpikullah tugas dan tanggungjawab ke atas semua pemimpin Islam agar memulakan langkah dalam mempertahankan kehormatan agama Islam. Caranya dengan menubuhkan institusi-institusi zakat dan mengatur pelaksanaannya sesuai dengan ketetapan Allah S.W.T. Hendaknya di dalam pengaturan tersebut, ditetapkan bahawa harta zakat yang terkumpul, mesti ada yang disediakan untuk orang-orang yang dijinakkan hatinya kepada Islam (*al-muallafah qulubuhum*), dipergunakan untuk membiayai perjuangan dalam menghadapi golongan anti-agama dan anti-Tuhan. Harta zakat juga hendaknya dimanfaatkan pada zaman ini untuk membantu bangsa-bangsa yang terjajah yang berjuang untuk mencapai kemerdekaannya (*fi al-riqab*) sebagai pengganti hamba-hamba sahaya yang perlu dimerdekakan pada zaman dahulu. Bahagian lain pula dipergunakan untuk untuk menegakkan syariat Allah S.W.T. di muka bumi yang merupakan salah satu jihad yang amat penting dalam Islam (*fi sabilillah*). Bahagian ini boleh dipergunakan untuk menjaga dan membela Islam secara tulisan ataupun lisan, khasnya apabila pembelaan agama Islam dengan senjata-senjata moden sukar diwujudkan. Pengaturan zakat secara baik akan menjadi modal utama untuk mengembalikan kebesaran Islam. Selain itu, zakat dapat dijadikan sebagai senjata yang ampuh di dalam merebut kembali negara-negara Islam yang telah dirampas oleh musuh-musuh Islam.

Zakat yang dipungut hanya 2/5 (dua perlima) daripada kelebihan harta benda yang dimiliki oleh orang-orang kaya (*aghniya*).

Pernyataan tersebut di atas mengingatkan umat Islam supaya memahami dan menyedari bahawa ajaran Islam, khususnya dalam hal ehwal pelaksanaan zakat sebenarnya memiliki hikmah dan falafah yang amat jelas dan tegas. Pelaksanaan zakat yang baik dan berkesan akan mampu menjana ekonomi dan kewangan negara Islam di samping membantu perjuangan umat Islam di dalam meninggikan kalimah Allah S.W.T. di muka bumi ini. Muhammad Rashid Reda di akhir syarahannya tersebut, beliau mengimbau kepada umat Islam dan pemimpin-pemimpin mereka agar segera menginstitusikan pelaksanaannya dan menggubal sebuah undang-undang rasmi yang mengatur pelaksanaannya secara baik dan tegas. Undang-undang tersebut hendaknya digubal oleh wakil-wakil umat Islam yang duduk di parlimen agar di dalam pelaksanaannya nanti tidak menjadi bahan permainan atau kepentingan bagi pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.²⁸

SEJARAH PELAKSANAAN ZAKAT DALAM ISLAM

Zakat di dalam Islam pada mulanya hanyalah merupakan sebahagian daripada sistem keagamaan, kerana pelaksanaan zakat merupakan kewajipan individu yang termasuk dalam rukun Islam. Adapun tujuannya adalah menguatkan keimanan dan keislaman bagi pembayarnya di samping memujuk hati-hati golongan yang belum kuat keislamannya dan membantu mereka yang membela agama Islam dan sebagainya. Namun setelah Nabi Muhammad S.A.W. berjaya mendirikan sebuah pemerintahan Islam, maka zakat di dalam Islam menjadi sebahagian daripada sistem politik dan ekonomi Islam. Dalam hal ini, penguasa atau pemerintah berhak mengatur kutipan dan agihan zakat dengan memerhatikan aspek-aspek keadilan (*al-'adalah*) seperti mendahulukan golongan-golongan yang lebih memerlukan bantuan, jenis bantuan yang patut diberikan dan sebagainya.

²⁸ Rashid Reda, Tafsir Al-Manar. Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, Beirut, 1999, hlm. 505

Abu Ubaid meriwayatkan, *Ibn Sirin* berkata bahawa penerimaan zakat pada mulanya diserahkan kepada Rasulullah S.A.W. atau petugas yang diutusnyanya, kemudian kepada Abu Bakar As-Siddiq atau petugas yang diutusnyanya, kemudian kepada 'Umar Al-Khattab atau petugas yang diutusnyanya, namun setelah Uthman Ibn 'Affan wafat telah terjadi perselisihan di kalangan umat Islam tentang menyerahkan zakat kepada penguasa atau pemerintah. Akibatnya, sebahagian daripada umat Islam menyerahkan zakatnya kepada pemerintah dan sebahagian lagi menyerahkannya langsung kepada mustahiq. 'Abdullah Ibn 'Umar adalah salah seorang dari kalangan sahabat yang tetap menyerahkan zakatnya kepada pemerintah. Beliau berpandangan bahawa zakat sebetulnya berfungsi untuk mengubah atau mengangkat kedudukan seorang *mustahiq* zakat kepada seorang *muzakki*. Di dalam hal ini, penguasa atau pemerintah mempunyai peranan yang sangat penting dalam mencapai matlamat tersebut".²⁸

1. Pada Zaman Awal Islam

Kewajipan zakat disyariatkan pada tahun kedua Hijrah di Madinah menurut pendapat yang masyhur, iaitu setelah turun kewajipan puasa dan zakat fitrah. Ketika Nabi Muhammad S.A.W. berada di Mekah, sebenarnya telah turun beberapa ayat yang berkenaan dengan zakat hanya sahaja pada masa itu belum ditentukan nisab, haul dan jenis harta yang terkena zakat, termasuk jumlah zakat yang wajib dikeluarkan oleh muzakki. Selain daripada itu, golongan yang menerima zakat hanya dua golongan sahaja iaitu golongan fakir dan golongan miskin.

Setelah Nabi Muhammad S.A.W. berhijrah ke Madinah pada tahun kedua Hijriah (623M), ketentuan mengenai jenis-jenis harta, nisab, haul, jumlah dan sebagainya barulah ditentukan oleh syarak. Pada tahun kesembilan Hijriah iaitu setelah terbentuknya pemerintahan Islam (*daulah Islamiyah*) di Madinah turun surah *At-Taubah*, Ayat 60 yang menentukan golongan-golongan yang berhak menerima zakat yang berjumlah lapan golongan. Pada masa itu, pelaksanaan

²⁹ Abu 'Ubayd, 1923, *Al-Amwal*, Maktabah Al-Tijariah Al-Kubra, Makkah Al-Mukarramah, hlm. 567.

zakat menjadi lebih baik dan teratur berbanding semasa baginda berada di Mekah, kerana pada masa itu jumlah umat Islam hanyalah sedikit dan mereka sentiasa menghadapi ancaman dan penindasan dari pihak musuh-musuh Islam di Mekah.

Pada masa pemerintahan Islam di Madinah, agihan zakat hanya diberikan kepada golongan-golongan lebih utama memerlukan bantuan dan bentuknya disesuaikan menurut jenis keperluan. Selain daripada itu, beberapa orang sahabat telah dilantik sebagai petugas-petugas zakat dan diutus ke daerah-daerah tertentu untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Manakala dari segi hukuman bagi yang melanggar kewajipan zakat belum diterapkan secara nyata kerana taraf keimanan umat Islam pada waktu itu sangat kuat, sehingga hukuman yang dikemukakan oleh Baginda S.A.W. hanya berbentuk gambaran mengenai seksaan di akhirat.

Misalnya saja, dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A. yang bermaksud, bahawa barangsiapa yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. kekayaan namun ia bakhil mengeluarkan zakatnya, maka pada hari kiamat akan didatangi oleh seekor ular jantan yang menyeramkan dan sangat berbisa, di atas kedua mata ular tersebut terdapat dua bintik hitam dan ia akan membelit orang yang ingkar membayar zakat dan mematuk orang tersebut sambil mengatakan bahawa dirinya adalah harta kekayaan orang tersebut yang ditimbun-timbunnya semasa hidup di dunia. Kemudian setelah itu, beliau membaca surah *Ali 'Imran* Ayat 180 yang bermaksud bahwa orang-orang yang bakhil terhadap kurnia yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada mereka itu tidak boleh mengira bahawa perbuatan mereka itu baik bagi mereka, namun sebaliknya amat buruk bagi mereka sendiri dan segala apa yang mereka bakhilkan semasa hidup di dunia akan dikalungkan oleh Allah S.W.T. di leher mereka pada hari kiamat nanti.

Setelah Rasulullah S.A.W. wafat, khalifah Abu Bakar As-Siddiq sebagai pengganti beliau telah menentukan hukuman yang nyata dikenakan kepada yang melanggar kewajipan zakat sama ada secara individu mahupun secara berkumpulan. Rakyat yang tidak patuh segera diperangi, meskipun pada awalnya khalifah *'Umar Ibn Al-Khattab* R.A. sendiri tidak setuju dengan

tindakan tersebut. Setelah beliau mendapat penjelasan dari khalifah *Abu Bakar As-Siddiq R.A.* bahawa mereka yang menolak ketentuan Allah S.W.T. dan mengingkari kewajipan solat, puasa dan zakat serta kembali kepada amalan jahiliyah adalah tergolong murtad dan mereka mesti diperangi oleh pemerintah Islam. Penjelasan ini telah memberi kefahaman kepada *'Umar Ibn Al-Khattab R.A.* bahkan langkah tersebut diikuti oleh beliau dan para pemimpin Islam pada zaman pertengahan Islam.³⁰

2. Pada Zaman Pertengahan Islam

Ibn Hajar Al-Asqalani dan Imam Al-Rafiiy, kedua-duanya menyatakan bahawa pelaksanaan zakat pada zaman Nabi Muhammad S.A.W. dan Khulafa' Al-Rashidin sehingga ke zaman pertengahan Islam (Bani Umayyah dan Bani 'Abbasiyyah) masih dilaksanakan dan dikelola oleh penguasa atau pemerintah.

Penyataan tersebut dikuatkan oleh sebuah surat penting yang dikirim oleh seorang ulama besar pada zaman itu, iaitu Imam Al-Zuhri kepada khalifah yang kedelapan dari *Bani Umayyah* yang amat terkenal iaitu khalifah *'Umar Ibn 'Abdul 'Aziz. Imam Al-Zuhri* telah memohon kepada khalifah supaya orang-orang yang telah lanjut usia, orang-orang yang cacat, orang-orang miskin yang memintaminta ataupun yang malu memintaminta, termasuk mereka yang kehilangan keluarga dan tidak mempunyai pekerjaan dan mereka yang bekerja tetapi gajinya tidak teratur, supaya mereka mendapatkan bahagian zakat daripada perbendaharaan kerajaan Islam (*bayt al-mal li al-muslimin*).³¹

Selain daripada itu, *Imam Al-Zuhri* juga memohon kepada khalifah *'Umar Ibn 'Abdul 'Aziz* agar dalam pengagihan zakat tersebut diutamakan kepada orang-orang miskin yang mempunyai hutang untuk kebaikan sedangkan mereka komitmen kepada agama. Para musafir yang kekurangan bekal perjalanan dan mereka tidak memiliki keluarga yang boleh disinggahi, termasuk juga para penuntut ilmu agama yang kelak akan dimanfaatkan keilmuan dan pengalaman mereka oleh umat agar diberikan bahagian daripada zakat secara adil.

³⁰ Djamal Doa, 2005, hlm. 3-7.

³¹ Ibid. hlm. 8-10.

Dalam hal ini, sebuah riwayat lain menyatakan bahawa Yahya Ibn Said telah diangkat oleh khalifah 'Umar Ibn 'Abdul Al-'Aziz sebagai pengarah hal ehwal urusan zakat ke Tunisia dan Aljazair (Afrika). Setelah beliau mengumpulkan semua zakat, beliau datang mengadap khalifah dan melaporkan bahawa *bayt al-mal* telah penuh, sedangkan golongan fakir dan miskin di dalam negara tidak ada. Maka khalifah segera memerintahkan kepada beliau supaya membayarkan hutang orang-orang yang punya hutang dan setelah dicari ternyata golongan seperti ini juga tidak ada. Akhirnya khalifah menyuruh petugas zakat tersebut untuk membeli hamba-hamba sahaya Muslim dan menyuruh merdekakanlah mereka. Dalam riwayat lain, bahawa Zaid Ibn Khattab berkata bahawa 'Umar Ibn 'Abdul Al-'Aziz telah membuat rakyatnya menjadi kaya dalam jangka masa 30 bulan, iaitu selama masa pemerintahannya, sehingga kami tidak menemukan lagi orang-orang yang berhak menerima zakat.³²

3. Pada Zaman Mutakhir Islam

Seperti yang telah dijelaskan, bahawa semenjak zaman awal Islam pengelolaan zakat sudah dilaksanakan oleh pemerintah, hanya sahaja pelaksanaan tersebut terputus setelah kejatuhan empayar Islam terakhir iaitu Turki Uthmaniah pada tahun 1924M. Setelah kejatuhan tersebut, pengelolaan zakat dilaksanakan secara individu atau perseorangan tanpa melibatkan pemerintah. Pelaksanaan tersebut diikuti oleh kemunduran umat Islam sehingga munculnya kebangkitan umat Islam di beberapa negara pada awal kurun ke-20.

Pada zaman mutakhir, beberapa buah negara Islam mulai melihat potensi zakat sebagai salah satu punca pendapatan negara. Oleh yang demikian itu, sebuah pemikiran timbul agar pelaksanaan zakat dikelola atau ditadbir kembali oleh pemerintah, sepertimana pada zaman kegemilangan Islam dahulu. Pemikiran tersebut disampaikan oleh dua orang ulama besar iaitu Syeikh 'Abd Al-Wahab Khallaf dan Syeikh 'Abd Al-Rahman Hasan di dalam Muktamar Al-Zakah yang dianjurkan oleh *Organization Islamic Conference (OIC)* di Damshik, Syria pada tahun 1952M.

³² Ibid. hlm. 11-12.

Kedua-dua ulama terkemuka tersebut menyatakan bahawa pada zaman ini telah tiba masanya pemimpin-pemimpin Islam menginstitusikan dan mengelola zakat dengan sebaik-baiknya, sama ada harta tersebut zahir ataupun tersembunyi. Adapun sebab-sebabnya adalah sebagai berikut: ³³

1. Pada zaman ini ramai dalam kalangan umat Islam yang mengabaikan kewajipan zakat ke atas harta mereka. Umat Islam tidak lagi melaksanakan hak perwaliannya kepada penguasa atau pemerintah, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Uthman bin 'Affan R.A. atau penguasa-penguasasesudahnya. Padahal para ulama telah menetapkan bahawa apabila penguasa mengetahui rakyatnya tidak menunaikan kewajipan zakatnya, maka hendaklah penguasa tersebut mengambilnya secara paksa.
2. Pada dasarnya, semua harta adalah tergolong harta zahir dan tersembunyi, oleh kerana itu harta yang tersembunyi meskipun tidak zahir wujudnya namun jika dijalankan sebagai sebuah usaha maka akan nampak wujudnya maka apabila telah mencapai nisab dan haul mesti dikenakan zakat. Oleh itu, peniaga-peniaga besar ataupun kecil, hendaklah sentiasa mencatat dan menghitung untung rugi perniagaan mereka supaya dapat mengetahui jumlah zakat sebenar yang menjadi milik Allah S.W.T. termasuk juga hak-hak fakir miskin yang malu untuk meminta-minta. Wang-wang simpanan di bank-bank, saham-saham dan seumpamanya tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk tidak melaksanakan kewajipan ini.

Pemikiran yang dikemukakan oleh kedua-dua ulama tersebut telah dapat dilaksanakan dengan baik oleh sebahagian besar negara-negara Islam, sehingga pada zaman ini telah ditubuhkan pelbagai bentuk institusi-institusi pengelola zakat di negara-negara Islam. Bahkan institusi-institusi pengelola zakat tersebut juga telah dapat ditemui di beberapa buah negara *non-muslim*.

Institusi-institusi pengelola zakat di beberapa negara-negara Islam tersebut, apabila dalam pelaksanaannya melibatkan penguasa atau pemerintah, maka

³³ Al-Qardawi, 2003, hlm. 761-762.

terdapat beberapa bentuk institusi-institusi pengelola zakat yang sedia ada. Institusi-institusi pengelola zakat tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. Institusi zakat yang dikelola oleh negara yang diletakkan di bawah sebuah kementerian khas, seperti yang terdapat di negara Arab Saudi, Kuwait, Iran, Pakistan dan Sudan.
2. Institusi zakat yang dikelola bersama oleh pemerintah dan swasta yang diletakkan di bawah pengawasan sebuah kementerian khas, seperti kementerian agama di Indonesia, kementerian kewangan dan pentadbiran negara di Libya, Yaman dan Mesir.
3. Institusi zakat yang dikelola oleh individu namun diiktiraf oleh pemerintah, seperti yang terdapat di beberapa buah negara Islam. Institusi zakat tersebut berbeza-beza namanya iaitu: *Bayt Al-Zakah*, *Hajat Al-Zakah*, *Maslahat Al-Zakah*, *Dar Al-Zakah*, *Sunduq Al-Zakah*, *Lajnah Al- Zakah*.³⁴

PENUTUP

Sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa zakat merupakan salah satu sumber utama pendapatan negara yang amat penting bagi pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam. Kewajipan zakat pada dasarnya memang merupakan kewajipan individu, namun dalam pelaksanaannya merupakan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab penguasa atau pemerintah sama ada terlibat secara langsung ataupun tidak langsung. Oleh yang demikian, tanpa usaha dan upaya tersebut maka sudah tentu objektif dan matlamat daripada pensyariatkan zakat yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. dalam surah At-Taubah Ayat 60 akan sukar direalisasikan dan dinikmati manfaatnya oleh umat Islam.

³⁴Al-Shahatah, 2004, hlm. 217.

Merujuk kepada sejarah Islam bahawa pelaksanaan zakat dan pentadbirannya oleh pemerintah, sesungguhnya telah dicontohkan oleh Baginda Rasulullah S.A.W. pada Madinah yang kemudian dilanjutkan oleh sahabat-sahabat beliau dan pemimpin-pemimpin Islam sesudahnya, namun pelaksanaan tersebut terpaksa menghadapi banyak masalah kerana sebahagian negara-negara Islam pada masa itu masih berada di bawah kekuasaan penjajah-penjajah asing (*kuffar*), termasuk negara kita Malaysia.

Dalam perjalanan selanjutnya, walaupun pemerintah telah menggubal beberapa enakmen di beberapa negeri di Semenanjung seperti Enakmen Zakat dan Fitrah Perlis 1369 (1949M) Baitul Mal 1951M, Selangor 1033/53 (1957M) dan beberapa lagi enakmen lainnya, namun pelaksanaan dan pentadbiran zakat di setiap negeri atau di seluruh negara baru dapat dilaksanakan dengan sesungguhnya dan menampakkan perkembangan yang amat baik berterusan setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957M sehingga ke hari ini. Pencapaian tersebut sememangnya wajib disyukuri dan mesti diperjuangkan, pada masa yang sama segala kekurangan dan kelemahan yang sedia ada agar segera diatasi dan diupayakan sungguh-sungguh oleh semua pihak demi mencapai redha Allah S.W.T. dan matlamat yang dikehendaki bersama.

RUJUKAN

- Abu 'Ubayd, Ibn Salam. 1353H/1923M. *Al-Amwal*. Makkah Al-Mukarramah: Maktabah Al-Tijariyyah Al-Kubra.
- Abu Yala, Muhammad Husein Al-Farra' Al-Hanbali. t.th. *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ahmad 'Utawah, 'Abd Al-'Ali. 1414H/1993M. *Al-Madkhal Ila Al-Siyasah Al-Shariyyah*. Riyadh: Idarah Al-Thaqafah Wa Al-Nashr.
- Aishah Bidin. 1423H/2002M. Isu Undang-Undang Berkaitan Dengan Pelaksanaan Zakat Terhadap Syarikat Di Malaysia. *Prosiding Muzakarah Zakat 21-22 Disember 2002 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*. hlm. 213-220.
- Al-Bukhari, Abu Abd Allah Muhammad Ibn Ismail. 1404H/1984M. *Sahih Al-Bukhari*. Makkah Al-Mukarramah: Maktabah Al-Nahdah Al-Hadithah.
- Al-Asqalani, Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar. t.th. *Fath Al-Bari Bi Sharhi Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Al-Ma'rifat.
- Al-Hashimi. 1413H/1993M. *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Indonesia*. Surabaya: Al-Maarif.
- Al-Haythami, Nur Al-Din 'Ali Ibn Abu Bakar. 1406H/1987M. *Majma' Al-Zawaid Wa Manba' Al-Fawa'id*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Jassas, Abu Bakar Ahmad. 1347H/1930M. *Ahkam Al-Quran*. Kaherah: Al-Bahiyah Al-Misriyyah.
- Al-Kasani, 'Alau Al-Din Abi Bakar Ibn Masud. 1412H/1997M. *Bada'ul Al-Sana'i Fi Tartib Al-Shara'i*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Khayyat, 'Abd Al-'Aziz 'Izzat. 1417H/1995M. *Al-Nizam Al-Siyasiy Fi Al-Islam*. Kaherah: Dar Al-Salam.
- Al-Mawardi, Abu Al-Hasan 'Ali Ibn Muhammad. 1416H/1996M. *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayat Al-Diniyyah*. Beirut: Al-Maktabah Al-Islamiyyah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya Ibn Sharaf. 1405H/1986. *Hadith Al-Arba'in*. Beirut: Dar Al-Basha'ir Al-Islamiyyah.

Al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya Ibn Sharaf. t.th. *Al-Majmu' Sharh Al-Tahzib*. Beirut: Dar Al-Fikri.

Al-Qardawi, Yusuf. 1424H/2003M. *Fiqh Al-Zakah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Quran.

Al-Qurtubi, Muhammad Ibn Ahmad Al-Ansari. 1413H/1993M. *Al-Jami Li Ahkam Al-Quran*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

Al-Sayyid Sabiq. 1407H/1990M. *Fikih Sunnah*. Terj. Muhyiddin Shaf. Kuala Lumpur: Victoria Agencie.

Al-Shahatah, Husein. 1425H/2004M. *Akuntansi Zakat: Panduan Praktis Penghitungan Zakat Kontemporer*. Terj. Ahmad Syakur. Jakarta: Pustaka Progressif.

Al-Shawkani, Muhammad Ibn Aliy. t.th. *Nayl Al-Awtar Sharh Muntaqa Al-Akhbar*. Kaherah: Maktabah Al-Tawfiqiyah.

Al-Shuyui, Luweis. 1409H/1992M. *Mujam Al-Munjid Fi Al-Lughah Wa Al-Alam*, Beirut: Dar Al-Mashriq.

Al-Tabrani, Sulayman Ibn Ahmad. 1395H/1987. *Al-Awsat*. Beirut: Dar Al-Fikri.

Al-Zuhaili, Wahbah. 1413H/1996M. *Al-Fiqh Al-Islamy Wa Adillatuhu*. Damshiq: Dar Al-Fikr.

Badan Amil Zakat Infak dan Sedekah. 1399H/1981M. *Rekomendasi Dan Pedoman Pelaksanaan Zakat*. Jakarta: Badan Amil Zakat Infak dan Sedekah (BAZIS).

Badan Amil Zakat Nasional Dompot Dhuafa. 2006. Ternyata Zakat Itu Ringan. *Majalah Ramadhan 1427H*, September: 10.

Bayt Al-Zakah Al-Kuwaytiyyah. 1404H/1984M. *Abhath Wa Amal Mutamar Al-Zakat Al-Ula*. Kuwait: Bayt Al-Zakah.

Buyong Adil. 1398H/1980M. *Sejarah Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ulwan, 'Abd Allah Nasih. 1407H/1987M. *Ahkam Al-Zakah Ala Daw'i Al-Madhahib Al-Arba'ah*. Kaherah: Dar Al-Salam.

Didin Hafidhuddin, Salman Harun, Hasanuddin. 1406H/1987M. *Hukum Zakat*. Terj. Jakarta: Pustaka Litera Antara Nusa.

Didin Hafidhuddin. 1425H/2004M. *Zakat Dalam Perekonomian Moden*. Jakarta: Gema Insani Press.

Djamal Doa. 1425H/2004M. *Pengelolaan Zakat Oleh Negara Untuk Memerangi Kemiskinan*. Jakarta: Korpus.

Djamal Doa. 1426H/2005M. *Menggagas Pengelolaan Zakat Oleh Negara*. Jakarta: Nuansa Madani.

Ensiklopedia Malaysiana. 1996. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.

Khalaf, 'Abd al-Wahhab. 1419H/1989M. *Nizam Al-Dawlah Al-Islamiyyah Fi Al-Shu'un Al-Dusturiyyah Wa Al-Kharijiyah Wa Al-Maliyyah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.

Musa Ahmad. 1423H/2002M. Pelaksanaan Agihan Zakat Di Malaysia: Tadbir Urus Dan Pengukuran Prestasi. *Prosiding Muzakarah Pakar Zakat 21-22 Disember 2002, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*, hlm. 95-103.

Nor Muhammad Yaakob. 1411H/1996M. *Teori Amalan Dan Prospek Sistem Kewangan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Rashid Reda, Muhammad. 1420H/1999M. *Tafsir Al-Manar*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

Said Wahbah, Rashid Jumjum, Abd Al-Aziz Muhammad. 1405H/1985M. *Al-Zakah Fi Al-Mizan Dirasah Muqaranah Fi Zakat Al-Mal*. Jeddah: Banhamah Publications.

Surtahman Kastin. 1411H/1996M. *Kemiskinan Dan Pembasmian Kemiskinan Mengikut Perspektif Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

SENARAI PENYUMBANG ARTIKEL

- 1. DATO' HJ. HASSAN HJ. AHMAD**
Mufti Kerajaan Pulau Pinang merangkap Pengerusi Pakar Rujuk Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, Lembaga Tabung Haji dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.
- 2. TN. HJ. LUKMANUL HAKIM HJ. HANAFI**
Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia merangkap Ketua Penyelidik Bimbingan Haji, Lembaga Tabung Haji dan Penyelaras Seminar dan Wacana, Unit Politik Dan Masyarakat, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).
- 3. PROF. MADYA DR. SANEP AHMAD**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- 4. AHMAD OTHMAN**
Pelajar PhD, Graduate School of Business (GSB),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- 5. AHMAD RAFLIS CHE OMAR**
Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan,
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- 6. DR. HJ. ZULKIFLI MOHAMED AL-BAKRI**
Karyawan Tamu, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) merangkap Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji Lembaga Tabung Haji dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Negeri Terengganu.

- 7. PROF. MADYA DR. AMIR HUSIN MOHD NOR**
Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- 8. DR. SURAIYA BT. ISHAK**
Pensyarah, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- 9. AHMAD MUNIR B. ISHAK**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan,
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- 10. DR. MOHD AFENDI MAT RANI**
Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU),
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam.
- 11. SAYUTI ABD. GHANI**
Pensyarah, Pusat Pengajian Umum dan Bahasa,
Universiti Pertahanan Malaysia.
- 12. MURSALIN DAENG MAGGANGKA**
Penasihat Syariah, Mu'amalat Atarek Kamil Ibrahim,
Islamic Accounting & Co. Wangsa Maju.

SYARAT-SYARAT PENERBITAN JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

- a. Artikel hendaklah berkaitan bidang wakaf, zakat, haji, mal dan pengurusan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Kajian-kajian yang bersifat kritikal dan membina amatlah dialu-alukan.
- b. Artikel hendaklah merupakan karya ilmiah asli atau terjemahan pengarang yang belum diterbitkan di dalam mana-mana penerbitan tempatan atau antarabangsa.
- c. Artikel hendaklah tidak melebihi 6,000 patah perkataan atau 30 halaman yang ditaip pada kertas A4 (langkau dua), menggunakan tulisan jenis Arial bersaiz 12.
- d. Artikel yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan abstrak ringkas yang tidak melebihi 200 patah perkataan beserta perkataan-perkataan teras dan juga kod klasifikasi JEL.
- e. Metodologi penulisan hendaklah berdasarkan metodologi penulisan ilmiah. Nota kaki hendaklah dinomborkan sewajarnya dan diletakkan di bahagian bawah halaman berkaitan.
- f. Transliterasi hendaklah ditulis dengan lengkap mengikut kaedah yang dikemukakan di dalam jurnal.
- g. Artikel yang diterbitkan tidak semestinya mewakili pandangan penulis dan JAWHAR. Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pandangan dan artikelnya.
- h. Penulis artikel akan diberi bayaran saguhati yang sewajarnya.
- i. Sumbangan, pertanyaan dan langganan boleh dialamatkan kepada:

Ketua Editor

Jurnal Pengurusan JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel: 03-8883 7400

Faks: 03-8883 7509

Email: jurnal@jawhar.gov.my

